



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 16)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2006	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B. 62	Halaman 16)
Maksud B. 31	Halaman 68)
USUL-USUL:	
Usul Anggaran Pembangunan 2006	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P. 62	Halaman 16)
Maksud P. 31	Halaman 68)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 69)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasar Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan – [Kosong]
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. " Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. " Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. " Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA

8. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) - MIC
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) - UMNO
15. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. " Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB

12. Yang Berhormat Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
20. “ Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) – UMNO
44. “ Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO

-
49. Yang Berhormat Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. " Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. " Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. " Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. " Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. " Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
60. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
61. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
62. " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
63. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
64. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
65. " Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
66. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
67. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
68. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
69. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
70. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
71. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) - UMNO
72. " Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) - UMNO
73. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
74. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
75. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
76. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
77. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
78. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
79. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
80. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
81. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
82. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
83. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
84. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
85. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) - UMNO
86. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO

-
87. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
 88. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
 89. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) - UMNO
 90. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
 91. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) - UMNO
 92. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
 93. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) - UMNO
 94. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
 95. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
 96. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) - UMNO
 97. " Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) - UMNO
 98. " Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) - UMNO
 99. " Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
 100. " Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) - UMNO
 101. " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) - UMNO
 102. " Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) - UMNO
 103. " Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) - UMNO
 104. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
 105. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
 106. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
 107. " Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
 108. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) - DAP
 109. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
 110. " Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
 111. " Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) - UMNO
 112. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) - DAP
 113. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
 114. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
 115. " Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
 116. " Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
 117. " Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
 118. " Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
 119. " Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) - UMNO
 120. " Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) - UMNO
 121. " Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
 122. " Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
 123. " Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO

124. Yang Berhormat Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA

125. “ Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA

126. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

Petugas-Petugas
Penerbitan Penyata Rasmi (Hansard)

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Selasa, 6 Disember 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Haji Rosli bin Mat Hasan [Dungun] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah banduan yang telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati dari Januari 2004 hingga Julai 2005 dan nyatakan apakah kesalahan yang telah dilakukan.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik Jabatan Penjara Malaysia jumlah banduan yang disabitkan salah dan dijatuhkan hukuman mati oleh mahkamah daripada Januari 2004 hingga Julai 2005 adalah seramai 52 orang. Walau bagaimanapun pelaksanaan hukuman gantung sampai mati belum dilaksanakan kerana kes-kes mereka masih lagi dalam proses rayuan sama ada di mahkamah atau Jemaah Pengampunan Negeri. Daripada jumlah tersebut seramai 36 telah disabitkan atas kesalahan mengedarkan dadah di bawah seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya. Manakala 16 orang lagi di atas kesalahan membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dapat cerita daripada keluarga yang sebelum ini telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati, pada lazimnya banduan tersebut seolah-olah mati sebelum dihukum gantung sampai mati. Katanya apabila dikeluarkan daripada sel untuk sampai ke tali gantung dia tak boleh berjalan dah, macam dah mati sebelum mati. Jadi, apakah cadangan kerajaan agar melihat jenis atau kaedah hukuman ini dengan lebih membantu banduan ini supaya menggunakan kaedah-kaedah tertentu, kerana dilihat tali gantung ini agak dahsyat sedikit, tetapi apakah setengah-tengah negara seperti negara maju sudah ada usaha-usaha seperti dalam filem pun ada tunjuk seperti kerusi elektrik umpamanya ataupun jenis *chemical* untuk dicucuk dan sebagainya. Apakah kerajaan sedang bersedia untuk mengadakan kaedah-kaedah seperti ini? Terima kasih

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kes yang spesifik di mana banduan itu mati sebelum menjalani hukuman. Sel itu memang saya tidak sedar kerana kita mempunyai peraturan-peraturan yang tertentu sebelum hukuman gantung sehingga mati dijalankan dan walaupun pada tahun 2004 seramai 202 orang banduan telah mati, tetapi kebanyakannya mati di hospital kerana sakit dan segelintir mati dalam penjara juga atas sebab-sebab kesihatan. Setakat ini kita tidak ada hasrat atau rancangan untuk mengubah cara menjalankan hukuman mati ini walaupun kajian selalu dijalankan atas cara-cara lain. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh saya tanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah asasnya kita adakan hukuman gantung? Memandangkan ada beberapa kes di seluruh dunia ini di mana *corporal punishment* dengan izin, telah dihapuskan dan kerap kali

bila hukuman gantung atau *corporal punishment* diadakan selepas hukuman telah dijatuhkan oleh mahkamah berkenaan, kerap kali kita dengar bahawa dia itu, tidak ada kena-mengena dengan kesalahan tersebut dan ini ada dengan izin, *you taking away a precious life*. Bukankah kita sebagai satu negara yang sudah maju lebih kurang, patut lebih mengambil perhatian, lebih *civilize* dalam sistem demokrasi ini supaya diberi lain-lain yang setanding dengannya. Ini satu perkara yang mustahak...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...dan yang mustahak lagi sekali adalah di mana keluarga mereka dan hak asasi seseorang. Ini bertentangan dengan United Nations punya resolusi ...

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...yang terkena pada..

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...perkara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang dan pendekatan berkenaan dengan *corporal punishment* berbeza di antara negara-negara dan kadang-kadang adalah tertakluk kepada masa dan keadaannya..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chia Kwang Chye: ...dan sekarang pun selepas insiden 9/11, ada banyak negara termasuk negara Amerika, negara *England* dan juga negara *France* yang telah memandang cara menangani masalah *terrorism* ini dari sudut yang lain. Ini tertakluk kepada situasi dan juga undang-undang di negara masing-masing tetapi di negara kita memang ada sekurang-kurangnya empat tahap dan di mana banduan yang telah disabit salah boleh mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Rayuan termasuk Mahkamah Persekutuan dan sehingga Lembaga Pengampunan, diampun oleh Yang di-Pertuan Agong ataupun Sultan ataupun TYT dan sebagainya.

Jadi, memang ada banyak cara, banyak tahap dan peluang di mana mereka boleh dapat sebelum kita menjalankan hukuman gantung sehingga mati ini, dan saya tidak tahu di Malaysia sama ada kes di mana digantung sehingga mati dan barulah mereka dapati tidak bersalah dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan, saya ingin mengucapkan takziah kepada Yang Berhormat bagi Balik Pulau kerana ayahandanya telah kembali rahmatullah. Marilah kita berdoa semoga Allah S.W.T. akan mencucuri rahmat ke roh Allahyarham.

2. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai] minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kementerian sedar bahawa bank-bank telah mengena atau mengadakan berbagai-bagai caj dan denda kepada pelanggan yang berbeza di antara satu bank dengan bank yang lain. Apakah Bank Negara tiada mempunyai satu sistem perbankan yang sama dan menyeluruh yang wajib diguna pakai oleh semua pihak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan saya ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan ini kelmarin, dan saya amat terharulah di atas sudinya Dewan ini untuk bertafakur dan membaca Fatihah untuk arwah ayah saya. Beliau telah pun berumur 92, dan sakit tiga bulan dan sudah pergi dengan selamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang kedua. Bank Negara Malaysia telah menggariskan polisi berhubung dengan pengenaan *fee* dan caj oleh institusi perbankan. Dalam hal ini bagi pengenaan *fee* dan caj yang melibatkan akaun simpanan

dan akaun semasa kepada semua warga Malaysia termasuk pemastautin tetap. Bank Negara Malaysia tetap melaksanakan rangka kerja perkhidmatan perbankan asas berkuat kuasa pada 1 Februari 2005. Dalam rangka kerja perkhidmatan perbankan asas ini, bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan dikehendaki menawarkan sekurang-kurangnya 14 urus niaga sebulan secara percuma yang terdiri daripada perkhidmatan perbankan seperti deposit cek dan tunai, pertanyaan akaun, pengeluaran wang, pemindahan dana di bawah institusi perbankan yang sama dan kemudahan pembayaran bil. Di samping itu pemegang akaun juga layak melakukan dua transaksi *inter bank Giro* yang dikenakan *fee* minimum tidak melebihi lima puluh sen setiap transaksi.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, bagi pengenaan *fee* dan caj ke atas produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada individu serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS), Bank Negara Malaysia juga telah menggariskan prinsip panduan pada bulan Ogos 2005 untuk memastikan *fee* dan caj yang dikenakan adalah adil dan saksama. Dalam hal ini sekiranya *fee* dan caj yang dikenakan didapati tidak selaras dengan prinsip panduan tersebut Bank Negara Malaysia akan mengarahkan institusi perbankan supaya mengurangkan akaun, mengurangkan atau menghentikan pengenaan caj tersebut.

Bagi produk dan perkhidmatan selain daripada produk perbankan asas dan produk serta perkhidmatan perbankan untuk individu dan (PKS). Institusi perbankan memang dikehendaki memastikan *fee* dan caj yang dikenakan adalah berdasar kos sebenar dan selaras dengan polisi penetapan harga serta strategi pemasaran institusi perbankan yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kita pergi ke bank, kira duit siling pun dia caj, kalau kita hantar duit *note* lebih-lebih sikit dia caj. Cek *return* sudahlah orang bagi terkena hak kita, masuk pun kena lagi. Jadi, dia makan keliling. Adakah pihak Bank Negara, mengeluarkan satu garis panduan yang boleh caj ini, ini, ini, saja. Yang ini tak boleh. Ini ikut suka bank itu. Jadi, sudahlah kita *deposit* duit dalam itu *diroll* duit kita, dia makan kita lagi.

Jadi, mana boleh tahan, Tuan Yang di-Pertua dan lagi Tuan Yang di-Pertua, ini saya hendak tanya kepada Setiausaha Parlimen ini, *unwritten law* ini, Tuan Yang di-Pertua, CTOS ini. Ini bukan ada undang-undang, tidak ada undang-undang, tidak ada peraturan di dalam Bank Negara tetapi, CTOS ini, digunakan oleh sebuah syarikat dan kadang-kadang orang itu terlewat bayar dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua, dia masuk nama orang itu, dalam CTOS dan *blacklist*kan nama. Orang itu sendiri pun tak tahu yang dia kena CTOS. Tahu-tahu, dengar-dengar CTOS. Jadi, dia hendak berkira hal lain pun sudah tak boleh. Kalau diselesai pun Tuan Yang di-Pertua, nama itu pun tak dipandang. Jadi, dalam keadaan ekonomi yang lembap ...

Jadi dalam keadaan ekonomi yang lembap kalau CTOS dok buat perangai macam ini, bank pula kutip duit kiri kanan macam mana orang berniaga hendak hidup dan orang cari makan boleh bernafas? Jadi saya minta pihak kementerian pandangan-pandangan bernas saya ini supaya pihak Bank Negara dan pegawai-pegawai yang ada ini tolong ambil kira kerana rungutan ini, Tuan Yang di-Pertua, memang cukup banyak. Cukup banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi terima kasih banyakkah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Sila jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sila.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Jerai memang berminat dan banyak kali sudah bangkitkan perkara ini iaitu perkara caj-caj yang dikenakan oleh bank. Sebenarnya memang Bank Negara ada prinsip panduan yang telah pun di *introduced* (dikeluarkan) pada bulan Ogos 2005 iaitu ada enam prinsip. Kalau saya hendak baca panjang, Tuan Yang di-Pertua, di sini yang mengawal bayaran sehingga kalau pihak *client* (pelanggan) tidak bersetuju ataupun tidak puas hati dengan caj yang

dikenakan oleh bank mereka boleh mengadu kepada Bank Negara dan Bank Negara akan siasat. Kalau didapati memang tidak munasabah caj yang dikenakan, Bank Negara akan mengarahkan bank itu supaya menghentikan dan bayar balik *fee* yang telah dikenakan. Ini memang sudah ada caranya.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bank tidak dibenarkan mengenakan caj yang berlebihan. Dia cuma boleh mengenakan caj di atas kos pentadbiran di atas perkhidmatan yang diberi. Itu sahaja. Dia tidak boleh mengambil untung lebih daripada itu.

Mengenai CTOS Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada dua sistem. Satu C-CRIS dan satu CTOS. C-CRIS adalah di bawah Bank Negara dan C-CRIS rekod maklumatnya adalah bulan ke bulan. Maknanya di *updated* tiap-tiap bulan. Jadi ini yang lebih tepat. Kalau CTOS ini tidak tepat. Maklumat yang masuk tidak keluar sudah dan CTOS ini adalah *private sector*. Syarikat, bukan oleh kerajaan.

Jadi saya harap kalau hendak buat panduan bank-bank dia menggunakan maklumat C-CRIS yang lebih tepat. Jadi segala wang keluar masuk dia tidak bayarkah, semuanya direkod dalam CTOS, di *captured* di situ. Yang itu maklumat yang lebih tepat. Kalau CTOS memang maklumat yang tidak tepat.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak Bank Negara *adsorb* kan CTOS? Jangan ada CTOS. Ada C-CRIS satu cukuplah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi tidak *confused*.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa ini Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam? Semalam pukul 12, *you* mahu bising apa?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*]

Tuan Yang di-Pertua: Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan saya mudah sahaja. Adakah kerajaan sedar bahawa kebanyakan bank-bank dan hampir semua bank menyimpan geran-geran tanah di bank masing-masing ke atas tanah-tanah yang dicagarkan kemudian mereka hilangkan dan kos carian, kos mendapatkan semula geran tanah tersebut di caj kepada tuan punya tanah? Apakah tindakan kementerian? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jerai berkenaan dengan CTOS, bolehlah saya bawa pandangan ini kepada pihak Bank Negara dan kita bolehlah melihat kepada masalah perundangan sama ada kita boleh hapuskan/mansuhkan CTOS ini atau tidak. Ini kena tengok dari segi perundangan kita. Kalau boleh memang patutlah. Kalau tidak boleh kita harap bank-bank menggunakan C-CRIS sahaja sebagai rekod mereka, untuk hendak menyemak rekod.

Berkenaan dengan geran tanah yang dipegang oleh bank hilang, ini perkara-perkara yang sepatutnya tidak berlaku sebenarnya. Kalau berlaku kita boleh *report* kepada Bank Negara dan kalau kesilapan adalah kesilapan pihak bank, tidak patut di caj kepada *client*. Jadi perkara ini boleh *report* dan kalau didapati memang benar berlaku dan bank itu boleh diarahkan oleh Bank Negara supaya tidak mengenakan caj itu, Tuan Yang di-Pertua.

3. **Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah kejayaan yang diperolehi terhadap usaha pembangunan francais terhadap peniaga-peniaga kecil di luar bandar dan apakah kesannya terhadap pembangunan ekonomi luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah mengenal pasti perniagaan berkonsepkan francais sebagai satu kaedah untuk mempercepatkan penglibatan bumiputera dalam perniagaan terutama sekali di sektor peruncitan. Setakat ini sebanyak 237 sistem francais telah didaftarkan di bawah Akta Francais 1998. Daripada jumlah tersebut hampir 70% adalah merupakan *francaisor* tempatan.

Adalah menjadi harapan kementerian untuk membangunkan lebih banyak produk francais tempatan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan ini khususnya melalui agensi kementerian seperti Perbadanan Nasional Berhad (PNB) dan perbadanan kemajuan negeri-negeri. Agensi-agensi berkenaan akan mengenal pasti perniagaan dan produk termasuk dari luar bandar untuk dibangunkan melalui sistem francais. Setakat ini sebanyak 15 produk telah dikenal pasti untuk dibangunkan melalui sistem perniagaan francais. Daripada 15 produk tersebut terdapat beberapa daripadanya berasal dari bandar-bandar kecil. Di antara produk-produk yang sedang dibangunkan adalah makanan segera, sistem pajak gadai Islam dan kedai runcit.

Mengenai pembangunan perniagaan francais adalah tertumpu di kawasan bandar-bandar disebabkan oleh pelbagai faktor seperti lokasi perniagaan yang strategik, bilangan penduduk, kuasa beli pengguna, cita rasa serta gaya hidup dan tahap pengetahuan berkaitan perniagaan francais itu sendiri. Kementerian sentiasa berusaha untuk menggalakkan penyertaan orang ramai dalam perniagaan francais. Melalui program seminar dan ekspo yang telah diadakan di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar seramai 3,608 peserta telah mendapat manfaat dari segi pendedahan berkaitan dengan konsep dan peluang dalam peningkatan francais. Peserta seminar tersebut adalah terdiri dari penduduk bandar dan juga luar bandar.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Produk francais tempatan berbanding dengan produk francais dari luar negara tentunya kita dapat melihat ada perbezaan yang begitu ketara.

Jadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bolehkah Dewan yang mulia ini mendengar sedikit penjelasan mengapa, apakah punca utama yang menyebabkan produk francais tempatan ini seolah-olah hidup segan mati tidak mahu? Hanya sekadar ianya diwujudkan tapi kejayaannya jauh kalau kita bandingkan dengan produk francais dari luar negara. Jadi apakah sebab utama, punca utama yang menyumbang kepada ketidak menyerlahnya program-program francais tempatan berbanding dengan luar negara?

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada jawapan yang tepat untuk mengandaikan perbandingan dari segi kejayaan ataupun kekuatan perniagaan francais luar berbanding dengan tempatan. Bagaimanapun jika diteliti sejarah pembangunan sektor perniagaan berkaitan konsep francais ini baru diwujudkan akhir-akhir ini iaitu bermula tahun 1995 di mana adalah masih baru di dalam industri yang berkenaan.

Jadi saya rasa pandangan kita ialah kita tidak menggunakan itu sebagai satu asas untuk kita berputus asa. Maknanya walaupun ini adalah industri yang baru dalam usaha ini tetapi kita boleh kembangkan. Untuk itu kementerian sentiasa memberikan bantuan galakan di dalam pembangunan francais ini. Antaranya ialah dari segi dana yang disediakan melalui Perbadanan Nasional Berhad. Kita memberikan galakan dan juga bantuan dana, antaranya dana pinjaman untuk 10% daripada modal yang berkenaan dan juga seminar-seminar, penyertaan di dalam ekspo francais di seluruh dunia. Setakat ini sebanyak 3,000 lebih pengusaha ini telah diberikan pendedahan kursus dan juga menyertai ekspo termasuklah di United Kingdom, di China, di India dan juga di Dubai setakat ini.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya bangun Tuan Yang di-Pertua dengar jawapan daripada Setiausaha Parlimen macam orang kampung daripada Ulu Santubong, Kapit, Kanowit hendak pergi ke London untuk ke seminar itu, saya tidak fahamlah, Tuan Yang di-Pertua. Orang daripada mana-manalah di Malaysia ini, dari luar bandar hendak pergi seminar ke USAkah, ke Englandkah, ke London kah. Saya sendiri pun tidak tahu macam mana hendak cari. Jadi macam mana orang kampung hendak buat? Jadi jawapan ini biarlah realistik.

Soalan francais ini, Tuan Yang di-Pertua, memang banyak. Negara-negara kita ini mengeluarkan francais-francais yang tertentu, umpamanya Telekom. Ada skim Telekom francais begitu elok dan cantik sekali. Masalahnya orang sudah diberi kursus oleh Telekom tidak mempunyai sumber kewangan. Bagi bumiputera tidak ada sumber kewangan RM30,000 hingga RM35,000 hendak ambil francais Telekom dia tidak boleh berniaga tapi bagi orang yang ada sumber kewangan RM35,000 boleh minta dengan bapanya, esok hari dia sudah ada gerai sudah untuk berniaga Telekom. Itulah kalau kita pergi ke pasar raya kita nampak, mana anak-anak Melayu dan anak bumiputera terlibat? Sebab tidak ada RM35,000.

Jadi kementerian sepatutnya menyenaraikan agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat yang besar macam Telekom ini dalam satu senarai dan apa peruntukan kewangan yang patut disediakan. Bila kursus dapat agensi ini boleh berhubung terus atau mereka proaktif berhubung kepada agensi ini mengambil kira siapa yang layak diberi bantuan supaya memperbanyakkan orang terlibat dengan francais. Baru boleh buat. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawapan setuju atau tidak cadangan saya ini?

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Santubong dan insya-Allah kita akan mengambil catatan terhadap cadangan tersebut. Bagi menjelaskan soalan Ahli Yang Berhormat, bukan maksud kita untuk mengadakan seminar di luar negara tetapi seperti yang saya nyatakan tadi kementerian telah menyertai ekspo-ekspo yang telah diadakan di luar negara dan memberikan pendedahan kepada pengusaha-pengusaha francais di negara kita. Antara ekspo yang telah diadakan di luar negara ialah di Beijing, China; di Birmingham, England; di New Delhi, India; dan Dubai, UAE. Terima kasih.

4. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan kenapa snuker, satu acara yang telah dipertandingkan di Sukan Olimpik masih dianggap sebagai aktiviti hiburan di mana semua pihak berkuasa tempatan mensyaratkan penubuhan pusat snuker perlu mendapat lesen hiburan, apakah rasionalnya dan bagaimana kementerian mengatasi kemelut ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan pusat snuker perlu mendapat lesen hiburan daripada pihak berkuasa tempatan bertujuan mengawal operasinya kerana terdapat tanggapan negatif terhadap sukan ini. Walau bagaimanapun, Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Persekutuan Snuker dan Belia Malaysia sedang berusaha untuk mempopularkan sukan ini terutama di dalam menarik minat lebih ramai atlet-atlet berpotensi menceburi bidang ini sebagai salah satu sukan berprestasi tinggi.

Usaha sedang dilakukan untuk mendapatkan persetujuan pihak berkuasa tempatan bagi mengeluarkan lesen operasi kepada pusat-pusat snuker yang dikenal pasti untuk dijadikan pusat latihan selain membenarkan atlet-atlet berbakat yang berumur di bawah 18 tahun menjalani latihan di pusat-pusat tersebut. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya meneliti jawapan tadi mengatakan ada tanggapan negatif terhadap apa yang digelar sebagai aktiviti sukan snuker. Saya tergamam kerana kalau kata judi, bola boleh judi bola apa pun boleh judi, dan kenapa pula snuker itu dilabelkan sebagai satu aktiviti sukan walaupun dipertandingkan di peringkat temasya sukan antarabangsa tetapi masih lagi dianggap sebagai satu aktiviti yang ada hubung kait dengan hiburan. Saya tidak tahu sama ada jari kiri dengan jari kanan kita berhubung atau tidak. Itu satu soalan yang saya ingin pendirian kementerian ini bagaimana kita menyediakan kemudahan untuk kita melatihkan

pemain yang terunggul seperti Nicol David dalam skuasnya dan sokongan kerajaan itu amat penting. Minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bilangan pusat tidak dihadkan. Untuk semua perniagaan perlukan lesen perniagaan, lesen *premises* dan mematuhi segala syarat yang dikenakan.

Untuk makluman Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pusat hiburan di mana pusat snuker yang ada pada tahun kebelakangan ini pusat-pusat ini memang mempunyai operasi-operasi haram seperti mesin kuda yang menjejaskan permainan snuker dan biliard ini tetapi kita telah mendapat persetujuan dari kerajaan tempatan supaya mereka akan memberi lesen kepada pusat-pusat hiburan yang menjalankan snuker jikalau mereka mematuhi semua syarat yang dikenakan. Satu syarat yang penting ialah tidak menggunakan sebagai tempat perjudi dan juga tempat-tempat untuk menjalankan kegiatan haram.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini, buat masa ini acara snuker dan biliard hanya dipertandingkan di peringkat Sukan SEA dan Sukan Asia selain daripada kejohanan individu sukan berkenaan. Ia belum lagi dipertandingkan di Sukan Olimpik. Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat di temasya Sukan SEA di Manila baru-baru ini, Persatuan Snuker dan Biliard Malaysia telah menghantar seramai 10 orang atlet yang terdiri dari 8 atlet lelaki dan 2 atlet perempuan untuk mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, soalan dia lain.

Tuan Sa. Vigneswaran: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi maklumat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk memantapkan lagi. Baiklah, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu ucapkan syabas dan tahniah kepada MSN kerana telah memberi hadiah berupa wang tunai sebanyak RM200,000.00 dan kerana MSNlah yang telah mengiktiraf Nicol David berjaya ke persada antarabangsa. Soalan saya ialah saya ingin memetik kata-kata bekas Ketua Pengarah MSN, Datuk Wira Mazlan Ahmad yang telah memberi gambaran bahawa kita ubah *mindset* ini tentang permainan snuker ini yang mana kita ada potensi untuk melonjakkan diri dan memenangi pingat emas sekiranya diadakan di peringkat Olimpik baik, walau pun belum diadakan di peringkat Olimpik, tetapi peringkat dunia sudah diadakan, peringkat Asia dan di peringkat SEA. Cuma yang boleh menyebabkan permainan ini agak tidak begitu digalakkan oleh kerana budaya dan agama kerana dia bermirip permainan judi dan biliard. Soalan saya ialah apakah MSN sudah mengenal pasti remaja-remaja yang berpotensi untuk menggalas Jalur Gemilang di peringkat antara bangsa dan memenangi pingat, diasingkan mendapat latihan yang secukupnya. Itu soalan saya.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sejak awal tahun 1990-an Majlis Sukan Negara telah mula menjalin kerjasama dengan Persatuan Snuker dan Biliard Malaysia di bawah program penyediaan atlet ke arah penyertaan temasya Sukan SEA dan Asia.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Sukan Negara telah menyediakan satu tempat latihan khas bagi snuker dan biliard di perkarangan Majlis Sukan Negara di mana atlet-atlet di bawah Program Gemilang 2006 dan terpilih mewakili negara menjalani latihan secara intensif di sana. Selain menyediakan kemudahan latihan tersebut, Majlis Sukan Negara telah bekerjasama dengan pihak persatuan telah melantik beberapa orang Jurulatih tempatan sepenuh masa untuk melatih atlet-atlet snuker dan biliard negara bagi menyediakan pasukan yang mantap ke arah Sukan Asia dan Komanwel 2006.

Buat masa ini, sebanyak 7 buah sekolah telah dipilih sebagai projek permulaan dan sekolah-sekolah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Sekolah Tinggi Sultan Abu Bakar, Johor Bahru, Johor;
- (ii) Sekolah Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak;

- (iii) Sekolah St. Gabrielle Kuala Lumpur;
- (iv) Sekolah Menengah Maluri, Kuala Lumpur;
- (v) Sekolah Menengah Sri Ampang, Kuala Lumpur;
- (vi) Sekolah Menengah Alam Shah, Putrajaya;
- (vii) Sekolah Menengah Lelaki Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada pusat snuker *Sunway Pyramid* yang telah dipilih sebagai Pusat Latihan untuk atlet bersekolah, Majlis Sukan Negara dan pihak persatuan kini dalam perancangan untuk mengenal pasti sekolah-sekolah baru yang dipilih untuk tujuan yang sama dan beberapa negeri telah dikenal pasti iaitu Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

[Soalan No. 5 – YB Tuan Razali bin Haji Ibrahim (Muar) tidak hadir]

6. Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah langkah dan persediaan yang diambil oleh Kementerian bagi menghadapi persinggahan burung-burung yang akan berpindah dari hemisfera utara ke hemisfera selatan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti di Malaysia yang berkemungkinan akan membawa virus selesema burung ke negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, burung-burung hijrah dari hemisfera utara biasanya akan melalui dan singgah di Malaysia pada bukan Oktober. Burung-burung ini berisiko membawa virus selesema burung jika ia berasal dari kawasan berpenyakit atau singgah di kawasan yang terdapat penyakit selesema burung. Walau bagaimana pun, bagi burung-burung yang berasal dari kawasan bebas penyakit dan tidak singgah di tempat yang berpenyakit, risiko membawa virus adalah rendah.

Hasil ujian sampel yang diambil pada musim penghijrahan yang lepas mendapati tiada virus selesema burung dikesan. Namun ini tidak bermakna bahawa keadaan serupa akan berlaku pada musim penghijrahan tahun ini. Antara langkah-langkah persediaan yang telah dan akan diambil, termasuk:

- (i) meneruskan *surveillance virology* dengan mengambil sampel daripada burung hijrah di taman-taman atau tempat perlindungan burung bagi mengesan kehadiran virus;
- (ii) menjalankan *surveillance clinical* ke atas ladang-ladang ternakan ayam dan itik di sekitar taman-taman atau tempat perlindungan burung bagi mengesan kemungkinan berlakunya jangkitan; dan
- (iii) memastikan tiada air kolam dari taman-taman burung digunakan sebagai air minuman ternakan oleh ladang-ladang yang berhampiran.

Melalui tindakan dan langkah-langkah yang diambil secara profesional dengan kerjasama sepenuhnya pelbagai agensi kerajaan, Malaysia telah berjaya mengawal penyakit selesema burung yang mula dikesan pada 17 Ogos 2004. Malaysia disahkan bebas sepenuhnya daripada wabak selesema burung bermula pada 22 Februari 2005 oleh *World Animals Health Organization*. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih. Kita berasa lega dengan jawapan daripada pihak kementerian mengenai Malaysia yang bebas daripada selesema burung sehingga kini. Seperti kita tahu bahawa di Vietnam, di Thailand dan baru-baru ini di Ukraine iaitu di sebelah utara, selesema burung berlaku lagi di sana dan kemungkinan burung di sana akan terbang dan singgah di kawasan-kawasan lain seperti di Thailand, di Vietnam dan sebagainya, mungkin akan berlaku.

Soalan saya, adakah pihak kementerian mengenal pasti jenis-jenis burung, negara-negara asal mereka dan di mana tempat persinggahan mereka sebelum tiba di Malaysia dan apakah kerjasama dibuat oleh pihak kementerian dengan negara-negara asal tersebut sama ada dari segi maklumat dan sebagainya supaya kita boleh mengadakan persediaan awal jika perkara ini berlaku.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Semua yang Yang Berhormat sebutkan tadi adalah termasuk dalam langkah-langkah iaitu untuk kita menguruskan dari segi menentukan bahawa burung-burung khasnya yang mempunyai risiko yang tinggi akan diawasi melalui beberapa sistem. Seperti Yang Berhormat katakan, memang ada kerjasama atau jalinan yang diadakan bersama, bukan sahaja dalam negara tetapi bersama negara-negara yang disebutkan tadi, khasnya wabak selesema burung yang mempunyai risiko tinggi yang berdekatan dengan kita adalah seperti Indonesia, Thailand dan Vietnam, seperti Yang Berhormat katakan tadi dan di Indonesia pula diuruskan secara spesifik. Di Indonesia, kalau burung itu datang daripada hampir keseluruhan Pulau Jawa iaitu sebahagian besar Sumatera, Sulawesi dan Kalimantan Timur, mereka memang mempunyai risiko yang tinggi.

Di Thailand pula, memang telah dikenal pasti ada empat wilayah yang ada dilanda wabak ini. Di Vietnam keadaan semakin buruk di mana sebahagian populasi itiknya dijangkiti dan tiada tindakan pemusnahan ke atas ternakan itik tersebut. Yang terbaru didapati iaitu di China dan Mongolia. Jadi bermakna Yang Berhormat sentiasa diadakan satu rangkaian maklumat di antara Malaysia khasnya kementerian kita dan juga dengan negara-negara jiran yang mempunyai risiko yang tinggi. Dan kita juga mempunyai langkah-langkah kawalan yang ketat juga iaitu bersama dengan Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan juga Jabatan Imigresen. Jadi, Jabatan Imigresen diminta membantu bukan sahaja manusia tetapi termasuk dari segi pengawalan kemasukan khasnya jenis-jenis unggas, burung-burung ke negara kita.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tentang burung ini tidak ramai orang yang suka tanya, [Ketawa] Jadi saya ingin hendak tanya Setiausaha Parlimen, elok kita ada *cooperation* di antara satu negara dengan yang lain, tetapi saya ini tidak tahu dan saya ingin tahu daripada Yang Berhormat oleh kerana burung-burung ini di atas angkasa itu, tidak ada imigresen, tidak ada kastam dan tidak ada polis, macam mana kita hendak tahan dia jangan masuk ke Malaysia. [Ketawa] Saya ini bertanya bukan apa, saya kurang faham sedikit. Itu yang saya hendak tahu, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Jerai pun setuju dengan saya, pasal burung dia pun dok terbang selalu. [Ketawa] Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang ada satu sistem digunakan. Yang saya katakan tadi itu, yang imigresen itu bagi unggas tadi dan burung-burung seperti ayam, itik dan sebagainya itu yang dibawa masuk. Yang terbang ini pun ada, sebab itu mereka sehingga tahu dari segi tabiat-tabiati burung ini. Jadi, mereka dapat mengesan bahawa burung-burung ini akan berhijrah dan singgah di tempat kita ini pada bulan Oktober. Jadi, di tempat-tempat burung inilah, pasukan yang dinamakan pasukan *task force* selesema burung ini, mereka tahu dan di situlah tadi, seperti saya sebutkan pada permulaan tadi, sampel-sampel diambil.

Ini teknikal, tetapi Yang Berhormat fahamlah sampel-sampel ini, macam-macam sampel akan diambil dan walau bagaimana pun kita tadi mengatakan bahawa kita bebas daripada selesema burung, tetapi kita tidak mengambil ringan hal ini. Kita sentiasa dan kita ikuti tabiat burung ini. Sampel secara *random* diambil untuk mengetahui bahawa adakah burung ini bebas, sebab walaupun mereka ini singgah sekejap tetapi kita tidak mahu peninggalannya penyakit ini kepada burung-burung kita pula di Malaysia. Terima kasih.

7. Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik] minta Menteri Penerangan menyatakan apakah keistimewaannya siri drama 'Tin Gei Bin' yang dikeluarkan oleh Filem Negara dan mendapat slot '*prime time*' dibandingkan siri drama 'Insurgensi', kisah perjuangan menentang pengganas komunis yang disiarkan pada jam 5.00 petang atau siri 'Harimau Malaya : Pejuang Gerila Force 136' perjuangan menentang penjajah Jepun yang disiarkan pada jam 11.00 pagi.

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali perbezaan dan keistimewaanannya ialah 'Tin Gei Bin' merupakan drama keluaran Filem Negara sendiri yang bersifat drama mega popular yang mempunyai unsur komersial dan mempunyai *sponsor*nya. 'Insurgensi' adalah merupakan drama yang berat dan 'Insurgensi' diletakkan di waktu mana pun mempunyai audiensnya yang tersendiri yang komited dan setia.

Persepsi kita atau harapan kita untuk menarik penonton dengan meletakkannya atau meletakkan drama-drama yang serius pada waktu '*prime time*' atau waktu perdana tidak berlaku seperti mana yang kita harapkan daripada pengalaman kita. Sebaliknya, sesuatu program atau drama yang berkualiti dengan kombinasi ciri-ciri yang menarik minat penonton mampu mempengaruhi kita, RTM sendiri, untuk kemudiannya meletakkannya pada waktu '*prime time*' atau mengulanginya di waktu yang kurang penonton, umpamanya drama 'Daun Ketupat Kering' yang kita siarkan semula atas permintaan ramai di luar waktu puncak.

Penyiaran drama 'Insurgensi' yang memaparkan kisah perjuangan menentang pengganas komunis dan 'Harimau Malaya: Pejuang Gerila Force 136' yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah dibuat berdasarkan sistem penjadualan sebelum penamaan semula RTM setahun lalu. Walaupun disiarkan bukan pada waktu puncak ketika itu, tetapi tidak pula bererti siri drama itu tidak penting kepada anggota masyarakat. Ini kerana walaupun disiarkan di luar waktu puncak tetapi pada waktu berkenaan masih mempunyai khalayak penontonnya tersendiri.

Kami sesungguhnya sangat-sangat mengalu-alukan, siri-siri drama sejarah yang mempunyai nilai kreativiti yang tinggi dalam menjadikannya sebuah drama yang mempunyai kombinasi semua aspek dari segi *human interest*, mesej dan nilai-nilai commercialism. RTM menghadapi suatu persaingan yang sekarang ini, menghadapi suatu persaingan yang sangat mencabar dari kalangan TV swasta. Maka itu, setiap penerbitan swasta ataupun penerbit swasta harus juga memahami bahawa RTM di samping mempunyai tanggungjawab sosialnya, juga harus mempunyai penonton yang tinggi. Kami amat teliti dalam soal ini. RTM dari semasa ke semasa, menyusun penjadualan rancangan TV untuk menjadikan unsur-unsur drama dan sebagainya yang mempunyai tanggungjawab sosial diketengahkan.

Ini adalah satu perkara yang amat sulit, termasuk program yang disediakan oleh RTM sendiri seperti Anjung Budi, Forum Perdana dan sebagainya. Kita berusaha tetapi penontonnya tetap terhad dan terbatas walaupun disiarkan pada *prime time*. Maka itu, unsur-unsur komersialisme tidak boleh diketepikan sama sekali dalam keadaan yang ada sekarang. Demikianlah jawapan saya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Gerik.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Tan Sri, inilah persoalannya, ya? Apakah misi dan visi RTM, di mana yang komersial, yang tidak baik sebenarnya, sebegini, saya sebagai pengalaman lima kali menjadi jemaah juri Festival Filem Malaysia, dua kali Pengerusi. Saya lihat ini tidak bermutu dibandingkan dengan filem patriotik. Ada aspirasi nasionalnya, perjuangan menentang penjajahan Jepun. Di mana wiranya ialah *Grand Uncle* kepada Yang Berhormat bagi Arau, Mejar Tengku Mahmood Mahyuddin. Ini diletakkan untuk ditonton oleh pembantu rumah dari Indonesia. Pukul 11.00 pagi.

Yang satu lagi *Insurgensi* arahan Aziz M. Osman. Sudah berapa kali menggondol Festival Filem Malaysia? Diletakkan pukul 6.00. Kita pun tak sempat menonton, pelajar-pelajar masih di sekolah. Kenapa tidak slotnya pukul 9.00? Di manakah misi dan ini diterbitkan oleh Filem Negara - *Tin Gei Bin* ini. Sepatutnya *Insurgensi for 136*, diterbitkan oleh Filem Negara, ada aspirasi nasionalnya. Filem Negara ini, saya bangga semasa di Monarch University, tahun 1, tahun 2, diwajibkan menonton *The Timeless Temiar*, satu filem *colour* rencana yang terbaik di dunia. Itu dia identiti Filem Negara. Hari ini, mengeluarkan filem seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Kita menyokong kalau ia Embun atau Paloh, ataupun Datuk Maharajalela. Jadi, dimanakah letaknya Filem Negara, saluran

perdana, saluran nasional yang dulunya mencerminkan identiti kebangsaan tetapi hari ini sudah caca merba?

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Bila membuat pembaikan seperti tikus membaiki labu.

Tuan Yang di-Pertua: [Menyampuk]

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya tidak menafikan tentang bahawa penilaian-penilaian yang telah dibuat terutamanya oleh Yang Berhormat. Dalam pada itu, kita juga tidak boleh menolak bahawa banyak pilihan dan keputusan yang telah dibuat itu adalah sama sekali menolak unsur komersialisme. Banyak filem-filem drama, filem-filem yang telah diketengahkan, tapi adalah filem-filem yang tidak mendapat pasaran yang baik. Itu tak boleh nafikan.

Satu persatu kita boleh ketengahkan. Mana satu filem yang telah dipilih? Paloh dan sebagainya yang dapat menandingi filem-filem yang diterbitkan oleh Datuk Yusof Haslam, umpamanya. Jadi, ini suatu hakikat yang kita tidak dapat nafikan, terutamanya oleh pihak RTM sendiri yang telah dianggap sebagai satu stesen yang lebih banyak unsur kemelayuannya, unsur keagamaannya, sehingga ia di sampingkan, terutamanya RTM 1.

Jadi, usaha-usaha untuk memulihkan, di samping kita melihat kebelakangan keagungan-keagungan yang lalu, tetapi kita juga harus menempah strategi untuk melihat keagungan dan keadaan yang ada sekarang. Cabaran yang dihadapi sekarang yang harus dibuat penyelesaian. Kalau tidak, kita akan disampingkan.

Apa yang dilakukan oleh RTM sekarang ini ialah supaya ia tetap hidup dalam arus perdana, maka itu juga segala pemilihan yang dibuat dan strategi yang dibuat ialah untuk ke arah arus perdana. Kalau kita menafikan hakikat ini, maka akhirnya kita hanya syok sendiri. Ini adalah amat berbahaya. Amat bahaya kita akan terkeluar daripada arus perdana. Hakikat ini, kita umpamanya RTM. Di samping itu, kita terus bertanggungjawab, terus menunjukkan komitmen kita kepada *social obligations* kita, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tanggungjawab kita terhadap negara. Kita meneruskan, umpamanya Debat Perdana, ISU, kita ada *Top Show* dari semasa ke semasa yang tidak disanggupi untuk dijalankan oleh pihak-pihak stesen swasta. Cabaran ini bukanlah satu cabaran yang kecil yang saya rasa penderitaannya, kesannya, telah dirasai, amat benar dirasai oleh RTM 1, yang menganggap bahawa ini hanya stesen untuk satu kaum. Jadi, saya mengalu-alukan kalau umpamanya drama-drama atau filem-filem patriotik yang diterbitkan oleh Hollywood dan sebagainya. Mereka adalah fantasi - ia punya imajinasinya, kreativitinya, terlalu tinggi.

Namun, saya minta maaf, filem Insurgensi ini, kita menerima sungutan orang tidak seperti mana yang dinilai dan filem ini telahpun ditolak oleh stesen yang lain dan kemudiannya dibawa kepada RTM. Saya minta maaf, saya harap semua pihak swasta, penerbit-penerbit swasta jangan lagi menganggap RTM sebagai *dumping ground*. Sebagai *dumping ground* untuk semua drama yang tidak diterima di tempat lain, dihantar untuk mendapat ehsan daripada RTM.

Saya harap persepsi ini mestilah dihapuskan sama sekali. Ini kerana mestilah bersimpati dengan RTM yang terpaksa *survive* dalam menghadapi cabaran daripada ASTRO, cabaran daripada TV-TV swasta, TV3 dan sebagainya yang semakin hebat. Ini adalah satu cabaran globalisasi yang mesti difahami oleh setiap orang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh. Dialek merupakan salah satu daripada seni dalam budaya kita orang Melayu. Malam tadi, saya tertengok drama *Cinta Madinah*. Apa yang menjadi kemusykilan kepada kita ialah dialek yang digunakan oleh pelakon, iaitu tunang kepada Safwan. Tak silap saya, Salmah ataupun Rahimah. Sekali-sekala diguna dialek Kedah. Sekali-sekala guna dialek KL.

Jadi, apakah sebenarnya peranan yang dimainkan oleh RTM di dalam memelihara dialek-dialek tempatan ini? Apakah campur aduk dialek-dialek ini merupakan salah satu daripada ciri-ciri RTM yang wujud sekarang ini dalam orang kata hendak melabelkan semula RTM ini? Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, apakah hasrat sebenar RTM di dalam memelihara dialek-dialek daerah di dalam drama-drama televisyen kita ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mohon maaf banyak-banyak, sebab saya sendiri tidak berkesempatan untuk melihat drama malam tadi. Saya berterima kasihlah kerana Yang Berhormat telah juga menjadi salah seorang penonton drama yang mempunyai *rating* yang agak tinggi. Dialek kita memang dalam drama kita agak longgar. Kita benarkan dialek-dialek daerah digunakan. Saya tidak tahu sama ada yang menggunakan dialek Kedah tu, orang Kedah.

Demikian juga kita membenarkan umpamanya, Dikir Barat itu menggunakan dialek Kelantan. Demikian juga *Salam Pantai Timur* tetapi dalam pada itu, kita sebenarnya, kita sendiri adalah merasa ada pencemaran dalam penggunaan bahasa. Bahasa rojak telah digunakan dalam banyak drama. Umpamanya, yang paling banyak ialah menggunakan bahasa Inggeris.

Saya bukanlah seorang yang mempunyai satu fahaman yang sempit dalam soal ini tetapi dalam drama, siri-siri drama, skrip drama adalah disediakan lebih dahulu. Penggunaan bahasa Inggeris dalam skrip drama itu disengajakan. Kadang-kadang kita merasa agak malu dan canggung. Ini juga adalah satu perkara yang patutnya dielakkan.

Secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, kami telah membentuk satu Jawatankuasa Bahasa yang saya sendiri menjadi Pengerusinya, dan Timbalannya adalah Profesor Firdaus Abdullah untuk meneliti balik semua penggunaan bahasa dan sedapat mungkin kita akan menggunakan bahasa yang telah diterima iaitu bahasa Riau. Kita akan cuba juga sedapat mungkin, kalau dapat untuk mendapatkan kerjasama daripada semua stesen tv yang lain supaya menggunakan bahasa yang *standard*, yang telah diterima dan tidak lagi menggunakan bahasa-bahasa yang rojak terutamanya dalam drama. Terima kasih.

8. Puan Tah Ah Eng [Gelang Patah] minta Menteri Tenaga, Air Dan Komunikasi menyatakan:-

- (a) apakah punca utama yang menyebabkan Syarikat Telekomunikasi (yang menyediakan peluang *download* lagu, *wallpaper*) mengutip bayaran tambahan sebanyak RM2.00 hingga RM2.50 (setiap kali penghantaran); dan
- (b) apakah langkah-langkah yang berkesan untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) perkhidmatan muat turun, adalah satu perkhidmatan di mana pelanggan mempunyai pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan nilai tambah, melalui telefon selular mereka dengan memuat turun pada nada dering, logo, undi SMS, chart, berita, info kewangan dan sebagainya pada kadar caj yang ditetapkan oleh penyedia kandungan. Langganan perkhidmatan adalah pilihan pelanggan, atau dengan izin, *customer choice*.

Di mana pelanggan memberi arahan kepada pemberi perkhidmatan dan pembekal kandungan supaya menghantar kandungan yang diminta melalui sistem pesanan ringkas (SMS) yang disediakan oleh syarikat telekomunikasi. Bayaran yang dikenakan oleh syarikat telekomunikasi untuk perkhidmatan muat turun meliputi bayaran untuk perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS) yang disediakan oleh syarikat telekomunikasi,

serta bayaran yang dikenakan oleh pembekal kandungan bagi perkhidmatan muat turun.

Bayaran yang dikenakan ditentukan oleh faktor-faktor pasaran dan tidak tertakluk kepada kawalan *regulatory* atau kaedah-kaedah kadar *rate rules*.

- (b) pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sedang mengambil langkah-langkah untuk memantapkan lagi kawal selia dan garis panduan yang sedia ada bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan melalui SMS termasuk kaedah-kaedah pendaftaran dan pengiklanan yang digunakan oleh pihak pemberi perkhidmatan. Namun begitu, pengguna perkhidmatan telefon selular perlulah bijak memilih perkhidmatan SMS yang mereka ingin langgani dan mengambil kira kadar bayaran yang dikenakan.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Saya dapat banyak aduan daripada pengguna telefon bimbit ini. Bila mereka menghantar mesej atau SMS kepada syarikat telekomunikasi untuk menghentikan servis ini kerana caj *servis* terlampau tinggi. Setiap kali SMS atau lagu yang diterima akan dikenakan RM2.50 atau lebih tetapi, permintaan itu ditolak oleh syarikat telekomunikasi yang berkenaan.

Soalan tambahan saya ialah adakah syarikat telekomunikasi ini diberi kuasa untuk menghalang pelanggan meminta menghentikan perkhidmatan atau *servis* ini? Jika tidak, seperti yang Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berikan jawapan itu, apakah tindakan yang boleh diambil oleh kementerian untuk menghentikan amalan mencari *business* secara paksa, yang tidak sihat ini? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, memang pada peringkat awalnya terdapat banyak aduan daripada pengguna-pengguna telefon mudah alih. Namun begitu, setelah tindakan diambil oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, iaitu memantapkan lagi garis panduan dan juga kawal selia dari segi perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan melalui SMS.

Suka saya nyatakan bahawa aduan ataupun *complaint* yang diterima telah menurun dengan begitu banyaknya. Itu kalau nak dibandingkan pada bulan Ogos, adalah 1,055 dan kemudian pada bulan September 784, dan pada bulan Oktober hingga ke 5 November, telah turun ke 604. Ini menunjukkan kadar penurunan telah turun dengan banyaknya apabila Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia memperketatkan lagi syarat-syarat untuk membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan melalui SMS.

Di masa yang sama, saya juga ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa semua pengguna telefon mudah alih boleh memberhentikan perkhidmatan yang mereka langgani dengan segera dan sekiranya mereka menghadapi kesulitan berhubung perkara ini, mereka boleh membuat aduan secara terus kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia kerana memang disyaratkan kepada mana-mana syarikat pemberi perkhidmatan ini supaya membenarkan pelanggan-pelanggannya memberhentikan perkhidmatannya apabila diminta oleh pelanggan itu sendiri. Malah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia mensyaratkan bahawa syarikat-syarikat yang memberikan perkhidmatan ini mempunyai satu *customer help desk* dengan izin iaitu satu kaunter yang bertujuan untuk membantu pelanggan-pelanggan sekiranya mereka ingin menamatkan perkhidmatan yang diberikan, sekian terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan saya ada berkaitan dengan apa yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Ini ialah mengenai *roaming services* semasa kita di luar negara. Biasa kalau kita sampai ke sesebuah negara, ... satu *roaming services* bahawa kalau kita taip ini dengan satu nombor sekian-sekian ia dapat kadar diskaun sekian-sekian dan sebagainya tetapi kebanyakan kali saya hendak cuba ia tidak menjadi, *not working* dengan izin. Apakah ini kementerian akan mengambil satu tindakan di

mana akan memberi nasihat kepada ... supaya *roaming services* ini dapat apa yang dikatakan mesti mempunyai satu kadar yang telah diiklankan daripada SMS yang dihantar oleh ... di negara yang kita lawati. Ini adalah masalah. Kita terpaksa telefon kembali ke negara ini dengan kadar yang lebih mahal dan juga apabila...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tunggulah sekejap, *patient*.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Masih menyampuk dan bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Kalau kita hendak telefon atau kita menerima kadar yang lama, apakah cara dan bagaimana kita boleh menyelesaikan masalah ini yang saya ingat semakin hari semakin serius ini. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu masalah spesifik yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Puchong, maka saya minta Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya supaya memberikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat bagi Puchong, terima kasih.

9. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengurangkan jurang dari segi kemudahan dan kecukupan di antara sekolah di bandar dan di luar bandar, khasnya di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah dan juga sekolah-sekolah untuk pelajar Orang Asli. Nyatakan jumlah bilangan pelajar Orang Asli dalam sekolah rendah, menengah dan IPTA serta IPTS.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua kementerian Pelajaran Malaysia KPM senantiasa menumpukan perhatian kepada pembangunan pendidikan yang seimbang di kawasan bandar dan luar bandar. Bagi sekolah-sekolah di luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak, KPM telah, sedang dan akan melaksanakan program pembangunan pendidikan luar bandar Sabah dan Sarawak bagi memberi penekanan untuk memberi kemudahan bilik darjah, rumah guru, bekalan air bersih dan juga bekalan elektrik.

Walau bagaimanapun, disebabkan oleh bilangan sekolah di luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak adalah banyak, KPM perlu memberikan keutamaan kepada sekolah yang memerlukan perhatian segera. Sehubungan itu KPM sedang menyelaras projek-projek yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Antara langkah yang telah dan akan diambil untuk mewujudkan keseimbangan bilangan guru antara sekolah di bandar dan di luar bandar khasnya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak ialah:

- (i) di Sarawak, KPM telah menempatkan seramai 772 orang guru pada 12 September 2005 dengan pelbagai *option* dan keutamaan penempatan mestilah berasaskan kepada keperluan perkhidmatan; dan
- (ii) di Sabah KPM telah menempatkan seramai 172 orang guru pada 12 September 2005 dengan pelbagai *option* juga dan keutamaan penempatan juga berasaskan kepada perkhidmatan.

Ini adalah selaras dengan hasrat KPM untuk memastikan keperluan guru dipenuhi di luar bandar. Jabatan Perdana Menteri diarah untuk mempertimbangkan perkara-perkara tersebut. Berhubung jumlah pelajar Orang Asli bagi tahun 2005, jumlah pelajar Orang Asli di sekolah rendah adalah seramai 26,240 orang, 8,488 orang di sekolah menengah dan 51 orang dengan bangga saya sebut di sini di IPTA. KPM tidak mempunyai perangkaan bilangan Orang Asli yang sedang melanjutkan pengajian di IPTS. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat jurang di antara sekolah di luar bandar dan di bandar adalah jauh perbezaannya. Umpamanya di luar bandar di Sabah dan Sarawak, sekolah dalam keadaan yang uzur dan tidak selamat tetapi di Sabah mungkin mereka tidak ada elektrik. Di sini kita ada makmal komputer, kita ada makmal sains, kita ada asrama penuh yang begitu mewah.

Saya rasa kalau kita hendak memberi atau mengimbangkan jurang ini adalah perlu kita memberi peruntukan yang lebih kepada luar bandar, mungkin kita mesti mengadakan lebih banyak sekolah asrama penuh di luar bandar dan bukan di bandar. Sekarang di bandar pun ada sekolah berasrama penuh ataupun ada sekolah berasrama. Yang itu saya rasa tidak perlu kerana di bandar pengangkutan begitu senang. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu di luar bandar berapa sekolah berasrama penuh khususnya di Sabah dan Sarawak ataupun di pedalaman Pahang di mana ramai Orang Asli...

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri jawab, sila jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Okey, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk menjawab. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, pandangan Yang Berhormat itu saya rasa adalah *out of date* dengan izin. Sebab apa yang kita lakukan sekarang, sekolah asrama seboleh-bolehnya kita cuba menempatkannya di kawasan bandar di mana penuntut-penuntut yang kita dapat adalah mereka yang terdiri daripada luar bandar. Sebab itu untuk mengatakan kita tidak lakukan apa-apa kepada murid-murid di luar bandar adalah tidak benar.

Malah, kalau kita lihat hari ini, sama ada di Sabah, di Sarawak mahupun di Semenanjung sekolah-sekolah yang dibina adalah sekolah-sekolah yang penuh dengan segala kemudahan. Oleh itu, kalau kita lihat, semalam sahaja saya pergi sebelah Pasir Mas, saya lihat sekolahnya lebih baik daripada sekolah-sekolah di Kuala Lumpur. Itu di luar bandar. Ini bukti yang ternyata.

Oleh sebab itu Yang Berhormat, saya berharap Yang Berhormat dan rakan-rakan Yang Berhormat daripada DAP buat tinjauan, pergi ke luar bandar, lihat sendiri. Ini Yang Berhormat banyakkannya masa di bandar-bandar sebab itu tidak tahu apa yang berlaku di kawasan luar bandar. Malah di Sabah dan Sarawak insya-Allah pada Rancangan Malaysia Kesembilan kita cuba macam saya sebutkan tadi, mempelbagaikan segala macam kemudahan, macam kita katakan sepatutnya kemudahan ini disediakan oleh agensi-agensi yang lain, tetapi kami di KPM terpaksa memikul tanggungjawab ini khususnya yang kami hendak pastikan iaitu air bersih di sekolah-sekolah untuk anak-anak kita, kesihatan mereka terjaga.

Kedua, kalau kawasan seperti di Sarawak oleh Yang Berhormat kata dan di Sabah - Sarawak terutama sekali kawasan-kawasan luar bandar kerana sekolah itu kecil, terpencil dan jauh kita cuba adakan gen set seperti mana berkali-kali dalam Dewan ini saya telah beritahu kepada Yang Berhormat. Dengan gen set ini menelan belanja yang besar terutama sekali bagaimana kita hendak bawa minyak ke kawasan pedalaman dan ini harganya begitu besar, tetapi kita tidak abai juga. Kerajaan pimpinan Barisan Nasional tetap menjalankan tanggungjawab dia. Kita tidak bercakap hanya waktu kempen pilihan raya, kita bercakap bila kita cakap bukan musim pilihan raya. Tidak bermusim. Kita adalah kerajaan pimpinan Barisan Nasional yang bertanggungjawab. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi jawab lisan pada pagi ini.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.62 [Jadual]

Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan 2006]

Tuan Pengerusi: Kepala bekalan di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

11.12 pg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, tiga empat perkara sahaja. Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri yang semalam jawab tidak mahu memberi jalan, dia ada kata adakah benar, kalau siasatan *Royal Commission* yang kedua mengenai video klip yang mendapati bahawa tidak ada apa kesalahan sama ada saya akan *resign*, itulah. Saya rasa saya sangat hairan, ini nampaknya satu sikap bahawa tidak ada perkara yang tidak betul daripada peristiwa video klip itu. Ada beberapa Ahli-ahli Parlimen, ada beberapa Menteri pun sudah memberi pandangan yang terbuka bahawa apa yang berlaku itu tidak boleh diterima. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan cabar mereka untuk *resign* ?

Peguam Negara hari ini pun kata, ini pun tidak boleh diterima, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan cabar mereka *resign*? ... tetapi

Seorang Ahli: Hah! Cabar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... tetapi apa yang saya lebih terperanjat ialah ini sikap seorang Timbalan Menteri yang masih degil, *stubborn*, *recalcitrant* dan pegang kepada pendirian tidak ada perkara yang salah dan sungguhpun kita tahu ini adalah kesalahan yang besar. Apa jenis, ini adalah terpulang kepada *Royal Commission*, tetapi sampai sekarang *recalcitrant*, *unapologetic* dan sebab itu kita mahu potong gaji beliau.

Sampai hari ini, dia kata apa salah? Nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun salah, baru dia seorang tidak salah bagaimana? Bagaimana sikap itu? Adakah rela tukar sikap? Saya ada tanya mengenai *Inspector General Standing Order*. Oleh kerana bekas IGP ada tulis dalam *Sunday Star column* itu bahawa peraturan-peraturan di bawah IGSO dan *lock-up rules* boleh dipinda dengan senang, bukan semacam kalau mahu meminda CPC - *Criminal Procedure Code* atau *Police Act* yang perlu datang ke Parlimen supaya peraturan-peraturan yang sudah *out of dated* tidak selaras dengan konsep *human rights* boleh dipinda enam bulan ini. Apa sudah berlaku? *Royal Commission Enquiry* sudah dibuat enam bulan.

Kita dengar bahawa ada kajian-kajian dibuat, tetapi adakah usaha dibuat supaya meminda *general orders* dan juga mengenai *local*... Kalau tidak bukankah enam bulan ini sia-sia sahaja? Mengikut *Police Royal Commission* daripada 125 perakuan ataupun *recommendation*, ada *recommendation* bahawa dalam satu tahun ialah 12 bulan, 99 *recommendations* ialah 80 peratus dilaksanakan dan dikuatkuasakan. 80 per cent daripada 125 *recommendations* ialah 99 dikuatkuasakan Jun 2005 - 5. Dikuatkuasakan Ogos 2005 - 21, dikuatkuasakan Disember 2005 - 22, sudah Disember 2005 - 48 daripada *recommendation* patut dilaksanakan berapa yang sudah dilaksanakan? Berikan angka atau tidak ada angka langsung. Lagi enam bulan, by Januari 2006, lagi 14 patut dilaksanakan. By Mei 2006 - 37 patut dilaksanakan, jadi berapa? Atau adakah *Royal Commission* kita dapati bahawa Zaidin *Commission* Kedua, antara *terms of reference* ialah untuk kaji apa langkah diambil mengenai *recommendation commission* yang pertama. Bukankah ini satu sia-sia menunjukkan bahawa pihak polis tidak serius dalam perkara ini?

Saya mahu tahu satu jawapan oleh kerana semalam itu tidak spesifik bahawa mengenai enam bulan ini betapa banyak kes yang berlaku dalam kes *the drug bust jail 22 innocent*. Itu kes termasuk dalam *Cyber Space*. Kalau kita berminat mengenai IT ini kita perlu memberi perhatian yang serius mengenai bagaimana 22 orang yang *innocent* yang akhirnya 2 malam dalam lokap termasuk di Penjara Pudu diseksa, *ditortured* perlu bayar *bribe*, *corruption* dan lain-lain. Apa yang dibuat? Adakah pihak polis buka siasatan atau pihak polis langsung tidak mahu, atau pura-pura tidak tahu? Kalau begitu apa guna IT? Ini mustahak, ini "*cost celebrate*" dua, tiga bulan, internet. Kalau kaunter polis ini tidak timbul, tidak wujud, nampaknya berjuta-juta ringgit yang dibelanjakan oleh pihak polis mengenai IT semua *down the drain*.

Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri akan lebih bertanggungjawab selepas perkara ini. Jangan terus berlagak dan berlaku yang beliau benar dan lain orang salah. Apabila dalam hal ini sebenarnya dia seorang yang salah dan saya harap bahawa akhirnya - dan di sini saya mahu tahu kenapa *nationality* kita, saya tidak mahu sebut *identity*, saya mahu sebut *nationality*. *Nationality* wanita, wanita yang jadi mangsa video klip itu sama ada yang dianggap sebagai *Chinese National* dan selepas itu Utusan Malaysia *front page* kata bukan *Chinese National*, tetapi *local Malay*. Kenapa *nationality* ini sampai sekarang disembunyikan pihak polis tidak tahu. Perlu satu siasatan diadakan *Royal Commission of Inquiry* siasat apa *nationality*. Bukankah ini *nonsensical*, *ridiculous*? Kenapa hari ini kita tidak diberitahu kepada Dewan yang mulia ini kepada rakyat, apa *nationality* wanita itu?

Oleh kerana ini menunjukkan *transparency* pihak polis dan ini menunjukkan bahawa kalau bukan seorang *Chinese National*, sekurang-kurangnya boleh bantu Menteri Dalam Negeri yang ada di China sekarang, dalam usaha ini iaitu bukan *Chinese National* tetapi *Chinese National* atau orang Melayu tempatan, ini tidak boleh dibenarkan oleh kerana ini hal-hal hak asasi, kita pun kutuk sama ada *Chinese National* ataupun *local Malay* kita mahu kutuk, tetapi masalah kenapa sampai sekarang tidak mahu beritahu. Perlu satu *Royal Commission of Inquiry*, adakah bahawa pihak polis mahu sembunyikan perkara ini? Perlu satu *Royal Commission of Inquiry* untuk *dig up*, *force out nationality* wanita ini? Ini tidak memberi kepercayaan, keyakinan orang ramai terhadap integriti, profesionalisme dan keutuhan pihak polis. Jadi saya mahu tahu, berikan sebab kenapa *nationality* wanita itu mahu tunggu Zaidin Inquiry Kedua? Kenapa? Saya harap kita boleh dapat jawapan dan akhirnya kita sokong pihak polis. Pihak polis, *professional*, cekap, *good* pihak polis, kita sokong naik gaji 50%, 50%, *across the board* tetapi cekap, tidak *corrupt*...

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tepat!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tepat dan disiplin, bolehkah? Baik, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak perkara kita telah bangkitkan, semalam dua jam lebih dan beberapa perkara luar dan dalam Dewan kita banyak bangkitkan. Jadi saya benarkan setiap ahli berucap 5 minit. Santubong sila.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, cukup. Ya, Santubong, Santubong silakan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, terima kasih, Saya sampai pukul 12 malam semalam juga, Tuan Pengerusi. Semua kita sama pukul 12 malam. Saya bangun pun awal pagi, pukul 6 pagi tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi saya telah mendengar hujah-hujah yang disebut semalam. Saya tidak hendak berucap semalam oleh kerana dibagi hanya dua minit dan satu minit, tidak cukup untuk saya berhujah. Jadi semalam panjang lebar Ketua Pembangkang berhujah dan selepas itu satu usul lagi hendak potong gaji IGP. Daripada potong gaji menteri, potong gaji IGP, ceritanya semua sama. Saya tidak payah sebut di bawah fakta mana saya berucap, 010100 kah atau benda lain tetapi Tuan Pengerusi, saya belum mengetahui dan tidak faham.

Saya hendak tanya timbalan menteri apa sebenarnya dan tujuan mereka ini? Hujah dibuat oleh Ketua Pembangkang, isu yang dibawa oleh Seputeh didedah dalam media, merata-rata tetapi akhirnya kerajaan yang dibebankan untuk mempertanggungjawabkan dan menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh mereka. Pendedahan itu siapa yang buat? Nama buruk negara ini, siapa yang buat? Isu ini dibangkitkan oleh siapa?

Persoalannya Tuan Pengerusi, sebelum kita buka mulut, sebelum kita ambil tindakan dan sebelum kita berkata-kata kita kena tanya dahulu apakah impak dan *effectnya* kepada negara ini? Adakah pernah orang menjawab itu? Kalau kita belum pernah menjawab ini, Tuan Pengerusi. Kita kena *reflect* sendiri dan fikir dahulu, saya mendengar apa yang tidak baik disebut semalam dan saya boleh bersetuju yang jabatan polis itu perlu *direvampkan*, perlu dilihat semula, perlu diperbaiki kita boleh bersetuju, tetapi apa yang diambil oleh kita di sini ialah untuk membuka pekong di dada mencari kesalahan sahaja, untuk publisiti murah untuk sesetengah individu. Apa yang diucap Ketua Pembangkang akan masuk dalam *blog* dia, masuk dalam websitenya dan akan didedah kepada dunia betapa buruknya negara ini. Buruknya Malaysia ini tetapi pada kita ini satu sahaja negara kita, tetapi pada mereka di mana lagi negara yang hendak dipertahankan?

Beberapa Ahli: Betul, betul!

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Pengerusi, saya sudah bosan dengar cerita ini... [*Dewan menjadi riuh seketika*] Saya sudah bosan dengar cerita ini. Mungkin benar kata Kemaman semalam, mungkin ada agenda yang terselit, mungkin ada agenda yang tertentu. Saya tidak boleh lari ke Saudi Arabia, Tuan Pengerusi. Saya tidak boleh pergi dekat India kalau negara ini terjejas, kalau negara ini terhancur, tetapi apa yang kita dengar, isu yang remeh-temeh dibawa ke Dewan.

Tuan Pengerusi, kalau berlaku di *boarder Mexico* dan Amerika, adakah pernah pegawai-pegawai ini dibawa ke *Congress*? Tidak ada. Saya melihat anjing mengejar manusia dan menggigit manusia di *boarder Mexico* baru-baru ini. Tidak ada seorang pun, tidak sampai ke California naik *state assembly*, tidak ada. Arnold Schwarzenegger pun tidak tahu benda ini berlaku, tetapi didedah dalam itu tidak ada pun Ahli Parlimen memekik, melolong, macam apa yang berlaku di sini tetapi gambar berbogel sedikit ditunjuk di

Dewan, diambil oleh media, diexpose oleh media hingga China pun tahu yang negara kita ini mengvictimize orang-orang dari negara China tetapi penyelidikan polis belum selesai, belum mengenal pasti siapa itu, sepatutnya janganlah kita mencari dahulu kesalahan ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading bangun. Sri Gading.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Santubong. Saya amat menyokong apa yang disuarakan, apa yang telah diperkatakan, apa yang dilafazkan, apa yang dihemburkan oleh Santubong. Yang Berhormat, negara kita harum namanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tolong bagi soalnya sebab masa Santubong memang tidak cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bagi dia cukup masa Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah hadkan, saya sudah hadkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi dia cukup masa, Tuan Pengerusi. Dia seorang yang begitu hebat, bagi dia masa, Tuan Pengerusi. Kita mempunyai hubungan yang sangat baik dan rapat dengan China Tuan Pengerusi. Sangat rapat, dan China pun mempunyai hubungan yang rapat dengan kita tetapi ada orang-orang tertentu Tuan Pengerusi tidak suka hubungan yang rapat ini kerana Malaysia akan mendapat keuntungan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat, soalanlah, soalan!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: China pun mendapat keuntungan... Jadi sebab itu usaha hendak memecahbelahkan antara hubungan baik...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong, dia segan tegurlah dia memang mengharapkan Yang Berhormat pendekkan soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Memang saya pendekkan Tuan Pengerusi kan? Memang ini baik sangat hubungan dan hubungan ini sebenarnya Yang Berhormat dia akan lebih baik pada masa akan datang dan akan menguntungkan kedua-dua negara, tetapi sudah tentu ini akan merugikan, merugikan perjuangan pejuang yang cuba hendak menyempitkan dengan semangat perkauman. Itu sebab digembarkan, ini adalah agenda tersembunyi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan tidak adalah?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Memang betul. Kalau berlakunya ekonomi Malaysia terjejas oleh kerana perkara ini. Berlakunya perhubungan kita dengan negara China terjejas oleh kerana perkara ini. Jangan persalahkan polis, jangan persalahkan mereka yang telah membuat perkara yang buruk ini, salahkan kepada mereka yang mendedahkan perkara ini sebagai satu jenayah yang besar. *[Tepuk] [Dewan menjadi riuh seketika dengan sorakan Ahli-ahli Yang Berhormat]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Salahkan DAP!

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, ini kerana banyak perkara ini berlaku di luar-luar negara. Orang Amerika apabila Tahitian datang di tolak ke laut, apabila Cuban datang ditolak ke laut, mati karam di laut. Mana pendedahan di Kongres? Mana pendedahan di dewan undangan di peringkat-peringkat negerinya ada berlaku? Tidak pernah berlaku Tuan Pengerusi, saya boleh beritahu tetapi di sini sedikit sahaja perkara berlaku di ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ...di pasar raya dan di mana-mana sudah di bawa ke sini macam Dewan ini diremeh-temehkan. Hendak martabatkan Dewan? *Bullshit*, kalau hendak memartabatkan Dewan cara ini! Saya tidak pernah marah, *I never get angry in this place...[Dewan menjadi riuh seketika]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, sabar, Yang Berhormat!

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Mengikut *term* ini...baiklah Tuan Pengerusi, saya baca sedikit, saya baca sedikit...

"The custom into which an individual born, shape the experience and behaviour. By that time he can talk and he is the little creature of his culture..."

dan saya baca di dalamnya Tuan Pengerusi berhubung dengan polis ini:

"Now let go deeper, cops see the very worst of human everyday and the most of us do not understand in effect we hire them to be our buffer against human nature. So to protect us from having to look so hard in the dark side of ourselves. The cop do their job but they pay the price, let me try to put this in perspective most street cop have seen more corpse than they care to remember. Many of those corpse are homicide, suppose about twice a year in your job you come to work and found somebody murdered in your office. How do you feel about it?"

Polis lihat perkara buruk-buruk yang hodoh-hodoh dalam kehidupan mereka, Tuan Pengerusi. Jadi macam mana kita boleh melihat polis ini sebagai manusia yang biasa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tindakan mereka akan sejajar dengan budaya yang telah dilihat oleh mereka seumur hidup. Jadi Tuan Pengerusi, *have a little confession*, benda yang disenaraikan oleh Seputeh itu, saya menerima hakikat perkara benar mungkin berlaku tetapi penyelidikan sudah buat ataupun tidak ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat, sudah cukup masa.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: ...tetapi janganlah memperkecilkan tindakan manusia yang telah *sacrifice themselves, sometimes with their life*, dengan izin. Jadi Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan dari Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ledang.

11.29 pg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bersama-sama dengan Yang Berhormat dari Santubong. Yang pertamanya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak polis yang telah pun banyak menyumbang jasa kepada negara. Buktinya yang kita lihat pada hari ini, suasana aman, makmur dan sejahtera sebagaimana yang disarankan oleh Islam.

Pada saya, Tuan Pengerusi, kita harus terus memberikan kepercayaan dan sokongan kepada pihak polis. Saya akui memang ada cacat celanya, saya tidak nafikan tetapi yang cacat cela, yang cacat cela itu yang kita baiki. Kalau kurap di sini, Tuan Pengerusi, yang di sini kita baiki bukan di sini. Kurap di sini kita baiki di bahu, itu tak betul. Jadi pada saya, Tuan Pengerusi, tak perlu buat apa-apa *press statement* sehingga menjejaskan kredibiliti negara.

Saya sendiri, Tuan Pengerusi, saya mengaku menonton video itu tetapi saya sedikit ragu kerana ada suara-suara yang pada saya seolah-olah dibikin, dibuat, di *modified* untuk memalukan negara kita sebagai sebuah negara Islam di mata luar negara. Jadi saya, oleh sebab perkara ini sedang disiasat oleh badan bebas, saya menyerulah supaya perkara-perkara kemungkinan ini berlaku juga diambil perhatian oleh badan berkenaan

supaya sesiapa pun yang berusaha untuk menjatuhkan negara kerana kepentingan peribadi, kerana kepentingan tertentu, mesti diambil tindakan.

Saya menaruh keraguan, Tuan Pengerusi, kemungkinan ada niat-niat tertentu dalam usaha untuk memburukkan negara kita kerana semata-mata perkara ini. Tuan Pengerusi, jadi pada saya, kita harus memberi kepercayaan terus kepada polis. Saya sendiri mengaku dulu memang semasa saya dalam perniagaan, saya berdepan dengan situasi polis yang mungkin rasuah, tetapi bukannya serata polis itu rasuah. Satu dua, samalah di mana-mana ada rasuah tetapi bukannya semua. Walaupun mungkin kita anggap itu perkara yang luar biasa tetapi dengan kepimpinan yang ada kita sedang berusaha untuk membersihkan rasuah.

Walaupun ada yang tidak setuju cara pendekatan tetapi pada saya inilah yang terbaik. Walaupun mereka terpaksa pakai lencana dan sebagainya anti rasuah itulah cara terbaik pada saya. Mungkin ada yang tidak setuju, tetapi inilah suasana yang terpaksa kita depani semata-mata hendak membersihkan imej polis.

Tuan Pengerusi, perkara kedua dalam Butiran 20000 ini, tentang surat fitnah. Saya berada di Pasir Mas, surat edaran fitnah yang kepada saya perlu pihak polis mengambil perhatian dan mengambil tindakan. Surat fitnah yang diedarkan oleh PAS Johor yang menyatakan Johor begini, begini, dan saya amat sedih bila mereka mengatakan Johor adalah sebuah kerajaan yang menarik balik bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat. Tuan Pengerusi, saya adalah Pengerusi suatu ketika dan sekarang Timbalan Pengerusi - turun pangkat sedikit - kepada sebuah Sekolah Agama Rakyat, sampai sekarang bantuan tidak ditarik balik. Betul, memang ada tarik balik, yang ditarik balik itu adalah bantuan Sekolah Agama Rakyat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini mana satu Butiran?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tidak. Ini surat-surat fitnah. Soal surat fitnah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah surat itu ada berkaitan dengan Butiran yang...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ada, Tuan Pengerusi. Saya minta pihak polis mengambil perhatian perkara ini. Saya ambil contoh sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau laporan ada dibuat, tentu polis akan siasat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Jadi saya, Tuan Pengerusi, saya menyeru dalam Dewan ini supaya perkara-perkara begini diambil perhatian. Yang tak betul kita kata tak betul, jangan yang tak betul kita kata betul. Jadi Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan dalam Dewan ini supaya perkara ini diambil perhatian. Tuan Pengerusi, itu sahaja, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Petra Jaya.

11.34 pg.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan hanya menyentuh satu Butiran 12000. Sebelum itu saya menyokonglah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Santubong dan juga Yang Berhormat Ledang tadi bahawa perkara berkaitan dengan video klip sebab kerajaan telah pun menubuhkan Suruhanjaya Bebas, tak perlulah kita bahaskan dalam hal ini supaya kita tidak akan mempengaruhi Suruhanjaya Bebas ini dan berilah kebebasan kepada mereka untuk menyiasat dan menjalankan tugas-tugas mereka.

Jadi berkaitan dengan 12000, Balai-balai dan Pondok Polis. Pada 2 Jun 2004, saya telah membangkitkan soalan bertanya berkaitan dengan pejabat polis bagi kawasan Petra Jaya dan saya telah dimaklumkan bahawa ada perancangan bagi membina satu balai polis di Muara Tebas, satu di Telaga Air dan akan ada perancangan untuk memindahkan polis di Santubong ke Bandar Baru Semeriang. Pada saya, saya ingin mendapat penjelasanlah daripada pihak kementerian, bilakah perancangan untuk membina balai ini akan terlaksana. Adakah dalam 2006 dan sekiranya dalam Rancangan Malaysia

Kesembilan, bila? Sebab bagi saya kawasan Petra Jaya yang merangkumi Petra Jaya dan juga Santubong amat memerlukan balai polis bagi memartabatkan polis sebab kita hanya ada balai di kampung - Balai Polis Kampung Jita yang dianggotai oleh 27 anggota dan masih kekurangan kelengkapan dan untuk 27 orang menjaga 250,000 orang, maka sudah tentu menimbulkan permasalahan kepada mereka.

Kita mesti memberi sokongan mereka untuk menambahkan kemudahan dan juga tenaga supaya kawasan Petra Jaya merangkumi apa yang saya katakan tadi, Petra Jaya dan juga Santubong akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat terutamanya kebelakangan ini begitu banyak kes-kes pecah rumah berlaku. Kes-kes lumba haram masih kerap berlaku dan sebagainya. Jadi inilah hasrat penduduk-penduduk di kawasan Petra Jaya yang merangkumi Santubong dan juga Petra Jaya mengharapkan disegerakan pembinaan balai-balai polis ini dan ditambah segala kemudahan yang ada di balai polis Kampung Jita itu.

Sekian sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Serdang.

11.36 pg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya satu perkara iaitu Butiran 11000 Ibu Pejabat Polis dan Butiran 12000 Balai dan Pondok Polis. Tuan Pengerusi, saya minta pihak kementerian supaya memberi timbang terhadap laporan Suruhanjaya Diraja terhadap penyiasatan pihak polis supaya cadangan-cadangan daripada Suruhanjaya dapat dijalankan dengan sempurna supaya memberi satu imej baru kepada polis dan juga untuk menaikkan taraf, mempertingkatkan lagi kebajikan kepada orang-orang, anggota polis seperti mana telah dilaporkan dan dibentangkan pada masa ini di mana satu cadangan untuk mewujudkan Jawatankuasa Pemantauan atau Aduan orang ramai bebas ini dapat ditubuhkan secepat mungkin untuk elakkan kes-kes seperti yang berlaku, yang dijadikan isu dan telah dibangkitkan beberapa lama di Dewan ini.

Tuan Pengerusi, saya juga rasa kena pada tempatnya di mana pihak kerajaan melantik Suruhanjaya Bebas untuk menyiasatkan kes-kes baru-baru ini. Saya difahamkan bahawa inilah satu caranya untuk mengatasi masalah yang telah berlaku dan dapat untuk kebenaran, keadilan selepas penyiasatan daripada Suruhanjaya Bebas di mana lima anggota telah dilantik. Saya yakin dan percaya bahawa melalui Suruhanjaya Bebas ini akan dapat satu gambaran nyata terhadap perkara, kes-kes yang berlaku di mana keadilan, munasabah dan juga prosedur tahanan polis ini dapat dibetulkan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mintalah Ibu Pejabat Daerah Polis Subang Jaya yang kini telah diwujudkan untuk memberi kemudahan dan untuk meningkatkan lagi rondaan atau perkhidmatan lebih baik kepada kawasan terlibatlah Serdang dan Puchong. Ibu Pejabat Daerah Polis Subang Jaya sedang disewakan beberapa buah kedai di kawasan Tuan Lau Yeng Peng tetapi ini tidak lengkap sebab kedai-kedai yang diubahsuai dan dijadikan ibu pejabat daerah polis tidak lengkap dan tidak cukup untuk ruang kepada pegawai kanan polis yang ditempatkan di kawasan tersebut. Maka itulah sebab ibu pejabat daerah polis baru yang dicadangkan sebenarnya akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan tetapi ditangguhkan mungkin dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Namun yang pentingnya saya dengan Yang Berhormat kawasan Puchong telah bincang dan setuju, berharaplah Ibu Pejabat daerah Polis Subang Jaya dapat ditempatkan di kawasan Puchong sebab tengah-tengahnya dari Serdang lebih senang dan USJ senang. Jadi, ertinya tapak yang telah dikenal pasti saya harap bolehlah disahkan oleh pihak kementerian supaya Ibu Pejabat Polis Subang Jaya dapat didirikan demi kepentingan di kawasan Serdang dan Puchong ini. Dan juga Balai Polis Sri Kembangan telah dibina supaya pentadbiran dan pengurusan dapat diuruskan di situ tetapi pondok lama itu di atas rizab jalan yang masih belum pindah. Kalau hendak jadikan jalan raya di sebelah itu memang sempit.

Jadi mintalah pihak pengurusan polis supaya cepat untuk memindahkan pondok yang lama di atas rizab jalan itu supaya biarkan pihak berkuasa untuk melebarkan jalan untuk atasi kesesakan di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Dan lagi satu perkara Balai Polis Serdang lama terbiar. Patutnya Balai Polis Serdang lama yang begitu lama patutnya di pelbagai gunakan. Jangan biarkan bangunan yang begitu baik jadikan masalah. Jadi bolehkah pejabat-pejabat yang berkaitan dengan yang sedang digunakan di pondok polis lama di Sri Kembangan pindah ke Balai Polis Serdang lama untuk jadikan lebih baik dan satu lagi saya mintalah balai polis di Balakong sepatutnya diwujudkan...

Tuan Pengerusi Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: ...sebab kadar jenayah di kawasan itu begitu tinggi, di kawasan Daerah Hulu Langat, maka itu saya selalu mintalah balai polis di kawasan Balakong dapat dibina untuk memberi manfaat kepada kawasan tersebut.

Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Kawan.

11.41 pg.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 010100 Pentadbiran Keselamatan Dalam Negeri dan juga 020300 mengenai Penyiasatan Jenayah.

Tuan Pengerusi, sejak kebelakangan ini terdapat berbagai-bagai isu yang dibangkitkan dan memang berhubung kait dengan pasukan polis dan pada umumnya saya melihat pasukan polis telah menjalankan tugas dengan baik dan hanya sebilangan kecil dari anggotanya yang melibatkan diri dalam gejala rasuah ataupun salah guna kuasa. Tuan Pengerusi, contohnya di Pulau Pinang - di negeri saya - kita memang mempunyai seorang Ketua Polis Negeri yang jujur dan ikhlas iaitu Dato' Wan Soo Kee di mana beliau pun selalu turun padang dan di peringkat nasional, Ketua Polis Negara Tan Sri Mohd Bakri Omar pun memang merupakan seorang pegawai polis yang berdedikasi. Seperti mana diketahui umum beliau adalah seorang pegawai yang *no nonsense guy*.

Tuan Pengerusi, saya ingin bawa satu perkara berhubung dengan satu kes yang melibatkan seorang suri rumah yang ditangkap pada 16 Mei 2005 di bawah Akta Kediaman Terhad. Nama suri rumah tersebut ialah 'Puan Chow Kui Im' dan nombor perintah tahanan KDN SRR3594 bertarikh 30 April 2005. Alasan yang beliau ditahan adalah kerana beliau dituduh sebagai seorang penganjur kegiatan pelacuran di sebuah hotel di Pulau Pinang semenjak tahun 2003 hingga di mana beliau ditangkap.

Tuan Pengerusi, ingin saya maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa beliau hanya bekerja di hotel tersebut selama lima hari sahaja. Macam mana pihak polis boleh menuduh bahawa beliau telah melakukan kegiatan tersebut selama dua tahun? Beliau telah dihambat ke dalam Penjara Pulau Pinang selama dua minggu dan tunggu arahan untuk dibuang daerah. Keluarga tertuduh telah datang minta tolong, minta saya membuat rayuan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri iaitu Yang Berhormat Tanjong Karang. Tuan Pengerusi, saya telah berjumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan menerangkan kepada beliau keadaan sebenar dan minta supaya satu siasatan menyeluruh diadakan memandangkan tangkapan ini adalah satu kes yang dianiayai. Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana akhirnya selepas siasatan dijalankan si tertuduh 'Puan Chow Kui Im' dibebaskan iaitu selepas dua minggu berada dalam penjara.

Keluarga si tertuduh juga ingin saya sampaikan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Tanjong Karang dan juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Sepatutnya saya rasa gaji Yang Berhormat Timbalan Menteri kena naik sekurang-kurangnya RM1,000, bukan seperti mana yang dicadangkan oleh pembangkang iaitu potong RM10.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bagan bangun.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Okey.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Kawan, adakah ini menunjukkan bahawa *investigating officer* (IO) telah cuai dalam tugasnya dengan tuduhan yang tidak benar sama sekali dan ini menyulitkan orang awam. Ini menyulitkan beban kerja polis dan ini juga menjahanamkan reputasi polis. Nasib baik orang yang kena tahan itu kenal Yang Berhormat. Kalau orang awam, mereka tiada saluran atau tidak berani tampil atau tidak berani berjumpa dengan wakil rakyat atau sesiapa yang boleh membantu mereka, maka mereka duduk dalam penjara atau mereka kena buang negeri dengan begitu sahaja, buta-buta sahaja. Adakah ini satu perkara yang sering berlaku dalam negara kita ini?

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Yang Berhormat bagi Bagan, saya sebagai Ahli Parlimen, untuk makluman Yang Berhormat, memang menerima bantuan ataupun tolong berhubung dan kes-kes tertentu. Banyak kes pun telah dapat diselesaikan melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri tetapi, dalam penyelesaian kes ini, kita tidak heboh-heboh seperti DAP, bising sana...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir jawapannya bukan soalan.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskanlah.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi, dalam kes ini saya ingin tahu mengapa seperti mana tadi yang juga dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bagan, mengapa yang tidak lakukan kesalahan ditangkap dan mengapa pihak penganjur masih begitu bebas lagi? Tuan Pengerusi, dalam kes ini saya juga ingin tahu macam mana pihak polis menjalankan siasatan dan pertuduhan dan menuduh suri rumah tersebut. Saya berharaplah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat arahkan satu siasatan semula dalam kes ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Kalau mana-mana pihak yang tidak betul, ambillah tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

11.48 pg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, halaman 652, 02000 mengenai Pengurusan Polis Diraja Malaysia termasuk logistik, latihan, pengangkutan dan sebagainya. Tadi ada kita dengar ucapan daripada Yang Berhormat bagi Santubong itu seolah-olah "*undang hendak mengata ikan dan undang itu tidak tahu dia bongkok*".

Tuan Pengerusi, yang penting sekalinya kita sering kali di kawasan-kawasan bukan sahaja di Kepong, di Jinjang, di seluruh negara iaitu walaupun pihak polis sudah berikhtiar tetapi bilangan dan kes jenayah termasuklah *snatch theft*, termasuk rompakan, kecurian misalnya sehingga gerai-gerai penjaja pun sering kali dicuri, dirompak waktu senja, jam 4 pagi dan sebagainya, mereka sekumpulan datang untuk merompak dan sebagainya.

Ini mungkin salah satu sebab kekurangan kakitangan dan di sini, Tuan Pengerusi, saya hendak Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan ini, setakat manakah kita dapat menjayakan daripada perbelanjaan tambahan RM2.5 bilion yang disediakan bagi pembinaan kuarters dan juga beberapa peruntukan lagi untuk insentif, untuk elaun, untuk pakaian seragam, tuntutan bayaran dan sebagainya. Ini kita mestilah melaksanakan dengan baik dan juga Tuan Pengerusi, di sini saya berharap Yang Berhormat dapat

menjawab setakat mana kita dapat menjayakan cadangan 125 jumlahnya di dalam Suruhanjaya Diraja yang diumumkan. Setakat mana kita berjaya.

Tuan Pengerusi, kita di dalam bilangan latihan asas bagi kursus konstabel pelatih, hanya kita dapat tambah dianggarkan 7,600 sahaja walhal yang bersara, yang mohon bersara itu meletakkan jawatan di antara hampir 250. Kalau kita kira tahun lepas 1,696. Ini bermakna yang kita hendak tambah itu tidak cukup untuk orang-orang yang meletakkan jawatan, orang-orang yang bersara dan apakah kelengkapan untuk pelatih yang ditambahkan untuk melatih konstabel pelatihnya dan juga untuk anggota-anggota yang lain. Memang saya gunakan kesempatan ini untuk menyeru supaya pihak kementerian menambahkan bilangan pelatih dan juga guru-guru melatih untuk latihan untuk menambahkan bilangan konstabel kita supaya mereka dapat dengan berkesan menyiasat dan mencegah kes-kes jenayah.

Seterusnya mengenai pengangkutan. Saya nampak jumlah yang dianggarkan, yang disebutkan di sini lebih 17 buah kenderaan, Tuan Pengerusi. Yang penting sekiranya, yang ada sekarang, yang sudah *condemn* sekarang, saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab, bilangan kenderaan PDRM yang *condemn* dan bilangan yang ditambahkan. Bukan setakat 17,000 yang disebutkan di sini. Saya percaya banyak lagi yang *condemn* dapat ditukar dengan kenderaan yang baru. Bukan sahaja kita hendak tukar kenderaan baru, bahkan juga untuk memperbaiki servis. Servis mestilah yang dipertingkatkan untuk kenderaan-kenderaan dan juga kemudahan-kemudahan lain bagi polis.

Tuan Pengerusi, bilangan balai polis yang akan dipulihkan ataupun dibina baru dan sebagainya termasuklah Sentul, Jinjang dan Dang Wangi. Saya nampak, berapa kali saya sebut, lebih satu dekad. Pihak kementerian dan Timbalan Menteri waktu itu lima tahun yang lepas, beritahu saya dia hendak ada projek untuk balai baru di Jinjang, Sentul dan Dang Wangi tetapi saya nampak lima tahun kemudian tidak ada satu bangunan pun yang baru. Inilah masalah dan dengan itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...peruntukan beberapa bilion ringgit di dalam bajet tahun depan ini, saya berharap dapat dikotakan janji-janji yang kosong di dalam Dewan yang mulia ini. Banyak lagi perkara mengenai polis, Tuan Pengerusi. Saya tidak mengulangi apa yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya, masa tidak cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Masa tidak cukuplah, ya. Baiklah, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Larut. Cuma, saya haraplah ringkaskanlah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...apa yang telah bangkit tidak perlu...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...diulanglah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bekalan 62...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oleh itu saya Yang Berhormat, saya pun hendak minta kerjasama sebab saya dimaklumkan iaitu Yang Berhormat Menteri Pelancongan juga berhasrat menjawab perkara-perkara berkenaan dengan kementerian dan oleh kerana beliau juga ada urusan dan nampaknya Timbalan Menteri pun tidak ada, jadi saya haraplah kerjasama. Kalau boleh, kita ringkaskan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...supaya dapat kita selesaikan kedua-dua kementerian dengan secepat mungkin.

11.55 pg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bekalan 62, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Butiran 02000 – PDRM. Saya ucapkan syabas dan tahniah di atas segala usaha yang dibuat oleh PDRM untuk menjaga keselamatan dan keamanan di negara kita ini termasuk di kawasan-kawasan luar bandar. Kita percaya jawatankuasa bebas yang telah dibentuk oleh kerajaan menggambarkan ketelusan kerajaan untuk menyelesaikan masalah secara lebih keterbukaan. Saya percaya dan saya harap supaya pihak-pihak yang membangkitkan perkara ini akan dapat menerima apa juga keputusan yang akan dikeluarkan oleh jawatankuasa ini. Cuma, saya hendak minta pembangkanglah, kalau sudah keputusan esok tidak menyebelahi mereka...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Saya ingat terus kepada masalah...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, ya. Saya ada beberapa butiran, Tuan Pengerusi. Saya mencabar mereka supaya mereka minta maaf kepada pihak polis jika apa yang telah dibangkitkan itu tidak betul. Saya pergi kepada Butiran...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, apa salahnya saya cakap kalau betul benda yang dikeluarkan itu tidak betul, pihak yang terlibat mestilah meminta maaf secara terbuka kepada pihak polis.

Butiran 12000, Tuan Pengerusi, saya ingin melihat bagaimana masalah penagihan dadah, pecah rumah dan sebagainya di kawasan Parlimen Larut. Oleh itu saya memohonlah, walaupun Ketua Polis Negara, isterinya daripada kawasan saya, Pengarah Siasatan Jenayah, Dato' Fauzi Shaari daripada kawasan saya, tetapi mereka tidak ambil kesempatan untuk mengetengahkan kemudahan-kemudahan polis ini oleh kerana mereka tidak mahu melihat bahawa mereka adalah merupakan memilih kasih. Oleh sebab itu, saya ingin meminta pihak kementerian supaya dua pondok polis di kawasan saya ini, satu di Pantai Besar dalam DUN Batu Kurau yang mana sudah 48 tahun, Tuan Pengerusi, disewa sebuah rumah yang agak usang, yang agak teruk, buruk dan tidak melambangkan balai polis kita.

Keduanya, saya ingin bertanya tentang kedudukan balai polis di Kubu Gajah, juga dalam Parlimen saya, di DUN Kubu Gajah. Apakah perkembangan tentang pondok polis di Kubu Gajah ini selepas dulu ada, sekarang sudah tidak ada lagi.

Yang akhir sekali saya hendak tanya kepada pihak kementerian ialah, saya mohon sekalilah, tidak banyak cuma RM220,000 kepada Timbalan Menteri tentang surau di ibu pejabat polis di DUN Selama. Hari ini, mereka terpaksa berjemaah dalam stor di bangunan tersebut. Jadi saya minta sangatlah supaya Timbalan Menteri kalau hendak melawat pun, boleh saya akan bawa melawat, pentingnya kemudahan-kemudahan yang telah saya sebutkan tadi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Beluran sila.

11.58 pg.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh perkara Polis Diraja Malaysia. Saya masih tidak menerima hakikat bahawa disebabkan oleh satu insiden bogel yang berlaku baru-baru ini, imej polis seolah-olah begitu rendah sekali seperti yang dibayangkan oleh pihak pembangkang. Kita melihat bahawa kejayaan polis untuk mencapai 60%, sehingga 60% *solving rate* merupakan satu kemajuan yang harus kita bangga dan ini merupakan imej polis yang sebenarnya.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya pun, polis yang hanya ada 100 orang anggotanya mengawal kawasan yang sebesar negeri Selangor juga berjaya baru-baru menumpaskan satu sindiket penyeludupan syabu dan juga berjaya menumpaskan kegiatan

empat nombor ekor haram dan juga kegiatan peminjam wang secara haram. Ini merupakan kejayaan-kejayaan polis. Walau bagaimanapun, saya setuju bahawa kejayaan-kejayaan ini boleh ditingkatkan jika sekiranya kerajaan menimbangkan satu anggota polis itu sendiri dan keduanya menambah peralatan-peralatan polis untuk diperbaiki dan juga diperkasakan kejayaan mereka untuk masa depan.

Saya memberi contoh, umpamanya satu daerah kecil, Paitan di dalam kawasan saya, cuma mempunyai satu pondok polis yang dijalankan, dianggotai oleh dua orang anggota polis. Begitu juga beberapa pondok polis yang lain yang mempunyai satu orang anggota ataupun dua orang anggota polis. Ini merupakan satu tumpuan yang harus diberi oleh Kementerian untuk menentukan bahawa setiap pondok-pondok polis ini berdasarkan kepada kawasan yang mereka jaga, haruslah dipastikan mempunyai anggota yang mencukupi.

Dari segi peralatan, saya membaca baru-baru ini dan dimaklumkan baru-baru ini bahawa enam bot ronda polis di Sabah, umpamanya yang sekarang ini tersadai di pangkalan polis kerana memerlukan pembaikan kerosakan dengan segera. Perkara ini telah pun dimaklumkan kepada pihak atasan sejak setahun yang lalu. Namun demikian Tuan Pengerusi, kita melihat bahawa kerja-kerja membaiki enam unit bot ronda begitu penting sekali untuk kegiatan perondaan di seluruh negeri Sabah, masih belum mendapat peruntukan daripada Kementerian.

Saya ingin membawa perkara ini dan ingin menentukan agar Kementerian melihat perkara ini sebagai perkara yang *urgent*, yang perlu disegerakan untuk menentukan Unit Penguatkuasaan Polis Marin di Sabah ini dapat ditentukan, dipastikan mencapai matlamatnya. Enam bot peronda ini merupakan bot yang penting yang membuat rondaan seluruh negeri Sabah. Saya, Tuan Pengerusi, memohon agar perkara ini diambil perhatian sepenuhnya oleh Kementerian menjelang awal tahun 2006 ini.

Seperkara lagi, Tuan Pengerusi, Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Saya melihatkan bahawa perlu pendekatan-pendekatan yang lebih menyeluruh dibuat oleh agensi ini. Pendekatan termasuklah melibatkan pemimpin-pemimpin di peringkat daerah. Saya masih tidak melihat sejak empat tahun yang lalu menjadi wakil rakyat, lima tahun yang lalu, satu bentuk pendekatan yang melibatkan pemimpin-pemimpin daerah termasuk wakil rakyat, Parlimen dan DUN yang dilibat sertakan dalam kegiatan agensi ini. Saya melihat bahawa pendekatan baru ini perlu di senarai ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Dikemukakan oleh agensi untuk memberi kesan yang lebih besar kepada kegiatan kita mencegah penyalahgunaan dadah. Terima kasih.

12.02 tgh.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Bekalan 62 dan Butiran 020300 – Penyiasatan Jenayah.

Tuan Pengerusi, memang banyak komen telah diberikan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kes video klip dan juga empat orang wanita yang telah pun dipercayai, yang mana wujudnya penyalahgunaan kuasa di dalam PDRM. Sebenarnya dari segi sekadar permukaan memang wujudnya satu kes untuk penyalahgunaan kuasa, saya tidak akan mengulang komen-komen tetapi cuma satu *point* saja, Tuan Pengerusi, sebenarnya seperti mana yang telah pun diberikan oleh pihak kerajaan, PDRM kita mempunyai satu imej yang cekap dari segi keupayaan mereka untuk menyelesaikan kes-kes jenayah dalam negara kita. Dan mereka telah pun mencapai *bench mark* lebih kurang 4 sampai 45% daripada kes-kes penyelesaian jenayah, dibandingkan dengan tahap 20% yang diberikan oleh Interpol.

Namun, apa yang telah pun berlaku baru-baru ini memang ia telah pun menjejaskan imej PDRM oleh segelintir polis dalam negara kita iaitu *black sheep in the family*, dengan izin, Tuan Pengerusi tetapi daripada komen baru-baru ini yang diberikan

oleh Timbalan IGP yang menyatakan PDRM akan memberikan keutamaan untuk menyiasat berkenaan siapa yang mengambil video klip itu daripada kes penyalahgunaan kuasa oleh polis itu. Saya rasa itu adalah satu komen yang mendukacitakan dan dari segi inilah, dia membawa saya ke isu IPCMC ini iaitu *Independent Police Complaints and Misconduct Commission* yang telah pun dicadangkan oleh laporan suruhanjaya baru-baru ini yang diketuai oleh Tun Mohd. Zaidin dalam bulan dua tahun ini, yang mana satu *date line*, cadangan *date line* telah pun diberikan iaitu dalam bulan Mei 2006.

Saya cuma ingin dapat tahu daripada pihak kementerian setakat manakah pihak kerajaan bersedia. Jika ada, apakah langkah-langkah yang telah pun diambil oleh pihak kerajaan dalam arah kita ke IPCMC ini. Ini kerana saya rasa merupakan satu badan yang bebas, seperti mana yang dicadangkan oleh laporan suruhanjaya itu kerana merupakan satu badan yang bebas, dia dapat mengawal selia semua aduan yang berkenaan dengan penyalahgunaan kuasa polis. Saya rasa selama ini apa yang kita adakan dalam negara kita, dalam pasukan PDRM ialah dari segi *self regulation*. dan saya rasa *self regulation* ini mungkin kita kena ubah, kita kena gantikan dengan IPCMC. Ini kerana dengan wujudnya satu badan yang bebas, saya rasa ini sebenarnya akan menegakkan imej PDRM kita dan dia akan mengawal selia jika wujudnya apa-apa aduan berkenaan dengan penyalahgunaan kuasa dalam PDRM.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Saya rasa jika wujudnya gejala sebegini kita haruslah membendung sebelum ia menjadi satu seperti mana yang telah pun dikhuatirkan oleh rakyat kita, sebelum PDRM kita menjadi satu institusi penyalahgunaan kuasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Langkawi.

12.05 tgh.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya ada dua perkara iaitu 030100 - Imigresen dan 020100 – Pengurusan Polis, 020600 – Keselamatan Dalam Negeri dan ketenteraman Awam.

Saya amat bersetuju sekali dengan penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Santubong iaitu pegawai-pegawai yang melibatkan negara, tidak perlu kita heboh-hebohkan kerana kita memerlukan pelancongan. Di Langkawi misalnya, kita memerlukan pelancongan, kalaulah diheboh-hebohkan maka sudah tentulah orang tidak datang ke Langkawi, atau ke Malaysia dan saya percaya kita akan rugi.

Berkenaan imigresen, saya mengambil kesempatan ini untuk memuji pihak Imigresen yang telah menjalankan tugas dengan baik di Langkawi dan saya percaya dengan senyuman mereka dan tindak tanduk mereka tentulah memudahkan lagi pergerakan pelancongan di Langkawi. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak imigresen yang telah menjalankan tugas.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan sikit.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Ya, bagi sat sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Boleh, ya? Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Langkawi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Langkawi, adakah bersetuju dengan pandangan saya. Kita bagi pendapat, kempen senyum. Ini kerana senyum ini adalah kalau kita senyum ini kalau tak silap saya, Ini kena tanya Yang Berhormat bagi Parit Buntar sebab Yang Berhormat Parit Buntar dia tahu, senyum adalah satu fitrah, satu sedekah dan ia memberi kita pahala. Jadi, kita sedekah, makna kita beri senyuman tapi janganlah orang tak ada pun kita senyum, jadi celaru balik. [Ketawa]

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya semua agensi kerajaan, badan-badan kerajaan diberi makna apa ia senyum supaya depa senyum, begitu juga Yang Berhormat bagi Padang Rengas yang selalu senyum. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Saya setuju sekali dengan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat rasa masa Yang Berhormat terhad, jangan bagi laluanlah. Lebih-lebih lagi orang yang panjang-panjang bercakap. *[Ketawa]*

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Jadi, saya bersetuju sangat dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi. Malahan di Langkawi kita ada empat *point*, *entry point*, Langkawi, Kuah, Bukit Malut dan seterusnya di kawasan *airport* dan juga di Telaga Harbour. Semua empat *point* inilah dianggotai oleh mereka yang senyum selalu, senyum dan memanggil pelancong datang ke Langkawi.

Yang kedua ialah berkenaan polis, saya mengucapkan terima kasih kepada polis yang telah menjalankan tugas yang begitu baik di Langkawi malahan selalulah datang orang-orang yang tertentu memuji polis Langkawi. Saya mengucapkan terima kasih kepada polis yang telah menjalankan tugas dengan baik tetapi hanya satu sahaja, Tuan Pengerusi, iaitu marin polis. Marin polis ini telah menjalankan tugas dengan baik tetapi kalau boleh bantulah mereka yang menjalankan tugas berkenaan dengan nelayan.

Jadi, kerana pukut tunda selalu datang menceroboh Langkawi dan juga kemasukan nelayan Thailand yang selalu menceroboh, maka kita perlu mengadakan sesuatu untuk bantu-membantu antara pihak polis dengan pihak Jabatan Perikanan. Ini kerana telah berlaku kadang-kadang kita pihak nelayan Thailand, pihak pukut tunda menceroboh hinggalah sebatu daripada pantai. Dengan itu, Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih dan saya menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ramai lagi. Yang Berhormat bagi Bentong.

12.09 tgh.

Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga hendak berbincang berhubung dengan Polis Diraja Malaysia. Semua orang tahu bahawa Polis Diraja Malaysia mempunyai pengalaman yang cukup luas. Kita mempunyai sejarah selama 200 tahun dan kita telah mempunyai banyak undang-undang, banyak peraturan yang sedia tertera untuk memastikan semua prosedur dalam lokap dan juga penangkapan dijalankan dengan teratur tetapi baru-baru ini beberapa kes yang berlaku adalah amat malang kerana ini adalah kekurangan dari segi kawal selia, kekurangan dari segi kepimpinan di peringkat akar umbi. Oleh itu, saya memintalah kerajaan sekiranya dapat membetulkan balik apa yang berlaku.

Kita difahamkan di lokap, ada lokap prosedurnya, ada lebih kurang 53 peraturan perlu diikuti sebelum seseorang dapat di lokap dan sebagai seorang OCPD, mereka perlu melawat lokap setiap hari tetapi saya hendak tanya di sini sama ada peraturan ini masih lagi diikuti oleh OCPD-OCPD dalam negara kita, sama ada mereka ada mengawal selia lokap-lokap mereka di balai-balai polis tersebut. Saya juga ingin menyeru Kementerian Dalam Negeri mengumumkan *standard operating procedure* yang sedia ada. Ini kerana saya rasa *standard operating procedure* yang digunakan sekarang banyak yang tidak tahu kerana ia tidak ada *transparency*, kalau boleh kita umumkan kepada orang ramai.

Saya juga ingin meminta kerajaan supaya dapat mengadakan lebih banyak lagi kempen ataupun publisiti untuk mendidik rakyat, mengetahui hak-hak dan juga tanggungjawab sebagai seorang rakyat dan juga hak-hak yang ada terkandung oleh pihak polis. Sebagai seorang polis saya rasa polis juga tugas dia sama seperti rakyat biasa, hanya tugasnya adalah untuk menjaga keselamatan dan juga ketenteraman awam. Oleh

itu, saya rasa polis *is not above the law*, dengan izin, dia perlu menjalankan tugas dengan tertib, dengan berhemah, pastikan tanggungjawab mereka dijalankan dengan baik.

Oleh itu, apabila ada juga teguran-teguran daripada orang ramai, saya rasa pihak polis kena menerimanya dengan terbuka dan juga cuba sedaya upaya untuk memastikan bahawa kritikan ini kita dapat perbaiki imej pihak polis. Saya rasa sekiranya kita semua mempunyai objektif yang sama, di Dewan ini juga semua Ahli-ahli Parlimen hari ini, kita mempunyai objektif yang sama, kita nak meningkatkan imej polis. Kita nak memastikan imej polis yang cukup berpengalaman ini sudah 200 tahun umurnya, saya rasa perlu kita terus meningkatkan. Oleh itu, semua teguran ini saya harap dapat diambil dengan hati yang terbuka.

Saya juga hendak menyahut seruan dari Ahli-ahli Parlimen yang lain juga untuk menyeru pihak kerajaan segera mewujudkan *Independent Complaint and Misconduct Commission* bagi pihak polis. Saya rasa sekiranya ada Jawatankuasa ini, pihak polis tidak boleh lagi disalahkan kerana semua aduan-aduan boleh disalurkan kepada jawatankuasa ini dan biarlah jawatankuasa ini yang menguruskan semua masalah aduan orang awam.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyeru pihak polis untuk bersama-sama dengan orang ramai marilah kita menghapuskan rasuah dalam PDRM ini. Kita rasa hapuskan rasuah ini satu jalan yang paling baik untuk kita mengelakkan penyelewengan kuasa yang ada dalam pihak PDRM. Kes baru-baru ini adalah kerana banyak penyelewengan kuasa yang berlaku dan kita perlu pastikan rasuah tidak lagi berleluasa di PDRM.

Saya mengalu-alukanlah kerana sekarang kerajaan telah menggunakan *badge*, "Saya Anti Rasuah". Saya rasa ini satu langkah yang baik bagi pihak polis menggunakan satu ingatan kepada pihak polis bahawa mereka tidak boleh dirasuah dan saya berharap pihak Kerajaan Malaysia, sama-sama kita menjadikan pihak polis kita, *become the best police in the world, that money can't buy them*. Kita boleh menjadikan satu pasukan polis...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukup ya.

Dato' Liow Tiong Lai: ...yang begitu berpengalaman...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Dato' Liow Tiong Lai: ...dan menjalankan tugas dengan begitu baik, dengan ini saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pendang.

12.16 tgh.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: Balik sudah?

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Balik dua hari sudah, senanglah.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudahlah Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ramai yang bangun jadi kena ambillah giliran-giliran.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Butiran 12000 berhubung dengan balai polis, saya ingin menyentuh tentang Balai Polis Bukit Jenun. Apabila kita melalui jalan daripada Jerai menuju ke Pendang melalui Bukit Jenun ada satu balai polis di situ, pintu pagarnya tertutup rapat hingga tumbuh rumput naik tinggi.

Saya tidak tahu macam manakah orang-orang di Bukit Jenun hendak membuat pengaduan apabila berlaku kecemasan kerana di tempat utama di balai polis tersebut tidak

ada orang yang menjaga, hanya mereka duduk di bahagian belakang balai polis. Harap pihak kementerian memberi perhatian serius terhadap perkara ini.

Kedua tentang pusat latihan, saya tidak tahu sama ada lapang sasar ini termasuk bahagian butiran mana. Lapang sasar di Bukit Jenun merupakan satu lapang sasar yang digunakan oleh polis di daerah Pendang untuk melakukan latihan menembak. Kawasan ataupun jalan untuk menuju ke lapang sasar tersebut digunakan oleh trak-trak polis yang besar, dan ini menyebabkan jalan masuk ke kawasan tersebut sudah rosak dan sering kali penduduk yang tinggal berhampiran selalu jatuh apabila melalui jalan yang dilalui oleh trak tersebut. Kerana jalan sempit, jalan rosak, tebing dia tinggi jadi sering motor jatuh di jalan tersebut.

Kemudian saya hendak tanya kepada pihak kementerian tentang pondok-pondok bit polis yang dibina di merata tempat terutamanya di pekan-pekan kecil sering kali menjadi tempat bukan polis duduk tetapi penagih dadah duduk, ini masalah dia. Sehingga ada yang rosak, cermin hilang, nako dia dicuri dan juga ini disebabkan oleh pegawai polis tidak menunggu, penagih dadah yang menunggu. Ini berlaku di pekan-pekan kecil seperti juga di pekan-pekan kecil di Jenun yang saya sebutkan tadi.

Kemudian saya hendak tanya juga tentang kadet polis yang dilatih di sekolah, apakah mereka ini diberi peluang untuk menjadi polis apabila mereka telah tamat pengajian, kerana kita dapati sering kali polis tidak cukup anggota ataupun tidak cukup pegawai untuk berkhidmat di dalam Polis Diraja Malaysia.

Seterusnya tentang rumah polis, rumah polis yang disediakan biasanya kalau belum ada balai polis yang lengkap disewa di perkampungan ataupun taman-taman perumahan. Mereka ini sentiasa terdedah selain daripada pegawai itu sendiri juga anak dan isteri terdedah kepada perkara-perkara yang berlaku di sekeliling perumahan tersebut, terutama sekali mereka yang duduk di perkampungan yang jauh daripada balai polis tersebut. Saya harap ini diberi perhatian oleh pihak kementerian terutama sekali sewalah rumah-rumah yang ada berhampiran dengan balai-balai polis, kerana sering berlaku anak-anak pegawai polis tersebut kerana bapa dia kerja polis, mereka anggap anak dia pun menjadi polis sama tetapi anaknya merupakan penduduk biasa dan sering kali menerima tekanan dan juga masalah-masalah sosial yang berlaku di kawasan persekitaran.

Saya harap itulah dua, tiga perkara yang saya hendak sentuh dan mendapat jawapan daripada kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong.

12.19 tgh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 020000 iaitu Polis Diraja Malaysia dan ini adalah berkaitan dengan masalah pemerasan-pemerasan berlaku di kawasan saya dan seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Serdang tadi bahawa kawasan Puchong ini merupakan kawasan pembangunan yang pesat.

Baru-baru ini kadar jenayah dan juga kes-kes yang berlaku ini adalah semakin hari semakin meningkat, jadi di sini saya ada memberi sedikit gambaran kepada kementerian bahawa apa yang sedang berlaku dan apakah tindakan-tindakan kita akan ambil. Sebagai contoh, daripada 1 Januari tahun ini sehinggalah 19 November, indeks jenayah atau jumlah indeks jenayah telah meningkat sebanyak 5% iaitu daripada 6153 kepada 6448 dan juga kes-kes yang lain seperti rogol, curi kereta dan sebagai contoh curi kenderaan telah meningkat daripada 309 kes kepada 400 kes dalam masa yang sama. Ini adalah contoh-contoh di mana banyak contoh lagi dan setiap kali saya berbincang dengan pihak polis di Puchong dan balai-balai yang di persekitarannya, mereka berkata masalah utama ialah kekurangan anggota, kekurangan peralatan dan sebagainya.

Sebagai contoh masalah kekurangan anggota, IPD Subang Jaya telah dipisahkan daripada IPD Petaling Jaya pada 1 Januari tahun ini tetapi anggota yang betul-betul menjalankan tugas untuk mencegah penjenayah, kes-kes jenayah ini tidak sampai 500 anggota daripada lapan balai. Ini bermakna kalau kita bandingkan dengan jumlah nisbah

penduduk yang berada di kawasan ini, maka nisbahnya lebih kurang 1 kepada 2500 orang dan ini adalah sangat tinggi kalau dibandingkan dengan *standard* di Interpol 51 hingga ke 200. Ini telah menunjukkan bahawa keperluan ataupun kepentingan IPD yang telah dicadangkan itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sepatutnya dilakukan secepat mungkin di kawasan Puchong ini.

Saya sangat menyokong apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Serdang, kami selalu berbincang. Tempat strategik lokasi adalah di kawasan Puchong di mana ada satu kawasan yang sentral atau satu pusat di tengah-tengah untuk memberi perkhidmatan kepada 8 balai yang ada di sini.

Dalam masa yang sama saya ingin menyatakan di sini bahawa saya meng*highlight* perkara-perkara ini bukan untuk menakut-nakutkan pihak-pihak tertentu tetapi daripada pengalaman saya. Satu hari saya menerima tiga panggilan bahawa tiga kereta sudah kena curi, dalam satu hari, Tuan Pengerusi, dan bermacam-macam lagi kes yang sudah berlaku di kawasan ini. Saya haraplah kementerian mengambil tindakan yang serius kepada apa yang saya nyatakan di sini. Kepada pihak polis saya ingin juga mengucapkan tahniah, khasnya kepada OCPD di sana kerana beliau adalah seorang yang tekun, seorang yang rajin turun padang.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Bukan apa yang dinyatakan oleh pihak pembangkang polis tidak bekerja ataupun tidak menjalankan...bagi saya polis di Puchong memberi satu kerja yang baik setakat ini, tetapi sangat kekurangan anggota dan juga kelengkapan itu adalah masalah yang utama.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Barat bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *No time, no time please, okey?*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mengenai Puchong...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat, sudah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Dalam masa, dalam masa...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu memang penting tetapi tidak pernah cakap...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *...sorry you talk outside hah!*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Puchong, sila gulung, Yang Berhormat Puchong ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of order, point of order* – sangkaan jahat. Mana kita kata bahawa OCPD Puchong tidak kerja, tidak guna, mana itu?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya cakap pihak polis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *You* kata OCPD PJ...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey, duduk, duduk, duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... dia sebut DAP, jangan buat begitu, jangan buat tuduhan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya ingat pihak pembangkang, pihak pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey, tidak tarik balik - baik, jangan buat tuduhan semacam itu.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Inilah, ini sikap dia macam ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor] : Bukan sikap, ini cakap!

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya teruskan, saya teruskan, saya teruskan ok?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan sahaja, Yang Berhormat Ipoh Timor cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, saya bantah perkara ini!

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Perkara yang kedua saya hendak bangkitkan mengenai perniagaan besi buruk yang berleluasa di Puchong. Saya telah meneliti Akta Perniagaan *Second Hand* 1949 dan di sini masalah utama ialah pertelingkahan di antara PBT dan MPSJ dengan pihak polis.

MPSJ kata ini adalah hak polis, polis kata ini lesen perniagaan daripada pihak PBT iaitu MPSJ, tetapi saya meneliti dengan secara teliti akta ini bahawa pihak polis adalah mempunyai hak yang bagi saya adalah sangat tunjang kepada masalah perniagaan *second hand* ataupun perniagaan barang-barang *second hand* ini. Kalau mengikut sebagai contoh Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya habiskan Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: ...kalau kata kita mengikut jadual kedua, *all right?* Benda-benda yang dibenarkan dalam jenis perniagaan *second hand* ataupun besi buruk ini iaitu beg-beg guni, botol-botol dan besi juga logam lain daripada tembaga, plumbum dan sebagainya.

Lihatlah Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh saya menjemput Yang Berhormat untuk melawat kedai-kedai ataupun tempat-tempat perniagaan besi buruk di Puchong ini. Di mana meter air kena curi, penutup longkang kena curi semua kena curi - habis dan ini telah menjadi masalah dan implikasi yang serius kepada kawasan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya berharap Yang Berhormat kalau boleh mengambil tindakan yang serius dan dengan ini saya ingin menyokong.

12.25 tgh.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 020000 berkenaan Polis Diraja.

Tuan Pengerusi, apabila kita membangkitkan pasal penyeludupan dadah ke dalam negara kita pada beberapa minggu yang lalu pihak polis salah anggapan sehingga ada kenyataan dalam akhbar *Borneo Post*, "Dakwa Marin Benarkan Penyeludupan".

Bukan kita katakan marin benarkan penyeludupan, kita katakan penyeludupan di sempadan tidak dikawal dengan rapi, bukannya kita katakan marin membenarkan. Ini saya baca kenyataan, Komander Pasukan Polis Marin SAC1 Abdul Rahman Haji Ahmad berkata, "Dakwa dua Ahli Parlimen bahawa polis marin sebagai tidak amanah dan membenarkan penyeludupan dadah melalui jalan laut adalah tidak berasas". Kita bukan kata, "Dia orang benarkan", kita kata, "Tidak ada kawalan". Kalau kita nampak bot-bot kecil yang datang dari pulau kepunyaan orang kampung digeledah habis, tetapi bot-bot besar yang datang daripada negara jiran, daripada *Philippines*, daripada Indonesia tidak digeledah kerana mungkin ada habuan saya kata. Ini yang kita kata bukan kita bilang polis marin, kita mahu supaya kenyataan ini diperbaiki.

Apa yang kita kemukakan di sini memang benar, Tuan Pengerusi, kerana kalau tidak ada tuduhan-tuduhan yang kita buat ini tidak ada yang lihat, kita dengan bukti kerana di daerah Tawau, di daerah Kinabatangan kita nampak dadah, syabu berleluasa. Saya tidak nampak bahawa di Tawau atau di Kinabatangan atau di Sabah ini kita ada tanam

pokok-pokok ini untuk *produce* syabu atau dadah yang diseludup dari negara luar. Kita minta supaya apabila pegawai-pegawai polis sama ada rendah atau tinggi membuat kenyataan dia fikir dahulu perkataan yang dikeluarkan oleh Komander Polis Marin ini tidak berasas sama sekali. Mungkin tidak menyiasat secara terperinci terus buat kenyataan sahaja untuk mengaburi mata rakyat, ini mengaburi mata rakyat.

Tuan Pengerusi kita sebenarnya bertahniah kepada pihak polis kerana dengan kekurangan jentera-jentera mereka di darat membuat kawalan-kawalan yang baik tetapi kita minta supaya dipertingkatkan keadaan ini.

Misalan di daerah Tawau, di Kalabakan, di Kinabatangan polis mereka guna kenderaan Proton Saga. Yang sepatutnya polis di kawasan-kawasan luar bandar di Sabah, Sarawak ini menggunakan satu kereta yang mempunyai pacuan 4 roda, *four wheels drive*. Kalau tidak mungkin banyak penjenayah termasuk penyeludup-penyeludup yang datang daripada luar ini kita tidak dapat banteras kerana kawasan nombor satu luas sama ada di lautan atau di daratan. Kita minta supaya Kementerian Keselamatan Dalam Negeri memberitahu pihak polis bahawa apa yang kita kemukakan ini disiasat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tidak perlu saya datang di sini memberitahu apa yang kita ucapkan kemudian siarkan dengan menunjukkan bukti-bukti, mereka siasat kerana ini perkara nyata di bawah mata kita Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam. Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jadi ini, okay.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa tujuan Yang Berhormat ialah supaya meningkatkan kawalan bukan hendak memburukkan imej pihak berkenaan. Betulkah?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Itulah saya kata tadi tentang kawalan. Kita tidak mahu bot-bot besar membawa jenis-jenis barangan ini tinggal begitu. Saya katakan apa juga mereka bawa mereka mesti digeledah habis kerana kita takut dalam kapal yang begitu besar selain daripada bawa barang-barang yang halal ada barang yang tidak halal yang dibawa. Kita minta kawalan yang lebih rapi dan kemudian mungkin...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, gulung Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: ...kita boleh beri kerjasama.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Saya minta maaf, sekarang kita tidak ada masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Kita mahu pihak polis lebih berhati-hati. Kalau sekiranya perlu pihak mendapat kerjasama daripada pihak kita itu kita boleh bagi kerjasama 100%.

Tuan Pengerusi, di daerah Tawau mungkin keadaan kalau kita kata rokok, shabu dijual secara berleluasa orang kata mungkin ini cerita-cerita dongeng tetapi saya minta mungkin Kementerian Keselamatan Dalam Negeri hantar *plain cloth policeman* untuk siasat perkara ini.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat sudah mahu habis.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Penting, Tuan Pengerusi, penting. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kalabakan, saya amat faham tentang masalah

pihak polis untuk mengesan penyeludupan dadah ini. Satu daripadanya mungkin kekurangan alat. Alat yang canggih yang mudah mengesan. Bagaimana pendapat Yang Berhormat patutkah pihak polis dilengkapi dengan selengkap-lengkapnyanya alat-alat ini bagi membolehkan mereka mengesan dadah dan barang-barang yang diseludup ke dalam negara ini.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tidak perlu saya katakan kekurangan alat kerana sudah kita tahu bahawa kita kata najis dadah musuh nombor satu negara. Sepatutnya kerajaan, kalau sekiranya polis tidak ada kelengkapan bagi kelengkapan yang cukup kerana tidak guna kita kata najis dadah ini musuh nombor satu negara kemudian kita kata kenyataan polis mengatakan ia kita tidak cukup alat. Ini alasan-alasan yang tidak munasabah ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat habiskan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Kita minta supaya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan ucapan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: ...supaya pihak Keselamatan Dalam Negeri mungkin di Sabah dan Sarawak di luar-luar bandar ini bagilah kelengkapan-kelengkapan yang secukupnya kerana kalau kita kata tidak ada kelengkapan tidak cukup kelengkapan tentu rakyat ketawa dengan kita. Kita kata ini musuh kita kemudian kita kata kita tidak cukup kelengkapan. Sekianlah, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saratok.

12.32 tgh.

Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak buat perbincangan sedikit berkaitan dengan Butiran 12000 dan 22000. Yang pertama berkaitan dengan balai-balai dan pondok-pondok polis dan yang kedua berkaitan dengan kenderaan di Saratok.

Tuan Pengerusi, pada satu ketika sudah dipelankan akan diadakan satu balai polis di daerah kecil Kabung di mana penduduknya ada dekat 10,000 tetapi hingga sekarang ini belum nampak apa-apa lagi.

Saya hendak minta kementerian supaya mempercepatkan pembangunan balai polis dekat Kabung oleh kerana balai sementara dia sekarang ini adalah rumah yang disewa daripada orang di situ dan keadaannya agak uzur sedikit. Minta kementerian memberi komen nanti kalau nanti ada apa-apa plan untuk RMK-9 dan sebagainya. Yang kedua, Tuan Pengerusi adalah berkaitan dengan...

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Padang Terap bangun hendak bagi jalan?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih sahabat saya dari Saratok. Tadi Yang Berhormat Saratok menyebut tentang pondok-pondok polis. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan bahawa kita perlu mentiadakan pondok-pondok polis ini diganti dengan balai polis kerana anggota tidak cukup, kelengkapan yang tiada semuanya tidak lengkap di pondok polis. Contohnya di Nami misalnya, di Kampung Labi misalnya ada seorang yang jaga sampai 8,000 orang. Bolehkah Yang Berhormat mencadangkan supaya kita *up grade*kan menjadi balai polis yang ditadbir oleh inspektor dan sebagainya seorang tidak cukup. Boleh Yang Berhormat cadang begitu? Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dan sekiranya dapat di *up grade*kan pondok-pondok ini supaya dia jadi balai di tempat-tempat yang tertentu oleh kerana semakin hari semakin ramai lagi penduduk-penduduk di satu-satu tempat dan mungkin masalah ini akan bertambah.

Yang kedua saya hendak sebut tadi Tuan Pengerusi adalah berkaitan dengan kenderaan. Kenderaan ini satu yang perlu sangat untuk pergerakan polis yang mengawal keselamatan kita khasnya di kawasan luar bandar. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kalabakan kawasan di Sabah Sarawak kebanyakan di pedalaman itu perlukan kereta *four wheels drive* untuk mengesan atau berkejar ke satu-satu tempat.

Ada satu ketika Tuan Pengerusi saya terpaksa bawa pegawai polis (Sarjan) itu ke tempat mengejar satu tempat yang adanya kebakaran. Apabila saya tanya mana *transport* dia kata *transport* yang ada itu sudah digunakan untuk meronda itu pun satu sahaja *transport* dia merupakan satu Land Cruiser yang sudah tua sangat. Kalau dapat di bawah Butiran 22000 ini bagilah kita di Balai Polis Saratok kenderaan yang sesuai untuk pegawai keselamatan kita pegawai polis untuk mengawal keselamatan yang makin bertambah.

Yang akhir sekali Tuan Pengerusi, ada permintaan dari orang di kawasan di bandar Saratok juga dia minta lebih sedikit rondaan pada waktu malam khasnya oleh kerana ada dua tiga kali berlaku kecurian yang nampaknya tidak pernah berlaku di situ di mana satu *safena* diangkat daripada kedai dan dia kata tuan punya kedai itu pun tidak tahu yang ini berlaku. Saya telah membawa kes ini kepada pegawai polis KPD di situ dia kata satu masalahnya di situ adalah dia tidak cukup *personnel* untuk buat perondaan pada waktu malam. Saya mohon sekiranya dapat minta kementerian menambahkan lagi *personnel* supaya orang-orang kita di situ duduk dengan selamat dan tidur dengan lena.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat, ya.

Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]: Ya, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Maran.

12.37 tgh.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi kerana memberi peluang saya untuk membahaskan belanjawan bagi kementerian ini.

Saya hendak menyentuh beberapa perkara yang pertama ialah Butiran 02000 Polis Diraja Malaysia. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pasukan polis kerana telah banyak menjalankan tanggungjawab dan memberikan jaminan keselamatan kepada negara kita. Walau bagaimanapun kita rasa kecewa dan agak tergugat akibat daripada beberapa orang anggota polis yang melanggar peraturan dan tidak mengikut disiplin yang telah disediakan oleh pihak pasukan polis.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya dalam sistem pengambilan pegawai-pegawai polis ini saya minta supaya kerajaan memberikan dan mengetatkan sedikit syarat-syarat kemasukan. Kita harap bukan sahaja dari segi fizikal dari segi *qualification* dengan izin, mental tetapi saya mencadangkan supaya penekanan juga diberi kepada aspek moral dan *spiritual* yang perlu ada pada setiap pegawai dan kakitangan polis. Kerana biarlah kurang anggota polis tetapi anggota-anggota yang ada pada kita mempunyai nilai peribadi nilai moral yang tinggi yang tidak terlibat atau tidak sanggup melibatkan diri dalam perkara-perkara yang boleh menjejaskan imej pasukan polis sendiri.

Tuan Pengerusi, perkara kedua ialah tentang Butiran 11000 iaitu libu pejabat polis dan juga pondok-pondok polis. Saya ingin menarik perhatian kepada kementerian dan kerajaan supaya masalah Balai Polis daerah Maran yang telah pun dilaksanakan pembinaannya telah pun terbengkalai dan saya difahamkan balai ini tidak akan dilaksanakan lagi kerana masalah-masalah yang besar yang boleh merugikan kerajaan.

Saya minta supaya kerajaan mengambil perhatian serius supaya pembinaan bangunan balai polis ini dapat disegerakan dan langkah-langkah yang wajar perlu diambil. Kerana balai polis yang ada sekarang ini agak menyedihkan saya dan banyak kekurangan kemudahan yang perlu diberikan kepada mereka tidak diperolehi.

Yang kedua tentang pondok polis ialah di kawasan saya Chenor Seberang. Kita mempunyai dua tiga orang anggota polis tetapi malangnya mereka ini hanya tinggal di sebuah rumah sewa yang tidak selesa tetapi peranan mereka amat besar dalam menjaga keselamatan. Saya minta kementerian ataupun kerajaan memberikan perhatian kepada perkara ini kalau boleh menyejajarkan pembinaan pondok polis di kawasan Chenor Seberang ini.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, ialah Butiran 020300 penyiasatan jenayah. Kita ucapkan terima kasih kepada pasukan polis kerana dapat menurunkan kadar jenayah di negara kita tetapi saya perhatikan Tuan Pengerusi semasa anggota cawangan jenayah ini menjalankan tugas mereka, mereka ada memakai pakaian *vest* yang di mana di belakang itu di taruk CID. Pada saya dari segi fikiran sayalah mungkin dari segi pendekatan polis berbeza, walaupun mungkin kita boleh mengelakkan penjenayah daripada melakukan jenayah apabila melihat anggota polis memakai lambang CID itu tetapi dalam masa yang sama tugas pencegahan jenayah ini satu tugas yang besar risikonya kalau berbanding dengan unit-unit lain pada saya. Sebab itulah saya mencadangkan kalau boleh lambang ini tidak perlu dipakai kerana dalam masa yang sama kita boleh melihat polis ini yang bertugas boleh melihat penjenayah-penjenayah yang hendak melakukan jenayah yang di luar pandangan mereka. Bila mereka nampak polis pakai CID lambang CID dengan sendiri mereka buat relaks, tidak boleh melakukan jenayah. Dan berikutnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Pengerusi, satu lagi Butiran 04000 iaitu Agensi Antidadah Kebangsaan. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana menubuhkan agensi ini tetapi kebelakangan ini kita telah disuarakan dengan beberapa masalah yang lahir daripada agensi ini saya pernah juga terlihat dengan masalah dadah ini di peringkat PPA di pasukan petugas antidadah dahulunya. Kerana beberapa perkara yang dapat dirungutkan kepada saya yang pertamanya ialah agensi ini melaksanakan program mereka banyak cara tersendiri dan kurang koordinasi dengan pasukan polis dan agensi-agensi lain.

Saya minta supaya kembalikan semula *team work* dalam melaksanakan program antidadah ini supaya polis, agensi antidadah, jabatan-jabatan lain yang berperanan termasuk dalam jawatankuasa keselamatan, jawatankuasa antidadah daerah perlu dihidupkan semula. Satu lagi ialah dari segi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: ...maklumat. Kita dapati maklumat kadang-kadang berlapis tidak seimbang dengan pasukan polis. Saya minta supaya kerajaan menentukan sumber manakah yang perlu diambil sebenarnya supaya masyarakat tidak keliru dengan maklumat terkini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Sabak Bernam.

12.42 tgh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Bismillahir Rahmanir Rahim syukur alhamdulillah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Pengerusi Sabak Bernam ingin khusus menyentuh mengenai 020500, 06100, 04000, 070700 khusus berkaitan dengan Agensi Antidadah Kebangsaan. Pertamanya Sabak Bernam ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak kerajaan, kementerian ini khususnya, Jabatan Polis, ADK dan Timbalan Menterinya yang cukup aktif melaksanakan berbagai operasi sama ada di pusat hiburan, disko ataupun melaksanakan program lawatan tinjauan dan juga enam jahanam yang melibatkan artis ataupun *celebrity* dalam Kempen Menangani Salah Guna Dadah.

Perkara yang keduanya berkaitan perkara tersebut sebagai satu tindakan pro aktif BN-BBC pembantu kerajaan telah dirumuskan semua pandangan dan cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen ini yang telah terbahagi kepada tiga bahagian. Bagi Agensi Antidadah

kita telah menyarankan 10 perkara, bagi Jabatan Polis Narkotik kita telah menyarankan 10 perkara dan bagi agenda bertindak berbeza kerana ini musuh nombor satu negara ini musuh mesra rakyat yang berbeza. Ada 15 cadangan telah diberikan dan Sabak Bernam berharap supaya agenda bertindak daripada kementerian khususnya daripada Agensi Antidadah ini harus disegerakan.

Pertamanya Sabak Bernam nampak tidak ada unsur *urgency* terhadap menangani musuh nombor satu negara. Ini satu perkara yang kita sebut sebagai musuh kita tetapi cuba kita lihat bagaimana kita menangani perkara ini dan musuh kita ini sebenarnya telah menakluki dan menawan seluruh kawasan dalam negara kita. Kalau kita bandingkan ini sebagai satu peperangan *conventional* maka kita kalah sebenarnya dalam peperangan ini. Sungguhpun saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Timbalan Menteri yang menyatakan bahawa pertambahan penyalahgunaan dadah ataupun penagih ini pada tahun ini kurang 40% iaitu kurang kira-kira 7,500 orang dibandingkan dengan tahun lepas tetapi perkataan kurang itu tidak sebenarnya mengurangkan, ia terus bertambah. Hanya bertambah tidak berapa banyak dibandingkan dengan yang terdahulu.

Oleh kerana itulah, Sabak Bernam ingin mencadangkan supaya beberapa perkara berikut yang telah pun ada kita kemukakan secara khusus dalam kertas kerja ini, dapat diberikan perhatian dan tindakan. Jadi di sini, Sabak Bernam ingin *highlight*kan beberapa perkara sahaja sebagai satu tindakan yang khusus, yang berbeza.

Yang pertama, Sabak Bernam ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan memikirkan dengan lebih serius untuk mengasingkan penagih dadah ini di sebuah pulau atau di satu tempat yang terasing, mungkin di satu kawasan yang 100 ekar di mana mereka ini apabila diletakkan di situ, mereka dapat diberikan perhatian dengan sebaik-baiknya bersesuaian dengan sakit mereka. Jadi, rawatan perubatan boleh diberikan, rawatan emosi, rawatan psikologi boleh diberikan kepada mereka di sini.

Saya ingin gambarkan Tuan Pengerusi, penagih tegar yang ada di Kuala Lumpur antara 200 orang hingga 400 orang, tegar ini, tangkap mereka, penjara mereka, masukkan pusat seranti, mereka balik ke situ. Jadi mereka ini bukan sahaja menjadi entiti yang negatif, bukan sahaja maknanya membahayakan diri sendiri, tetapi membahayakan orang lain kerana kita difahamkan bahawa mereka juga terjebak dengan HIV/AIDS. Jadi kalau mereka diasingkan, mereka dapat diberikan perhatian dengan lebih baik. Oleh kerana itu, HAM ataupun Hak Asasi Manusia ini, harus memikirkan, ini minoriti yang sakit diasingkan supaya *the majority*, dengan izin, tidak terjebak dalam masalah itu.

Perkara yang keduanya, yang ingin di*highlight*kan oleh Sabak Bernam ialah, satu saja Tuan Pengerusi, yang lain kita boleh bincang secara khusus dengan pihak AADK ialah organisasi PEMADAM. Jadi, kita sangat berharap supaya ADDK, Agensi Antidadah Kebangsaan dan juga pimpinan yang ada dalam Dewan yang mulia ini dan juga pimpinan di luar, supaya mendekatkan diri dengan PEMADAM. Kita harus jelas bahawa PEMADAM ini adalah pertubuhan NGO sukarela, pertubuhan sukarela yang ditubuhkan khusus untuk menangani salah guna dadah. Dia berbeza dengan AADK, agensi yang ditubuhkan khusus oleh kerajaan yang ada peruntukan dan ada organisasinya. Kalau dapat dibandingkan peruntukan Agensi Anti Dadah ini, ada sekarang ini hampir RM200,000 tetapi bagi PEMADAM tak ada peruntukan, kecuali pimpinan mereka itu maknanya mengadakan program dan aktiviti untuk mendapatkan peruntukan itu. Jadi, oleh kerana itu sekali lagi Sabak Bernam sangat berharap dan merayu supaya pihak kementerian ini dapat mengatur agenda supaya para pemimpin turun padang ke peringkat akar umbi. Terima kasih, Sabak Bernam menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Mertajam.

12.48 tgh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di surat khabar Sin Chew hari ini, saya rasa surat-surat khabar yang lain pun ada, mengatakan, mendedahkan bahawa di Pulau Pinang ada dua orang polis dia menangkap enam orang pelajar di antara 15 hingga 18 tahun. Mereka bermesyuarat mengenai urusan skuad kem. Di antaranya dua orang tidak membawa IC, dua polis ini membawa dia balik ke balai polis

sampai pukul tiga pagi dan akhirnya mereka dilepaskan dengan enam orang - dan duit yang mereka ada ialah RM26 diambil oleh polis. Ini didedahkan bukan oleh DAP, didedahkan oleh ADUN MCA di Pulau Pinang. Hari itu, Ahli Parlimen Ayer Hitam juga mendedahkan bahawa polis salah tahan tiga orang warganegara China, sampai mereka ingin balik ke negeri mereka dan tidak mahu berniaga di sini lagi.

Saya menunjukkan ini ialah untuk memberi tahu Dewan dan juga Santubong, bahawa mendedahkan isu-isu ini ialah tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat seperti yang dikatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya sangat kesal...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Penjelasan, penjelasan, ini juga termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Suruhanjaya Diraja yang menyentuh tentang masalah dan krisis di dalam pasukan polis.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, memang begitu, saya rasa sangat kesal dengan wakil rakyat yang berdiri bukan dengan wakil rakyat, mereka menjadi wakil polis. Mereka hendak mempertahankan penyalahgunaan kuasa oleh individu polis, mereka mengatakan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sangkaan jahat, sangkaan jahat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Duduklah, mereka mengatakan ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana boleh macam itu, siapa kata kita mempertahankan polis, yang kalau dia salah, salahlah, mana boleh tuduh macam itu, yang betul betullah, polis sanggup dihukum...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Duduklah, 'Pak Lah' betul dalam laporan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong, cukuplah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You* pun duduklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Mertajam teruskan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Santubong mengatakan, mereka yang mendedahkan dan memburukkan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kenyataan Bukit Mertajam ini, Tuan Pengerusi salah, kenyataan Bukit Mertajam ini tak betul. Ahli Parlimen...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...dia membela kebenaran, kalau yang salah itu salahlah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...nama baik, bukannya mereka yang membuat atau salah gunakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... tapi yang lain baik, betul, takkan semua kita nak pukul rata, tak semua nak masuk satu guni. Ikut guni dia mana boleh, *brand* DAP ini tak baik, Tuan Pengerusi jangan beri dia ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...kuasa tapi mereka yang mendedahkan, saya rasa ini adalah satu sikap yang sungguh bahaya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bila saya tegur, kena dengarlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...iaitu "*go for the whistle blower*" - mereka yang mendedahkan. Saya rasa, apabila media mendedahkan bahawa askar wanita di Amerika menyeksa askar Iraqi, kita kata adalah sangat baik media ini, ini adalah perkara yang sama berlaku di negara ini, membongkar penyalahgunaan kuasa. Saya rasa kita perlu memberikan media untuk membongkar lebih banyak kes semacam ini supaya

memberi amaran kepada mereka yang ingin menyalahgunakan bahawa kesalahan mereka akan dibongkar pada suatu hari. Jadi, saya berkata DAP memang ada agenda untuk mendedahkan penyalahgunaan ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ..tetapi bukan seperti sangkaan jahat yang mengatakan mereka tidak ada negara nak pergi. Saya pun tak ada negara yang boleh pergi. Ini negara Malaysia, negara saya juga. Jadi,...

Seorang Ahli: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...agenda DAP ialah supaya kita membersihkan pasukan PDRM, supaya mereka yang salah gunakan kuasa tidak ada tempat di dalam pasukan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] : ...dan supaya kita meningkatkan nama baik pasukan ini, supaya kita semua boleh hidup dalam perlindungan. Yang akhir sekali ini adalah tumpangan dari Tanjong, kerana dia rasa dia tak ada masa untuk memberi ucapan. Ini mengenai siasatan polis. Dia hendak tanya, apakah sebab tindakan masih belum diambil atas kes no. *Report* Alor Star 5257/05 dan Laporan 5315/05 yang membabitkan seorang anggota polis dalam kes mencederakan seorang awam iaitu Ang Heng Huat dari Pokok Sena, Kedah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang terakhir sekali, maaf...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa kali yang terakhir, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] : Yang terakhir, saya rasa kita mesti dengan jelas mengatakan ini membogelkan mana-mana wanita adalah salah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...kerana Yang Berhormat Batu Kawan boleh mengesahkan perkara ini. Ada seorang ADUN MCA dari parti MCA, mencadangkan dalam satu jamuan makan malam, di mana sejumlah 1,000 orang menghadiri...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...beliau mencadangkan bahawa pegawai polis wanita yang menyalahgunakan kuasa itu patut juga dibogelkan dan ditunjukkan di Dataran Merdeka. Saya rasa, ini adalah,.. kalau kita tidak menjelaskan bahawa ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ... adalah satu perkara yang salah. Lebih ramai, termasuklah wakil MCA akan turut mencadangkan membuatkan begitu. Jadi saya harap kita mesti sebulat suara mengatakan ini adalah perbuatan yang salah dan sesiapa yang salah mesti diambil tindakan dan bukan membogelkan dia. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya tegur untuk habiskan ucapan yang tak habis, saya hanya membenarkan dua orang saja lagi. Saya hendak Menteri menjawab sebelum pukul satu. Yang Berhormat Parit, sila, 3 minit.

12. 54 tgh.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pasukan polis ini saya mengibaratkan apa yang berlaku akhir-akhir ini, "Ibarat panas setahun, hujan sehari", begitu banyak jasa yang dilaburkan oleh pihak polis, oleh

kerana satu dua kes yang mencemarkan nama baik pihak polis, maka ini telah merosakkan kredibiliti...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Peraturan Mesyuarat. Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat mana ini, cuma dua orang saja, ini isu perlu dibahaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu peraturan yang ada.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita dituduh oleh pembangkang tidak berbasah sebab kita bersengkokol, tidak boleh ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dia berbagai-bagai faktor, itu atas pertimbangan yang dibuat oleh...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...ialah faktor yang melibatkan isu rakyat harus diberi ruang untuk kita berbasah, buat apa kita datang Parlimen kalau cuma diam-diam saja...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya faham Yang Berhormat, kita ada benda lain hendak bahas, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Benda lain pun kalau tidak perlu, kita bahas benda yang perlu, mesti ada *priority*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Saya teruskan, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, tugas utama pasukan polis, yang pertama mencegah dan menghapuskan jenayah dan juga menjaga keselamatan negara.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Menyampuk]

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Tugas kedua pasukan polis yang tidak kurang pentingnya ialah untuk menghapuskan 'kambing hitam' dalam pasukan polis kerana kalau kambing hitam ini tidak dihapuskan ia akan merosakkan imej polis dan akhirnya apabila perkara ini digembar-gemburkan terlalu besar ia merosakkan imej negara kita.

Saya terus kepada butiran Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Ibu Pejabat Polis, seperti mana yang telah saya bangkitkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ibu Pejabat Polis Daerah Perak Tengah yang terletak di Seri Iskandar itu sepatutnya telah dimulakan pembinaannya pada tahun 1998 dan projek ini telah tergendala sehingga sekarang yang sepatutnya siap pada tahun 2001. Jadi, dalam jawapan bertulis Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan projek ini akan diteruskan pada bulan Disember. Saya amat berharap bagi pihak anggota polis di seluruh daerah Perak Tengah yang lama telah duduk dalam bangunan yang begitu uzur, sangat mengharapakan supaya ianya benar-benar dapat dimulakan semula pada bulan Disember tahun ini.

Yang kedua berkenaan dengan Pertahanan Awam, Butiran 75000, 76000, 77000. Di seluruh negara terdapat kira-kira seramai 40,000 anggota Pertahanan Awam ataupun dipanggil JPA3. Jadi, pada kedudukan sekarang ini di peringkat daerah, JPA3 ini begitu daif keadaannya. Tidak ada bangunan, tidak ada pejabat sendiri, tidak ada kelengkapan yang lengkap sedangkan JPA3 ini memainkan peranan yang besar dalam membantu menyelesaikan masalah yang berlaku seperti bencana banjir, kemalangan, kebakaran juga bagi mereka yang duduk di pinggir sungai, kejadian jatuh dalam sungai.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Pasukan JPA ini memainkan peranan. Saya berharap Tuan Pengerusi, JPA3 ini diperlengkapkan dengan kelengkapan kenderaan dan juga pejabat yang sempurna bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan efektif dan berkesan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuaran, lepas itu kementerian menjawab. Cukuplah Yang Berhormat. Teruskan Tuaran. Yang Berhormat nanti boleh mencela, ya, yang lain sila duduk.

12.57 tgh.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, di atas peluang untuk membahaskan Bekalan 62 - Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Saya akan teruskan ke Butiran 010000 - Pengurusan Dasar Keselamatan Dalam Negeri, Butiran 020000 - Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam.

Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih di atas peruntukan yang agak besar pada dua butiran ini, dan kita anggap ini adalah amat penting sebab ketenteraman awam dan keselamatan negara amat penting bagi kemakmuran negara kita sehingga kementerian ini juga adalah dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang beberapa perkara yang telah saya bangkitkan dalam Kementerian Dalam Negeri pada malam tadi. Perkara ini ialah soal pemberian kerakyatan kepada penduduk asing. Saya memohon supaya pihak kerajaan mengetatkan permohonan kerakyatan daripada orang asing ini untuk mengelakkan pengganas menggunakan cara ini untuk masuk ke sesebuah negara ataupun menggunakan kerakyatan sesuatu negara untuk memasuki negara lain yang menjadi sasaran mereka.

Kita juga harus mengambil tindakan yang sama atau lebih ketat kerana hampir semua sempadan kita ini adalah berada dalam kawasan konflik seperti di selatan Filipina, selatan Thai dan juga di Aceh. Pergerakan kumpulan pengganas di rantau ini amat membimbangkan keselamatan serantau. Kumpulan seperti Jemaah Islamiah dan Abu Sayaf telah banyak diperkatakan berkaitan dengan Al-Qaeda. Dengan jumlah pendatang tanpa izin begitu tinggi di negara kita, terutama sekali di negeri Sabah dan dengan pewujudan penempatan perkampungan pelarian Filipina di negeri Sabah, adalah menjadi kebimbangan kita semua dan terutama sekali rakyat Sabah bahawa tempat-tempat ini menjadi sarang persembunyian pengganas-pengganas, keluar masuk pendatang-pendatang secara haram atau sebagai pekerja daripada selatan Filipina atau Indonesia adalah amat membimbangkan. Ini adalah kerana dikhuatiri perkampungan pelarian Filipina ini akan menjadi tempat berkumpulnya pengganas-pengganas ini untuk merancang serangan mereka. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Pusat untuk memantau masalah ini dan perkara ini sudah banyak kali kita bangkitkan di Dewan yang mulia ini, sebelum apa-apa perkara yang tidak diingini berlaku.

Kita harus sama sekali mengelakkan Sabah dijadikan tempat sarang pengganas kerana ini akan digembar-gemburkan oleh pihak media antarabangsa yang tidak bertanggung jawab, sebab seperti juga Malaysia baru-baru ini imej negatif telah dipaparkan berikutan dengan penglibatan seorang rakyat Malaysia dalam pengeboman di Bali dan Jakarta.

Tuan Pengerusi, kita harus mengambil iktibar tentang apa yang telah berlaku di Perancis baru-baru ini, di mana satu rusuhan kaum telah berlaku, iaitu apabila mereka yang tinggal di setinggan-setinggan dahulu yang berasal dari Afrika telah akhirnya berlaku satu konflik dengan rakyat tempatan. Malaysia, Tuan Pengerusi, akan menghadapi masalah yang sama jika sekiranya kita tidak menangani soal pendatang asing yang duduk di Malaysia, dan apatah lagi sekarang ini sudah ada ura-ura yang mengatakan bahawa pemegang-pemegang IMM13 akan dijadikan rakyat Malaysia yang sekarang ini sudah dikatakan sebagai warganegara khusus. Adalah saya begitu bimbang dengan keadaan ini dan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cukuplah.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ya, begitu bimbang dengan keadaan ini dan belum ada penjelasan yang diberikan oleh kerajaan, apakah kriteria-kriteria yang telah dibuat untuk menjadikan mereka rakyat negara Malaysia sebab jelas dalam Akta Imigresen 1959, bahawa hanya orang yang mempunyai *valid entry permit* di negara ini yang boleh dimulakan untuk proses pemberian PR ataupun kewarganegaraan. Bagaimanakah pula orang-orang yang datang tanpa apa-apa *valid permit* ini diberikan kerakyatan apa yang dikatakan sekarang warganegara khusus.

Saya mohon supaya pihak Timbalan Menteri membawa perkara ini, mengangkat perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri yang

bertanggungjawab dalam soal keselamatan negara sebelum apa-apa perkara yang tidak dapat diingini berlaku di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila mula jawapan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Point of Order*, Tuan Pengerusi saya ingin bangunkan *Point of Order 35(3)*. Tuan Pengerusi, bila sesuatu dalam majlis bukan sahaja pihak-pihak kita boleh berucap, tetapi boleh berucap lebih dari satu kali dan saya dipilih oleh ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya faham, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya ingat Tuan Pengerusi belum faham lagi, biar saya cakap habis. Saya dipilih oleh rakyat dari kawasan saya, bukan orang-orang di sini, kalau ada perkara yang terbangkit dari kawasan saya, siapa yang akan bangkitkan. Bolehkah Tuan Pengerusi akan bangkitkan, saya tulis ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya pun faham Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tolong bangkitkan semua perkara. Jadi, macam mana sebab saya kurang faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Barat, saya pun ada kawasan juga, sama, yang lain ada kawasan juga Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, saya punya kawasan, saya kerap kali bercakap dengan Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya pun faham,...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ... saya mewakili 90 ribu orang bukan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: ...yang lain ada wakil 100 ribu orang Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: 5 ribu, 10 ribu, 20 ribu itu pun kurang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya faham, saya faham Yang Berhormat, yang lain pun banyak nak bercakap, kita pun ada peraturan di bawah 35 (7) baca Yang Berhormat, 35 (7).

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, kalau macam itu lebih baik...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya sudah bagi peluang Yang Berhormat, Yang Berhormat kata nanti bila sampai tajuk Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh mencelah, kita kena mula...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, ini, walaupun saya ingin percaya apa yang dikatakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Selama ini saya pun beri Yang Berhormat banyak peluang hari ini oleh kerana faktor masa Yang Berhormat. Cuba baca Peraturan 35(7),...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Perkara yang saya bangkitkan di bawah butiran belum dijawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Di bawah Peraturan Mesyuarat 35(7), cuba Yang Berhormat baca. Baca Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa ada sesuatu yang tidak kena.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cuba buka muka surat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa sesuatu yang tak kena, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Muka surat 46, Ya, ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat] : Lebih baik kata, Ipoh Barat jangan cakap, *you* balik kampung, lagi baik, lagi baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak ada Yang Berhormat, saya sudah bagi peluang. Yang Berhormat boleh mencelah, itu Yang Berhormat menjawab beri tahu saya secara emosi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau saya celah pun tak dapat. Sekarang dia kata, *"Okay, saya akan bagi jawapan secara tulis"*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sini, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila mula.

1.02 ptg.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini Ipoh Barat, dia nak tunggu *boss* dia masuk tu, *boss* dia tak masuk lagi, keluar, itulah melambat-lambatkan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *You* punya boss pun tak mari langsung, *you* tak perlu cerita.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Mana *you* punya boss tak ada, saya nak jawab, dia bantai saya tadi, sedap-sedap. Yang Berhormat ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, yalah saya nak jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sediakan jawapan, jawab 2.30 Yang Berhormat .

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.04 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri ruang kepada saya untuk menjawab segala persoalan yang ditimbulkan oleh 17 orang Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah membangkitkan pelbagai isu dan saya lihat masih ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat ingin bercakap, tetapi oleh kerana kesuntukan masa maka tidak ramai yang boleh bercakap dengan ini saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah pun memberikan ucapan ataupun yang ingin memberikan ucapan. Ini menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat amat peka mengenai masalah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ini.

Tuan Pengerusi, saya akan menjawab persoalan kepada lima isu:-

- (i) mengenai suruhanjaya penambahbaikan polis,
- (ii) isu video klip,
- (iii) perkhidmatan polis;
- (iv) logistik polis; dan
- (v) dadah.

Jadi Ahli Yang Berhormat, kalau belum sampai isu yang saya cakap itu, kena sabarlah supaya tidak berulang-ulang saya menjawab.

Yang pertama, mengenai isu Suruhanjaya Penambahbaikan Polis yang sudah tentu menjadi *favourite topic* kepada Ketua Pembangkang Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini, Tuan Pengerusi, dia dok kata saya semalam, semalam saya ingat saya bagi dia ruang sekurang-kurangnya dua kali, saya ingat dua kali, tidak kurang dua kalilah, saya bagi jalan tetapi hari ini dia kata saya tidak bagi jalan. Apabila saya kata soal letak jawatan, dia tidak bangun pun. Malam tadi agaknya adalah kot kata pergi bagi api dia, dia baru terfikir, "Oh, Timbalan Menteri suruh saya letak jawatan". Dia takut hendak letak jawatan, hari ini naik balik kena bela diri pula. Semalam tidak bangun pun.

Saya cakap begitu sebab dia ini tidak habis-habis, Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini, potong gaji, suruh letak jawatan. Kalau dia dapat satu perempuan yang boleh dia memburukkan imej kerajaan... Jadi Tuan Pengerusi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tengok! Itulah apa yang berlaku semalam.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dengar dahulu, dengar dahulu!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya berdiri semalam, dia tidak mahu bagi, apa guna saya berdiri semalam?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Semalam dekat *midnight* pun masa itu.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya hendak bagi tahu kepada Ketua Pembangkang, saya hanya benarkan Ketua Pembangkang dan saya akan beri jalan kepada beliau sekiranya beliau menarik balik tuduhan yang mengatakan saya tidak bagi jalan kepada beliau semalam. Kalau dia tidak hendak tarik tuduhan itu, saya tidak akan bagi jalan langsung!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidakkah saya beri semalam di mana Yang Berhormat...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak, saya tanya mahu tarik tidak mahu tarik?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidakkah saya berdiri semalam?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okay Tuan Pengerusi, saya tidak bagi jalan!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa ini?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tidak bagi dia jalan!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini tidak bersopan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tidak bagi jalan!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya mahu tanya, bukankah saya ada berdiri semalam, di mana Yang Berhormat tidak mahu bagi jalan? Adakah benar?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tidak bagi jalan!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah benar?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tidak bagi jalan! Saya kata saya semalam ada bagi jalan!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini kontroversi! Bukankah benar semalam saya berdiri, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu bagi jalan? Bukankah itu benar?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tanya Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah itu benar?

Tuan Pengerusi: Baiklah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tanya Yang Berhormat, semalam berapa kali Yang Berhormat bangun?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *You want to argue about it?*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Semalam berapa kali Yang Berhormat bangun?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukankah itu benar? Adakah itu benar?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tanya Yang Berhormat, saya ada bagi jalan ke tidak semalam?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada bagi jalan dua kali, tetapi selepas itu, saya berdiri Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu bagi jalan. Bukankah itu benar?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ada bagi jalan ke tidak, ada bagi jalan ke tidak, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukankah itu benar?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya, Yang Berhormat, saya bagi jalan dengan dia...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu yang masalah. Saya kata mengenai isu itu, apabila saya berdiri minta penjelasan, dia tidak mahu bagi. Saya tidak kata dia langsung tidak mahu bagi kepada saya. Ada dua kali betul tetapi mengenai isu itu...

Tuan Pengerusi: Sudah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... *Royal Commission*, apabila saya berdiri Yang Berhormat tidak mahu bagi. Itulah, *that's the point*.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okay, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat duduk.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini *floor* saya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini *floor* saya. Yang Berhormat cakap tadi saya senyum sahaja, saya dengar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *I'll explain* apa yang saya kata.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Janganlah Yang Berhormat lompat-lompat tidak tentu hala. Yang Berhormat lompat-lompat macam katak, macam Yang Berhormat bagi Jerai kata tadi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta menjawab.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak menjawab Yang Berhormat. Saya hendak bagi tahu Ketua Pembangkang ini...

Tuan Pengerusi: Ya, teruskan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Berubahlah sedikit perangai, jangan buat tuduhan melulu. Soalnya semalam memang saya ada bagi jalan, tetapi oleh kerana kesuntukan

masa semalam hampir dua jam, kalau saya bagi jalan pun benda yang sama dia tanya, soalnya semalam dia terus tuduh saya tidak bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak, saya kata mengenai isu itu, soalan itu, apabila berdiri. Saya akui, ada dua kali jalan. Saya kata masa isu itu.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okay, sudah akui sudahlah, Yang Berhormat bising buat apa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, saya tidak *deny* tetapi mengenai isu yang saya bangkit pagi ini.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Pembangkang, ini kedai kopikah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Isu yang saya bangkitkan, Yang Berhormat tidak mahu bagi jalan, itulah isu.

Tuan Pengerusi: Sudah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Semasa saya cakap, boleh *check Hansard*, tidak bangun pun. Dia minta jalan bagi isu yang lain. Bagi isu letak jawatan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Hansard*, tengok apa itu? Itulah masalah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sudahlah Yang Berhormat, saya memang saya ingat, bila saya cabar letak jawatan, orang tepuk, Yang Berhormat macam cicak makan kapur, terkelp-kelp sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Lepas itu bila orang bercakap...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak jawab soalan, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, terus jawab soalan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini bagi jalan, tidak bagi jalan benda yang samalah. Yang Berhormat buang masa sahaja, Ketua Pembangkang ini! Okay.

Saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat mengenai Suruhanjaya, kita sudah bagi tahu bahawa kerajaan telah pun berusaha membuat beberapa perubahan yang tidak melibatkan penggubalan undang-undang ataupun melibatkan penstrukturan semula PDRM serta penambahan peruntukan kewangan untuk diberikan keutamaan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Diraja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia, dia yang telah mengesyorkan 125 cadangan penambahbaikan untuk dilaksanakan oleh pihak kerajaan berdasarkan kepada kesesuaian selepas kajian yang lebih mendalam dilakukan oleh lima jawatankuasa kecil yang telah ditubuhkan.

Lima jawatankuasa ini ialah:

- (i) Jawatankuasa Premis Bangunan: Jawatankuasa Premis Bangunan ini sudah bermesyuarat tiga kali Yang Berhormat, kita pun telah memperuntukkan ada RM25 bilion secara dasarnya telah pun disetujui mengenai bangunan polis;
- (ii) Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia, sudah enam kali mesyuarat;
- (iii) Jawatankuasa Kecil Undang-undang yang dipengerusikan oleh Peguam Negara, empat kali telah bermesyuarat;
- (iv) Jawatankuasa Etika Kerja dan juga Pemodenan Pengurusan, sudah mesyuarat dua belas kali; laporan untuk pemodenan ini telah pun selesai dan diangkat kepada agensi Pusat

Perbendaharaan dan EPU untuk pertimbangan sebelum di bawa kepada Jawatankuasa Induk dan juga kepada Kabinet; dan

- (v) Jawatankuasa Kecil Logistik dan Kewangan, empat kali mesyuarat, laporan telah pun selesai dan diangkat kepada agensi Pusat Perbendaharaan dan EPU untuk pertimbangan.

Sehingga kini terdapat 73 cadangan, lebih kurang 58.4% yang telah dilaksanakan oleh PDRM dan kebanyakannya ialah di dalam aspek pengurusan PRDM. Di samping itu juga projek-projek pembangunan yang dikenal pasti di bawah konsep *build, lease and transfer* ataupun BLT telah pun mula dipanggil tender bagi pembinaan bangunan-bangunan pejabat dan kediaman PDRM. Di dalam melaksanakan projek ini, kita bahagi dua kategori:

- (i) keutamaan yang pertama di mana bangunan-bangunan yang kita akan buat di atas tanah polis sendiri sebanyak 72 buah projek akan kita laksanakan, menelan belanja dianggarkan lebih kurang RM3.3 bilion; dan
- (ii) keutamaan kedua, ada 105 projek pula, kita akan rancang yang menelan lebih kurang belanja RM1.6 bilion.

Ada isu yang dibangkitkan ialah IPCMC (*Independent Police Complaints and Misconduct Commission*), inilah isu yang selalu dibangkitkan, saya hendak nyatakan bahawa banyak cadangan yang dibuat untuk kita mengadakan satu badan pergerakan bebas. Ini cadangan Suruhanjaya Diraja untuk mewujudkan IPCMC. Sememangnya disertakan dengan draf Rang Undang-undang IPCMC. Walau bagaimanapun, di dalam Jawatankuasa Kecil Undang-undang yang dipengerusikan oleh Peguam Negara, satu kajian lanjut perlu dibuat. Tujuannya untuk memperincikan lagi cadangan tersebut. Ini kerana ia membabitkan implikasi dan juga panel undang-undang yang amat besar. Cadangan Suruhanjaya adalah untuk mewujudkan satu badan bebas, kerajaan perlu melihat sama ada perlu atau tidak badan bebas ini atau ubah suai dengan gunakan badan yang sedia ada. Dengan kajian ini, kerajaan dapat buat satu keputusan yang lebih baik dan lebih tepat.

Mengenai *Penal Lock-up Rules 1953*...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Hendak minta maafkah? Sudah tarik balik ke belum? Kalau tarik balik, saya bagi. Kalau tarik balik tuduhan kata saya tidak bagi jalan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini dia kata saya degil. Dia lagi bapa degil!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa tarik balik? Apa itu? Saya...

Seorang Ahli: Ini bukan kedai kopi Ketua Pembangkang, pakai peraturan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tidak bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dua kali sudah bagi jalan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tidak hendak bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu? Saya sudah kata, dua kali sudah bagi jalan, ... *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sekarang berpusing-pusing cakap. Mula-mula bangun terus kata saya tidak bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*.. penjelasan tadi saya... Saya mahu tahu.... *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak, saya kalau dia tidak minta maaf, tidak minta maaf. Tidak tarik balik tuduhan pada saya, saya tidak bagi jalan! Kalau tidak tarik balik tuduhan pada saya, saya tidak bagi jalan!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat suruh tarik balik.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Faham tidak Bahasa Melayu?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa dia mahu, tidak mahu terpulang sahaja. Saya mahu Tuan Pengerusi untuk mengesahkan, tadi saya *explain* bahawa ada dua kali Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jalan. Apabila saya timbul isu yang saya timbul pagi ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu bagi jalan. Sebab itu saya kata, dalam perkara ini, Yang Berhormat tidak mahu bagi jalan. Saya sudah jelaskan siang-siang, awal-awal sudah jelaskan. Bukankah?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah benar? Mahu bagi tidak mahu bagi, itu hal Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi itulah pendirian. Saya tidak putar belit. Itu tarik balik! Yang Berhormat Timbalan Menteri patut tarik balik oleh kerana saya sudah menjelaskan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak ada tarik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukankah benar?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya bagi tahu Yang Berhormat, bila bangun-bangun saya terus dituduh tidak bagi jalan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan..

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Semalam saya sudah bagi dua jalan..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Betul, tetapi...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sekali jalan, sudah cukup, jangan tuduh melulu!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu hal yang lain.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tidak takut jawab Yang Berhormat ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pada isu yang saya bangkit...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tetapi, hendak tunjuk Yang Berhormat ini kepala degil...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: .. pagi ini apabila saya kemukakan, Yang Berhormat tidak mahu bagi jalan, itu yang perkara. Saya tidak kata bahawa Yang Berhormat langsung tidak mahu bagi jalan...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okay, saya hendak tanya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... kepada saya. Saya tidak kata begitu.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, saya tidak mahu bagi kepada Yang Berhormat. Saya hendak tanya kalau Yang Berhormat hendak, kalau Yang Berhormat hendak....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: ...saya boleh bagi jalan dengan syarat Yang Berhormat tarik balik tuduhan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*... yang akhirnya ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terserah kepada beliau. *You have not changed.* Sungguhpun ditegur oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *you have not changed.* Kalau begitu, *you are a disgrace to the country, you are a disgrace to the Prime Minister, you are a disgrace to the Parliament!* Itu sahaja!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tegur oleh kerana you *are a disgrace*.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak mahu ubah, terus mahu jadi *a disgrace!*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Siapa bagi jalan ni?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukuplah.

Seorang Ahli: Buang masa sahaja...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sudahlah.

Seorang Ahli: Jawablah kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan yang berbelit-belit.

Tuan Pengerusi: Dia tidak mahu beri, *so...*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan yang berbelit-belit.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Timbalan Menteri tidak mahu bagi, *so* duduk.

Seorang Ahli: Kopi O satu, *order* teh tarik..

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Teh tarik satu, kopi O ais. Saya belikanlah...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat duduk...Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila duduk, Yang Berhormat sudah cukup, sudah cukup. *[Dewan riuh lagi]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau Yang Berhormat hendak tanya, tariklah, tidak salah tarik, bukan salah, bukan malu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]* ...semalam ini dia tidak mahu beri jalan, itu betul.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat duduklah, duduk, cukuplah, cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat cukuplah, cukup, cukup.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sudah habis? Sudah habis?

Tuan Pengerusi: Cukup, cukup...Yang Berhormat cukuplah, yang lain diam.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Semalam kita habis pukul 12, hari ini mahu balik pukul 12 malam lagikah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]* Balik, balik semua orang boleh balik.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu, semalam usul potong gaji ini sudah selesai lebih beberapa jam kita bahas, apa yang hendak bahas lagi? Buang masa sahaja, dia cakap yang itu juga.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dia kata saya tidak berubah, saya rasa sejak saya menjadi Ahli Parlimen ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya tengok perangai Ketua Pembangkang langsung tidak ubah, makin teruk lagi, makin tua makin nyanyuk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa ini...[*Menyampuk*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sudahlah, duduklah, duduk, saya bilang duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Menyampuk*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Siapa yang keras kepala?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *You, you are the one who is not disgrace...*[*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat duduk, duduk, cukuplah Yang Berhormat, cukup. Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan jawapan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, saya hendak beritahu sahaja, siapa yang keras kepala ini, degil.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Makin tua, makin merapu tidak tentu hala.

Tuan Pengerusi: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Suruh reform diri, diri sendiri tidak mahu reform. Okey, saya hendak pergi isu yang kedua, isu yang kedua mengenai video klip. Saya hendak mengatakan bahawa isu video klip ini kita serahkan kepada suruhanjaya yang telah dilantik.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Di mana suruhanjaya ini kita telah pun telah sedia maklum bahawa term rujukan kerjanya kita telah baca dalam surat khabar ada empat rujukan yang akan ditentukan. Jadi kerajaan tubuh suruhanjaya ini untuk memastikan bahawa keadilan ditegakkan kalau polis siasat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sekejap, sekejap, saya hendak habiskan.

Tuan Pengerusi: Nanti, bagi beliau habis dahulu.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kalau polis siasat, kalau ada didapati tidak ada yang salah, dia mesti kata polis akan *cover up*, tidak betul, jadi kita serahkan kepada badan bebas, untuk membuat penyiasatan dan kita harap keputusan apa juga yang dibuat oleh badan bebas ini boleh diterima, bahawa ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak bercadang, tidak ada niat untuk *cover* mana-mana dan kita hendak memberikan pendedahan yang betul. Segala apa yang dibangkitkan tentang peraturan-peraturan ini juga sama ada peraturan *lock up*, peraturan *body search* ini juga dalam terma rujukan, ini semua nanti kita boleh jadikan sebagai panduan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini tidak degil punya. [*Dewan menjadi riuh dengan ketawa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Ketawa*] Belum tahu, belum tahu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah Yang Berhormat percaya bahawa dengan terwujudnya suruhanjaya khas yang diminta oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini maka memperlihatkan bahawa bagaimana kerajaan begitu serius menangani isu yang dilemparkan dan ada orang lain yang mengambil kesempatan untuk melihat bahawa isu ini

diperbesar-besarkan sehingga negara kita tercemar dan sehingga polis dianggap semua polis korupsi dan ini telah mencemar nama baik dan imej polis itu sendiri. Sedangkan tidak semua polis yang korup dan memang ada yang bersalah dan memang ada yang korup dan mereka yang terlibat ini perlu diambil tindakan. Jadi apakah Yang Berhormat berharap bahawa dengan terwujudnya suruhanjaya ini maka tidak ada lagi suara-suara sumbang di luar menyatakan tidak kepuasan membuat tuduhan-tuduhan yang tidak munasabah, minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat dari Kinabatangan. Sebab itu di dalam tema rujukan ini yang pertama jawatankuasa pesuruhjaya ini, dia hendak menentukan mengenai *nationality*, perempuan yang di dalam video klip itu. Tadi, tengok Ketua Pembangkang sudah timbul mengapa hendak tugas itu yang kita beri kepada suruhanjaya. Yang keduanya, dia akan menyiasat pengendalian pemeriksaan tubuh atau *body search* kepada wanita seperti yang digambarkan dalam video itu sama ada perkara yang dibuat itu mengikut peraturan ataupun tidak.

Kemudian juga kita akan menyiasat juga prosedur tetap operasi atau kaedah-kaedah atau juga peraturan-peraturan berhubung dengan pengendalian pemeriksaan tubuh berkenaan dengan penangkapan dan penahanan oleh polis dan untuk mengesyorkan apa-apa pindaan atau pun perubahan kepada prosedur tetap operasi, kaedah-kaedah ataupun peraturan-peraturan mengenai pengendalian pemeriksaan tubuh berkenaan dengan sesuatu penangkapan dan juga pendapat penahanan oleh polis. Ini jelas menunjukkan bahawa bidang kuasa ini kita harap nanti akan dapat memberikan satu cadangan yang terbaik bagaimanakah polis kita menjalankan tugas, menahan orang, menangkap dan buat *body search* ini. Ya, sila.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Berkenaan dengan *nationality* perempuan yang dikatakan berbogel itu, bukannya semua suspek atau OKT apabila dibawa masuk ke balai atau di *lock-up* mereka perlu ada isi satu pendaftaran. Sekiranya pegawai polis perempuan itu telah dicam, maka identiti perempuan bogel ini senang sahaja dikesan mengapa perlu ada satu lagi siasatan? Adakah ini cuma hendak melindungi sesuatu dan tidak mahu memberitahu siapa *nationality* perempuan bogel itu.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya tidak boleh komen sebab ini tugas yang telah diberikan oleh jawatankuasa siasatan...jadi terpulang...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tidak boleh kata hendak selindung atau tidak selindung kerana perkara ini akan disiasat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, kita akan siasat.

Tuan Pengerusi: Selepas itu Yang Berhormat juga saya rasa boleh juga memberi pendapat mengenai perkara ini selepas pembentangan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bukan, Tuan Pengerusi. Sebelum penubuhan suruhanjaya ini, perkara itu telah diheboh-hebohkan dua tiga hari, maka senang sahaja didedahkan siapa *nationality* perempuan itu. Tidak payah tunggu sampai satu suruhanjaya untuk mendedahkan atau menyiasat.

Tuan Pengerusi: Ini satu rujukan suruhanjaya itu ya. Ya, sila.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya sudah katakan tadi, apa juga keputusan kalau polis beritahu mungkin publik tidak percaya, terutama pembangkang, dia tidak akan percaya, jadi biar badan bebas ini buat penyiasatan dan beri mereka peluang dan mereka juga membuat secara terbuka ada mahkamah, siapa yang hendak pergi dengar, dengarlah sewaktu *enquiry* dijalankan.

Saya hendak beritahu mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Santubong.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun] [Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Boleh bagi tidak?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sudah tarikkah atau belum?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Belum. Tidak..

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sudah, duduk. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of order!*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey, sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya hendak nyatakan tentang 36(6),

"No member shall imputed improper motives to any other member".

Tadi Yang Berhormat dari Kinabatangan dalam ucapan beliau kata, bahawa ada orang yang kata, semua polis korup, adakah beliau *impute improper motives* bahawa ada Ahli-ahli Parlimen di sini yang ada buat tuduhan bahawa semua pihak polis korup dan ini disiasat dan adalah dirujukkan kepada *Royal Commission*. Oleh kerana itu bukan satu terma siasatan sama ada polis korup atau bukan korup ini bukan dalam *terms of reference* dan apa yang saya mahu tanya, adakah ini Yang Berhormat *impute improper motives* kepada Ahli-ahli Parlimen yang ada buat tuduhan itu, sila.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You* tanya sayakah, tanya ...saya bukan menteri...*[Dewan riuh seketika]* Kalau saya menteri saya boleh gulung. *[Ketawa]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak, salah...Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak Yang Berhormat, Ketua Pembangkang bagilah, itu keputusan Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]**None of your business.* oleh kerana dia tidak mahu, dia tidak mahu...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...hal yang lain, *I have no ...*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat itu merupakan satu komen yang am. Tidak ditujukan kepada sesiapa, ya, baik.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tengok Ketua Pembangkang ini Tuan Pengerusi, kasihan. Lembab, lambat, kalau patut masa cakap terus bangun, ini Bagan patut jadi Ketua Pembangkanglah sebab Bagan lebih cepat bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bagus, kalau macam itu bagi Bukit Mertajam jadi Ketua Pembangkanglah.

Tuan Pengerusi: Ya, sambung, dia ada jawapan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, inilah caranya, kita sepatutnya berilah Tuan Pengerusi buat keputusan, bukan orang yang bertanya, prosedur dalam Dewan pun tidak tahu dan tidak faham macam mana hendak jadi Ketua Pembangkang ini? Dia asyik merapu tidak tentu hala, Yang Berhormat Tuan Pengerusi saya hendak teruskan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Penjelasan? Okey. *[Dewan riuh seketika]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sebelum itu saya kata, bahawa Timbalan Menteri walaupun disuruh oleh Perdana Menteri untuk minta maaf, pun sudah minta maaf, tidak payahlah, suruh orang lain minta maaf. Yang saya hendak tanya di Utusan, Utusan di *front page* yang mengatakan bahawa wanita di dalam video klip itu bukan berbangsa Cina, bukan warganegara China. Jadi saya rasa kalau ini adalah betul, bukankah lebih baik kita menjelaskan perkara ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor supaya menteri kita sekarang di China boleh menjelaskan, mengapa kita tidak mahu menjelaskan. Tadi Timbalan Menteri mengatakan bahawa kluatir rakyat tidak percaya apa yang dikatakan oleh polis dalam perkara ini, saya rasa ini adalah satu *lack of confident* yang sangat serius kerana takut rakyat tidak percaya apa yang dikatakan oleh polis. Oleh sebab itu dia mahu tunggu supaya jawatankuasa khas ini, *independent committee* ini membuat siasatan dan kemudian mungkin dikemukakan oleh *committee* ini supaya rakyat percaya. Adakah ini sebabnya?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini terpulang kepada jawatankuasa, yang telah pun dilantik oleh suruhanjaya siasat dan suruhanjaya enquiry telah pun kita tubuh biarlah mereka siasat, itu mengenai Utusan siar dan ada surat khabar dia pun side, itu hak mereka, kita kena bergantung pada keputusan yang dibuat oleh pihak enquiry ini.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Santubong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan sedikit Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Dia boleh beralihlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini berkenaan dengan sebenarnya Yang Berhormat, yang membesarkan isu-isu video klip ini warga daripada China adalah pembangkang sendiri, mereka yang selalu memperbesar-besarkan dan mencari *cheap publicity*. Jadi hari ini mereka mungkin merasakan, merasakan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan, peraturan, 36(6) - ini sangkaan jahat, ini ada Utusan di *front page*, *you* boleh tengok, kalau sendiri tidak baca surat khabar, selalu hendak buat macam ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, saya kata, saya kata...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini Yang Berhormat Jerai selalu...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Pengerusi, yang memperbesar-besarkan isu ini adalah pembangkang. Kami dari Barisan Nasional tidak membesarkan kerana kami menunggu ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Termasuk, termasuk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...jawapan dan siasatan polis dari suruhanjaya. Kalau kita ikut balik di dalam Parlimen ini pembangkang yang asyik menuduh kata rakyat China, rakyat China sedangkan kita belum tahu dan sahinya lagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat. Baiklah Yang Berhormat, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi apabila sudah macam ini baru mereka kelam kabut hendak pusing balik Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat cukup, cukup dua-dua

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya hendak...

Tuan Pengerusi: Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beredariah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, *last* saya hendak beredar, *last* isu Santubong, isu Santubong...

Tuan Pengerusi: Isu Santubong, ya sila.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Santubong tadi bangkit mengenai cara video klip ini yang dibangkitkan oleh...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan Mesyuarat Tuan Pengerusi, 36 (6) Yang Berhormat Jerai inilah sangkaan jahat. Saya minta satu *ruling* daripada Tuan Pengerusi agar dia tarik balik, oleh kerana kita tidak membesar-besarkan, kita ada *control* surat khabar, kita ada *control* radio, televisyen. Adakah menteri-menteri pun ada integriti dan prinsip yang menyuarakan isu ini adakah mereka pun pengkhianat negara. Saya rasa ini sangat tidak bertanggungjawab dan melanggar peraturan mesyuarat dan saya minta bahawa dia tarik balik kenyataan itu. Kita tidak membenarkan perkara ini, diputarbelitkan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] : Sendiri tidak mahu tarik, minta orang tarikakah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri dia takut, dia cari satu alasan takut saya minta penjelasan dia tidak boleh jawab sebab itu dia buat syarat yang tidak munasabah, tidak apa, dia sudah takut, dia pengecut tidak apa tetapi Yang Berhormat dari Jerai dia sudah melanggar Peraturan Mesyuarat dia patut tarik balik atau satu *ruling* dibuat oleh Tuan Pengerusi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang saya tahu, ini Timbalan Menteri ini...

Tuan Pengerusi: Timbalan Menteri teruskan, yang lain tolong, saya minta diam.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat biar saya jawab. Yang Berhormat hendak tuduh saya, tuduhlah tetapi saya kenal Yang Berhormat. Waktu saya *backbenchers* pun saya tidak takut kepada Yang Berhormat, semasa saya jadi Timbalan Menteri hendak takut apa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sekarang takut, oleh kerana isu ini[Menyampuk]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey, Tuan Pengerusi, saya hendak bangkit, mengenai Santubong...

Tuan Pengerusi: Terus Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat Santubong telah bangkitkan tadi bagaimana cara video klip ini menjadikan isu dan diperbesarkan oleh pihak pembangkang. Saya hendak beritahu mengenai isu video klip ini. Sebenarnya Tuan Pengerusi, pada 21 November, Ketua Polis Selangor, Datuk Yahyaudin, beliau sendiri telah pun menerima satu panggilan daripada Cik Jayavarathi, Naib Pengerusi Yayasan Membasmi Dadah di Negeri Selangor. Dia terima panggilan itu pada 21 hari bulan dan Cik Jayarathi ini dia beritahu bahawa Datuk Micheal Chong, Pengerusi Biro Pengaduan Awam MCA telah ada di dalam *handphone*, gambar yang menunjukkan perempuan didera di dalam *lock-up* iaitu sama seperti klip video itu. Pada masa yang sama...

Tuan Pengerusi: Berapa hari bulan itu, berapa hari bulan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: 21 November. Pada masa itu, 22 November, Ketua Polis Selangor ini bercuti. Saya nak beritahu bagaimana polis ini bekerja. 22 November, Ketua Polis Selangor itu sedang bercuti tetapi waktu pagilah dia bercuti, Tuan Pengerusi. Dia sebagai Ketua Polis Negeri sanggup pergi ke Pejabat Datuk Michael Chong ini, bukan Datuk Michael Chong pergi ke IPK, dia cuti dia pergi ke pejabat Datuk Michael Chong di Wisma MCA, pergi nak tengok sendiri betul. Bila dah tengok betul, dia *download* masuk dalam *handphone* dia, pagi habis dapat dalam *handphone* dia, dia terus pergi jumpa AGP.

Bila jumpa Ketua Polis Negara, di rumah pula itu, jumpa Ketua Polis Negara di rumah bukan jumpa di pejabat, sanggup pergi ke rumah Ketua Polis Negara. Ketua Polis Negara memberi tempoh kepada dia dua hari, arahan kepada Ketua Polis Selangor selesaikan kes ini dalam masa dua hari minta disiasat. Habis balik daripada rumah Ketua Polis Negara, pada malam itu juga walaupun dia cuti satu hari, malam itu Ketua Polis Selangor panggil satu mesyuarat, panggil SUPD, panggil pegawai penyiasat mengadakan mesyuarat di IPD, Petaling Jaya.

Kemudian pada 23 hari bulan, waktu itu Ketua Polis Negara sedang di Melaka menghadiri Persidangan Majlis Raja-Raja, pun Ketua Polis Selangor telefon beritahu apa hasil-hasil daripada penyiasatan mesyuarat yang dibuat sampai tengah malam dengan IPD, Petaling Jaya. Tiba-tiba Tuan Pengerusi, belum sempat polis ambil tindakan, pada 25 hari bulan, isu ini meletup, DAP jadi hero membesar-besarkan perkara ini sehingga hari ini terpaksa menubuhkan satu jawatankuasa. Saya nak beritahu inilah beza dia. Beza bagaimana orang yang prokerajaan ataupun orang yang nak jaga nama baik negara, MCA Barisan Nasional, Polis kita...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Nanti saya nak habiskan. Ini macam Jayavarathi, Naib Pengerusi Yayasan Pencegah Jenayah Selangor. Kita cuba membuat penyata dengan cara baik, tak perlu nak diheboh-hebohkan sebab ini kita dah nampak kesan negatifnya. Seperti hari ini tengok kesannya, sampai satu dunia tahu, seolah-olah macam negara kita ini jadi Abu Ghraib, pesalah dan sebagainya. Jadi, kita tengok, kalau betul niat kita baik, kita buat macam mana MCA buat, bukan macam DAP buat. Jadi, sebab itu tadi Yang Berhormat bagi Jerai kata semua ini, yang Ahli-ahli Yang Berhormat ini menyuarakan pendapat dan sebagainya memberi gambaran yang buruk. Bukan sahaja imej kita buruk, polis kita buruk tetapi kalau cara kita nak menjaga imej kita, kita mesti buat cara yang terbaik, dengan penyiasatan dengan betul. Tetapi ini, sebelum polis bertindak, dah jadi isu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan, Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya pernah mengatakan memang ada polis terlibat yang jahat yang salah tetapi majoriti anggota penguat kuasa keselamatan kita ini menjalankan kewajipan baik tetapi langsung tidak menerima pujian daripada pembangkang dan percayakah Yang Berhormat bahawa pembangkang, DAP memang ada agenda untuk menghancurkan ekonomi negara kita. Ini sebab kalau dia tidak ada agenda, saya pernah berkata kelmarin, Tuan Pengerusi, bahawa kalau kes seumpama ini *unidentified person* dibawa ke Parlimen, kalau ini berlaku kepada kita di negara luar, apakah perkara yang sama akan dibangkit di Parlimen? Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, ini lagi melanggar Peraturan Mesyuarat 36(6). *[Bercakap tanpa pembesar suara]* ...bahawa kita ada, bahawa kita di pihak sini ada agenda untuk merosakkan ekonomi. Tidak betul tuduhan ...*[Bercakap tanpa pembesar suara]* ...Peraturan Mesyuarat. Kita boleh mempertikaikan apa cara yang lebih baik, cara Michael Chong, cara MCA, sembunyi-sembunyikan atau cara yang ada dilakukan di Parlimen oleh kerana kita pun menganggap latar belakang ini, sama ada ini satu *isolated* kes atau kita perlu ambil tindakan supaya kes semacam itu dan kes-kes yang lain, ada satu *pattern* perlu dibasmikan, itu lebih mustahak. Apa guna kalau - betul saya memuji Ketua Polis Selangor ambil tindakan tetapi perkara bukan sahaja kes *isolated* itu tetapi kes-kes yang lain...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini sudah tarik ataupun apa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kes-kes yang lain yang perlu sedikit maklumat itu dibenarkan dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan melanggar 36(6) apabila beliau buat sangkaan jahat bahawa kita mahu merosak, ada agenda yang lain...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Not, its not your turn yet. You sit down, you sit down. I'm still on* Peraturan Mesyuarat. *You sit down, you sit down* - bahawa ada agenda yang lain untuk merosakkan ekonomi dan kita haraplah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apabila heboh-heboh satu negara, nama kita buruk, tentu ekonomi yang jatuh...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak apa, kalau *you want to play to sing, you must play this game, okay!* Dia tak mahu. Yang Berhormat Timbalan Menteri tak mahu *reasonable*, dia tak mahu bagi jalan. Dia mahu *play this game, we can play this game*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Janganlah gopoh-gopoh, tariklah sikat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey! Semua ikut Peraturan Mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor selalu menghina UMNO, menghina Barisan Nasional.

Seorang Ahli: Kena ikut Peraturan Mesyuarat juga.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor] : Itu Jerai, itu Jerai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ambil kesempatan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tetapi kita kalau...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sama-sama berdiri atas Peraturan Mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Selalu menghina BN, Tuan Pengerusi. Selalu mengecil-ngecilkan BN.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tetapi kita kalau...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Memburuk-burukkan nama negara, apabila rupa buruk, ekonomi akan jatuh dan ini memang agenda DAP...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Don't go below the belt.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, baik tolak ansurlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor] : Tolak ansur, jangan *go below the belt. You can go below the belt, we can stand our right in the House.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:ini perempuan telanjang, apa besarkah? Perempuan telanjang...

[Dewan gamat]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Lagi besar sekali.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat, duduk.

Seorang Ahli: Tidak apa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia punya barislah tengok perempuan telanjang sudah berpuluh-puluh orang lagi telanjang. Apa hendak beza?

Tuan Pengerusi: Sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Selalu dia menghina BN, mengecil-ngecilkan BN, itu bukan sangkaan jahat bila kami tegur sedikit, sudah mengamuk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang itu lagi teruk.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita buat perbincangan bermesyuarat dalam Dewan yang mulia ini ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan, Tuan Pengerusi, dia...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, Tuan Pengerusi. DAP tuduh Barisan Nasional macam-macam, Tuan Pengerusi. Kita sebut benda yang betul, dia kata kita sangkaan jahat. Dia hendak gunakan siapa?

Tuan Pengerusi: ... untuk menimbulkan hasil yang baik bagi kepentingan orang ramai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya akur Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, ini terpulang kepada rakyat. Saya ceritakan sejarah kronologi bagaimana *approach* yang dibuat oleh MCA, oleh Persatuan Yayasan Pencegah Jenayah dan *approach* yang dibuat oleh DAP. Terpulang kepada rakyat untuk membuat penilaian dan saya ucapkan terima kasihlah kepada Ketua Pembangkang kerana memberi pujian kepada Ketua Polis Selangor dan mesti juga...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia pun tak ikhlaslah, apa pula terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat, boleh? Minta penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya itulah kadang-kadang pembangkang ini pening kepala saya, Tuan Pengerusi. Dia kata terima kasih Ketua Polis tetapi semalam dia buat usul potong gaji.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia tak ikhlaslah, dia politik sahajalah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dia bercakap belit-belit yang jadi kelam-kabut ini, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Baik, terus Yang Berhormat, teruskan

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh minta penjelasan lagi, Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey.

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Nantilah saya minta penjelasan dulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan Mesyuarat 36(4) "*It shall be out of order for of order for Members of the House to use offensive language*". Apa itu belit-belit? Apa polis buat baik kita puji, apa yang salah kita rela tegur bukan macam ada orang Ahli Parlimen semua pun baik. *[Disampuk]* Semua pun baik. Itu 36(4) kita baca Peraturan Mesyuarat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Berdiri tanda protes kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor]*

Tuan Pengerusi: Teruskanlah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingat Ipoh Timor tariklah baru bercakaplah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Apa salah tarik, bukan malu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Timor tarik, nanti dapat laluan, apa lagi, kita pun suka *you* ada dapat laluan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Masih berdiri tanda protes kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tak payahlah, tak payahlah. Saya ada Peraturan Mesyuarat cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *You* lalu ikut Peraturan Mesyuarat, tidak ada syoklah. *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Semalam Yang Berhormat ada menyebut tentang angka-angka tangkapan warganegara asing yang melakukan kesalahan dalam negara kita termasuk 37 dari Indonesia. Boleh Yang Berhormat huraikan, adakah termasuk orang-orang Melayu dari Indonesia ini, itu satu. Kedua, apabila rakyat kita ...

Seorang Ahli: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...ditahan di lobi hotel sebuah negara jiran, di lobi hotel...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Di Indonesialah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Hah, di Indonesia, tetapi pembangkang adakah bangkit perkara ini?

Seorang Ahli: Tidak ada.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak ada. Yang dia bising dalam negara ini sahaja, mesti ada sebab Yang Berhormat. Sila beri jawapan, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau dapat singkatkan perbincangan ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bagi saya jawab dulu.

Seorang Ahli: Bukan, menteri mahu jawab.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *You* bukan menteri, duduklah.

[Dewan gamat]

Seorang Ahli: Nyanyuk, nyanyuk.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Larut, sila duduk.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, tak apalah saya ingat saya teruslah, sebelum Ketua Pembangkang ini terus jadi Timbalan Menteri dekat sini. Okey, saya pindah kepada tajuk lain. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Terus, terus tajuk lain.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Jawapan kepada soalan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terus tajuk lainlah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, saya nak nyatakan yang Yang Berhormat bangkitkan tadi bahawa semalam itu yang saya sebut sampai 1 Mac tetapi ada yang *latest* daripada saya, daripada 1 Disember sampai 5 Disember iaitu tangkapan semasa Ops Mamba, ianya khas yang telah diumumkan. Daripada tangkapan yang dibuat, jumlah dari warganegara China hanya ada 16 orang, Indonesia 98 orang, Thailand 6 orang, Filipina 26 orang, lain-lain warganegara ada 48 orang. Jadi, ini menunjukkan bahawa kita buat operasi, kita buat tindakan ini bukan pilih warganegara China, semua kita akan ambil tindakan.

Tuan Pengerusi, saya pindah kepada tajuk yang seterusnya iaitu Perkhidmatan Polis. Perkhidmatan Polis, Yang Berhormat bagi Bentong ada membangkitkan mengenai

nobody above the law, saya setuju. Polis juga not *above the law*, dan kita tidak istimewa *but everybody according to the law*, sama. Walau bagaimanapun, mengenai rasuah Yang Berhormat bangkit, memang tidak dinafikan bahawa ada yang terlibat. Daripada perangkaan polis, ini yang ditangkap oleh BPR, belum lagi ada perangkaan yang kita sendiri siasat daripada Bukit Aman, Bahagian Tata tertib, ini yang ditangkap oleh BPR.

Pada tahun 2003, ada 86 orang yang ditangkap, peratusnya 0.10%; tahun 2004, ada 80 orang yang ditangkap. Turunlah sikit enam orang. Peratusnya 0.09% daripada seluruh anggota PDRM. Tahun 2005 sehingga November, turun lagi angka ini kepada 55 orang, kalau ikut peratus, 0.06% daripada seluruh anggota PDRM. Sebab itu, kita kata ada perkara anggota polis yang terlibat dalam kejadian-kejadian yang tidak diinginkan.

Kemudian, saya telah nyatakan semalam seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya sudah nyatakan semalam bahawa memang ada pegawai-pegawai polis yang diambil tindakan tata tertib, setiap tahun kita ada ambil tindakan tata tertib. Mana ada organisasi yang tidak ada tindakan tata tertib diambil? Jadi, saya hanya nak nyatakan adalah tidak adil kalau tak sampai satu peratus ini nak diperbesar-besarkan, sampai pandang negatif, seolah-olah hilang kredibiliti polis.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini yang kita percakapkan, jangan sampai hilang kredibiliti polis ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Pertama, saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak polis sebab telah memulakan langkah iaitu menggunakanencana di baju anggota-anggota polis dengan tulisan "*Kami Anti Rasuah*". Jadi, langkah ini rasa saya merupakan langkah bijak ke arah memperbetulkan pengurusan polis itu sendiri. Apakah kementerian ini juga melihat cadangan-cadangan daripada Suruhanjaya Diraja yang ditubuhkan dahulu, iaitu mengimplementasikan langkah-langkah yang lebih berkesan ke arah untuk mengelakkan lebih ramai anggota polis terlibat dalam jenayah seperti rasuah, peras ugut, memerangkap apa yang dituduh dan sebagainya.

Mungkin langkah-langkah ini akan boleh mencegah mereka daripada melakukan kejahatan-kejahatan ini sebab mereka ini adalah anggota yang diberi amanah oleh negara dan rakyat untuk menjaga keselamatan. Kalau rakyat telah hilang kepercayaan kepada PDRM, ini mungkin satu masalah. Jadi, kalau ini berlaku mungkin sama siapa lagi negara dan rakyat bersandar, kalau bukan kepada polis. Mungkin kita akan mendengar dendangan lagu Jamal Abdillah iaitu "*Sandarkan Pada Kenangan*" itu sahaja. Minta penjelasan. [Disampuk]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, kita memberi jaminan bahawa pihak PDRM tidak akan bertolak ansur. Kita tidak akan bertolak ansur dan kita akan bertindak tegas kepada mana-mana anggota PDRM yang terlibat di dalam penyalahgunaan kuasa, yang terlibat di dalam rasuah dan sebab itulah di dalam kempen polis, kita menyeru bukan sahaja polis jangan ambil rasuah, orang ramai juga jangan memberi rasuah. Ini kerjasama yang kita minta dan kita mengalu-alukan bahawa kalau ada laporan-laporan salah laku, di Bukit Aman ada 24 jam. Kita ada buka *line*, boleh buat datang mengadu. Kemudian kita telah arah pula semua pegawai-pegawai polis setiap hari Khamis mesti berada di pejabat dalam waktu tertentu yang mesti menerima segala masalah-masalah daripada orang ramai. Jadi, memang hasrat kita dan tujuan kita untuk meninggikan dan meningkatkan profesional polis itu sendiri.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Minta maaf, Tuan Pengerusi. Dengan izin.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Pengerusi, saya pertamanya ...

Tuan Pengerusi: Kalau dapat kurangkan sikitlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya. Daripada peratus yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa perkara-perkara macam ini kadang-kadang kita sendiri mencemarkan pasukan polis '*Diraja*'. Kita kena ingat pasukan polis '*Diraja*', bukan pasukan polis sahaja. Kalau kita lihat bandingkan dengan pasukan polis lain, di Amerika Syarikat macam mana dihentaknya puak-puak kulit hitam Negro itu. Di Itali, di Rom sampai huru-hara sebuah negara disebabkan oleh angkara polis. Kita tengok di negara-negara, di *England* sendiri dibunuh orang yang disangka sahaja tetapi orang itu *innocent*, yang tidak langsung terlibat dalam jenayah.

Di sini kita dapat membezakan pasukan polis kita dengan pasukan polis negara-negara yang lebih maju, bertamadun daripada kita, menunjukkan kita baik. Kalaupun ada kumpulan dalam Dewan ini sentiasa mengatakan bahawa polis rasuah, polis rasuah. Rasuah ini berlaku di mana-mana sahaja, macam Yang Berhormat kata tadi. Jadi dengan tersendirinya kita mengecil-ngecilkan negara kita, menghina pasukan polis kita. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa orang-orang ini juga bertanggungjawab, jangan selalu menghina-hina polis ini kerana kita meludah ke langit, akhirnya jatuh atas batang hidung kita, kena faham.

Tuan Pengerusi: Baik, baik. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat setujukah tidak?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya setuju apa Yang Berhormat cadangkan tadi. Mengenai Yang Berhormat bagi Batu Kawan yang dibangkitkan, saya ucapkan terima kasih atas kes yang dibangkitkan. Ini menunjukkan bahawa di dalam menjalankan *prior system*, undang-undang yang ada *preemptive law*, ada *check and balance*. Walaupun polis, kuasa ada 60 hari tahan di bawah *preemptive law*, tetapi ianya akan pergi kepada menteri dan selalu menteri akan membuat pertimbangan sama ada tangkapan dan juga tahanan itu berasas ataupun tidak. Kalau didapati tidak berasas, maka mereka yang ditahan ini akan dibebaskan.

Mengenai Yang Berhormat bagi Kepong membangkitkan, mengenai kekurangan anggota, saya hendak nyatakan bahawa pada keseluruhannya, kesimpulan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, jumlah yang bersara kalau kita bandingkan dengan jumlah anggota polis yang kita latih ataupun yang kita ambil bagi tiga tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut. Yang bersara pegawai ada 526 orang, anggota ada 4,373 orang. Ini bermakna yang bersara seramai 4,899 orang tetapi pengambilan yang kita ambil ialah pegawai seramai 1,690 orang, anggota 12,378 orang. Ini bermakna *intake* yang kita ambil dalam tiga tahun ada 14,038 orang. Ini bermakna jumlah yang dilatih ataupun yang kita ambil adalah melebihi daripada mereka yang bersara.

Tuan Pengerusi, saya pergi ke logistik polis yang banyak dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Misalnya yang pertama Yang Berhormat bagi Kepong. Kepong ini sahaja. Kepong ini pun dia nyanyuk. Dia kata, dia bangkitkan dengan saya lima tahun lepas, saya bagi maklumat dengan dia. Lima tahun saya masih *backbenchers* lagi, Tuan Pengerusi. Tidak sampai lima tahun jadi Timbalan Menteri, macam mana Kepong kata sudah lima tahun? Ini pun hendak ikut Ketua Pembangkang, tapi nyanyuk lebih kurang juga.

Tuan Pengerusi, yang dibangkitkan ialah Balai Polis Sentul, Balai Polis Jinjang dan juga Balai Polis Dang Wangi. Bagi Dang Wangi, cadangannya telah dikemukakan kepada EPU untuk mendapatkan kelulusan. Bagi Balai Polis Jinjang, kementerian akan mengemukakan semula kelulusan kepada EPU untuk mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Piawaian dan juga kos dia. Bagi Balai Polis Sentul, kementerian telah memohon untuk membina IPD Sentul dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya, Pensiangan bangun.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai dengan 12 projek balai polis yang terbengkalai di seluruh negara iaitu yang menelan belanja lebih kurang RM500 juta atau setengah bilion. Saya ingin penjelasan daripada Timbalan Menteri, bahawa adakah pengurusan dan pentadbiran bila melantik kontraktor-kontraktor ini tidak mengikut piawaian-piawaian yang telah disediakan?

Saya melihat kontraktor-kontraktor yang telah dilantik ini telah menjejaskan dari segi prestasi pembangunan balai-balai polis ini sehinggakan pegawai-pegawai polis yang menunggu untuk ditempatkan di tempat-tempat tersebut tetapi ini tidak dapat ditempatkan Mereka terpaksa menyewa rumah-rumah di kawasan-kawasan persekitaran polis tadi. Saya melihat mungkin ada unsur-unsur yang tidak begitu sihat di antara pengurusan dan pentadbiran bahagian polis ini di mana pelantikan kontraktor-kontraktor telah terjejas.

Umpamanya, kita lihat di Sabah, di Kinarut itu satu projek yang telah terbengkalai sehingga kini dan saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri, sama ada apakah kaedah-kaedah yang telah diperuntukkan untuk dapat dibangunkan lagi balai-balai polis dan juga pondok-pondok ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang akui, kita sedar bahawa ada beberapa projek di bawah PDRM ini yang telah pun terbengkalai. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga sebagai Menteri Keselamatan Dalam Negeri telah membuat kenyataan supaya mengambil tindakan kepada kontraktor-kontraktornya. Daripada banyak projek-projek yang terbengkalai ini, kalau kita lihat bukannya dari 'nego' kebanyakannya ialah tender terbuka. Jadi bermakna masa kita bagi tender, kita bagi kontrak itu, memang dia kata layak di sana buat tetapi bila sampai masa dia hendak buat, maka di luar jangkaan kementerian. Kita terpaksa pula membuat beberapa tindakan susulan dan memang merugikan pihak polis kalau berlakunya projek-projek terbengkalai ini.

Jadi mengenai yang Kinarut itu, saya sendiri telah pun melihat dan juga berjumpa dengan kontraktor dia. Nampaknya masih belum ada jalan penyelesaian dan kita sekarang sedang berusaha untuk kita menamatkan dengan kontraktor asal dia.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Pendang membangkitkan isu iaitu memohon kemudahan pegawai dan juga anggota polis yang tidak mencukupi. Kementerian sememangnya sedar akan perkara ini. Justeru itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga dalam projek di bawah BLT, kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang besar untuk tujuan tersebut, untuk kita membuat program-program yang telah pun dirancang. Perkara ini telah saya nyatakan sebentar tadi. Keadaan balai polis di Jenun dan jalan masuk ke lapang sasar di Jenun yang rosak, balai polis Jenun pada ketika ini telah tidak beroperasi dan buat masa sekarang beroperasi di rumah OCS, di mana untuk membina pondok polis baru di kawasan Jenun, telah dibuat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita sedar jalan rosak untuk masuk ke lapangan sasar ini dan sentiasa diperbaiki daripada semasa ke semasa.

Yang Berhormat bagi Petrajaya mengenai pembinaan balai polis di Muara Tebas dan juga Telaga Air di Petrajaya. Kerajaan sememangnya tidak bercadang untuk membina sebuah balai polis bertaraf IPD di kawasan Petrajaya. Walau bagaimanapun, setelah kajian dibuat, kementerian ini bersetuju untuk membina sebuah balai polis kelas A yang diketuai oleh seorang *Chief Inspektor*. Cadangan tersebut telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan ketika ini sedang menunggu kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi.

Bagi cadangan sebelumnya pula, untuk membina dua buah balai polis baru iaitu di Muara Tebas dan Telaga Air, kerajaan telah hanya bersetuju untuk membina sebuah penggalan marin di Muara Tebas. Sementara itu balai polis Santubong akan dikekalkan di tapak yang asal disebabkan oleh ketiadaan tapak di Bandar Baru Semarang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Ya, Tuan Pengerusi, saya kerana tidak sempat bercakap tadi, Tuan Pengerusi. Saya hendak tahu juga, Tuan Pengerusi, fasal balai polis saya itu. Bukan balai polis sayalah, balai polis di Parlimen Jerai

iaitu di Yan dan juga hendak menolong rakyat Pendang kerana projek ini sudah cukup lama terbengkalai dan Yang Berhormat telah menjawab tetapi saya hendak tahu juga status kerana saya difahamkan oleh akhbar, bahawa pasukan polis akan buat siasatan di atas kelewatan ataupun di atas tidak jadinya balai polis itu, tidak ada balai polis.

Lagi satu dari segi logistik, saya minta kerana Gurun telah diisytiharkan sebagai kawasan industri, industri motor tetapi balai polis gurun hari ini tidak cukup pegawai dan pegawai yang ada lebih kurang tidak sampai 10 itu terpaksa *cover* kawasan yang luas sampai ke Jeniang. Kadang-kadang apabila berlaku sesuatu kemalangan dan sebagainya Tuan Pengerusi, memang sukar dan lambat. Saya mintalah Yang Berhormat tolonglah balai polis Yan itu, sudah lama sangat dah. Saya pun sudah hendak pencen, dok tidak siap lagi.

Tuan Pengerusi: Ya, baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti mana yang saya nyatakan tadi, dalam melaksanakan projek ini ada dua kaedah. Ada yang kita buat tender terbuka, ada yang kita buat secara penswastaan. Projek Yang Berhormat di Yan ini memang projek penswastaan. Walau bagaimanapun, saya hendak bagi maklumat kepada Yang Berhormat, kementerian telah pun mengeluarkan notis kemungkinan pada 4 Ogos 2005 dan pihak kontraktor diberi masa enam bulan untuk menyambung semula kerja sebelum surat penamatan dikeluarkan.

Dalam perjanjian, kita kena bagi notis enam bulan. Kalau dalam tempoh enam bulan, dia tidak buat apa-apa, baru kita boleh tamat dan dalam projek Balai Polis Yan ini, kita akan berikan keutamaan dan kita akan masukkan dalam *mid-term review* untuk dipastikan kerana ia terbengkalai kerana syarikat yang buat penswastaan itu, nampaknya dia tidak mahu meneruskan projek yang sedia ada, di Yan dan juga balai polis di Pendang.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Saratok membangkitkan mengenai pembinaan Balai Polis Kabong. Pada ketika ini kementerian sedang menyediakan dokumen tender untuk Balai Polis Kabong dan ia akan di tender sedikit masa lagi. Masyarakat ditingkatkan *upgrade* pondok kepada balai. Cadangan untuk meningkatkan pondok polis kepada balai polis adalah berdasarkan kepada keperluan semasa dan juga peruntukan yang sedia ada.

Yang Berhormat bagi Larut membangkitkan pembinaan balai polis di Kubu Gajah, Pantai Besar dan juga surau di balai polis lama. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tidak berada di dalam perancangan kementerian pada ketika ini. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dikemukakan kepada kementerian untuk Kajian Separuh Penggal...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, bukan balai polis Yang Berhormat, pondok polis.

Seorang Ahli: Pondok polis, ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kecil daripada balai polis.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, buat masa ini tidak ada dalam kita punya senarai tetapi setelah Yang Berhormat bangkitkan ini, kita harap pihak kementerian akan berikan keutamaan dalam perkara...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Fasal surau itu penting Yang Berhormat, anggota polis sembahyang dalam stor Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Surau ini kita akan ambil perhatian.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peruntukan Yang Berhormat pun boleh juga kalau hendak bagi. Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Maran mencadangkan supaya disegerakan pembinaan balai polis di Chenor, seberang Maran. Buat masa ini, cadangan tersebut tiada dalam perancangan kementerian.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sekejap saya hendak habiskan Maran dulu. Mengenai IPD Maran, saya hendak nyatakan, bahawa mesyuarat Kemajuan Kerja adalah 78.6% berbanding jadual 100%. Ertinya dia lewat jadual 21.9% disebabkan masalah kewangan pemaju. Pemaju telah menarik diri daripada melaksanakan projek ini. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Perumahan PDRM yang telah bersidang pada 21 September 2005 membuat keputusan agar kontrak perjanjian jual beli di antara kerajaan dengan pemaju ditamatkan. Berdasarkan undang-undang KKDN dalam tindakan menyemak draf pendapatan perjanjian jual beli, sebelum dimajukan kepada KPDD untuk tindakan penamatan. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Saya ingin penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai dengan keluasan untuk satu-satu balai polis. Umpamanya macam di Keningau, saya nampak balai polis ini terlalu kecil, sebab kenapa sempit, disebabkan terlalu banyak kereta-kereta yang telah ditangkap dan kereta-kereta insiden yang telah memenuhi kawasan tersebut sehinggakan keselesaan kakitangan polis itu telah terhad daripada segi pergerakan mereka. Satu lagi yang saya lihat bahawa kita telah mencadangkan satu tanah di kawasan di Suk di bahagian Pensiangan lebih kurang tujuh ekar untuk kegunaan polis. Sama ada tanah keluasan seumpama ini mencukupi atau tidak untuk meletakkan satu-satu balai polis ini? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pensiangan. Saya tidak boleh hendak bagi jawapan yang tepat kerana untuk beberapa keluasan balai polis, berapa IPD tetapi saya percaya di pihak kementerian, kita ada standard kita. Kalau IPD berapa luas kita mesti ada. Kalau balai, berapa luas. Kalau pondok berapa luas. Jadi ini saya tidak dapat memberi jawapan kerana dia hanya bergantung kepada tapak yang sedia ada. Contoh Yang Berhormat nyatakan tadi mungkin itu sahaja tapak yang kita ada tetapi secara logiknya kalau tujuh ekar Yang Berhormat nyatakan tadi, bagi saya secara logiknya kita boleh buat sebuah balai polis untuk satu jangka ini.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Cadangan kita Yang Berhormat Timbalan Menteri, supaya balai polis ataupun anggota-anggota polis ini kita dapat sediakan rumah-rumah ataupun flat-flat untuk kegunaan mereka di masa akan datang. Saya sebagai Pengerusi di Suk tersebut telah mencadangkan supaya polis ini diberi satu kawasan tanah yang luas untuk digunakan pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat kita akan tetapkan untuk tindakan di masa hadapan. Yang Berhormat bagi Parit membangkitkan mengenai perumahan PDRM di Bandar Baru Seri Iskandar yang terbengkalai.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bahawa Mesyuarat Lembaga Pemulihan Tender KKDN bagi pelantikan perunding diadakan pada 12 Februari 2004 dan penyerahan tapak kepada perunding telah pun dibuat pada 26 Mac 2004. Pihak IKRAM telah diarahkan membuat siasatan dan membuat ujian-ujian dan memastikan kawasan struktur bangunan dan tahap kerosakan yang berlaku dan penyerahan kepada perunding awam dan struktur. Perunding sedang dalam tindakan penyediaan dokumen tender dan projek dijangka di tender pada Januari 2006 dan buat setakat ini, Kementerian Kewangan telah bersetuju agar projek ini dipelawa secara terhad kepada enam buah syarikat.

Yang Berhormat Serdang, telah membangkitkan IPD Subang Jaya, dan dibangkitkan oleh Puchong juga mengenai IPD Subang Jaya tadi. Saya ingin nyatakan bahawa IPD Subang Jaya akan dilaksanakan di bawah konsep BLT dan Syarikat BLT Sendirian Berhad akan membina dan juga akan membuat segala *spec* mengenai IPD Subang Jaya. Cadangan balai polis di kawasan Balakong tidak berada di dalam

perancangan kementerian pada ketika ini, disebabkan telah pun ada Balai Polis Seri Kembangan yang boleh meliputi kawasan Balakong.

Berhubung dengan masalah jalan yang melibatkan Balai Polis Seri Kembangan, perkara ini telah pun diselesaikan dengan pihak JKR.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkaitan dengan cadangan pembinaan balai polis di Balakong, sebab ini kawasannya di bawah daerah Hulu Langat, Seri Kembangan di bawah Subang Jaya. Jadi tidak ada pentadbiran nanti, ada berbeza. Jadi jika boleh minta polis dari Seri Kembangan datang ke Balakong, memang susah, jadi ini satu masalah yang sedang dihadapi kerana Balakong bukan sahaja tempat kecil di mana terdapat 40 taman perumahan dan juga 10 kawasan industri. Jadi terpaksa, sekarang ini orang yang membuat laporan polis pergi ke Kajang, 15 km ataupun di Batu 9, memang jauh sangat itu. Jadi terpaksa kita minta itu, kalau boleh timbangkan dalam masa akan datang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Serdang, saya akan bincang dengan pihak polis kerana kemungkinan apabila ada perpecahan pentadbiran polis Petaling Jaya kita bahagi dua, satu Subang Jaya, satu Petaling, jadi mungkin ada terlepas pandang menggunakan balai dan kita akan ambil perhatian dengan pihak polis, saya akan membuat kajian mengenai cadangan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Isu yang seterusnya Tuan Pengerusi ialah mengenai isu dadah di mana dalam perkara ini seperti biasa ianya telah pun dibangkitkan oleh Sabak Bernam dan daripada cadangan-cadangan yang dibuat, semuanya... cadangan yang dinyatakan oleh Sabak Bernam memang bernas, namun demikian kita bagi pihak kerajaan telah pun berusaha untuk mengambil beberapa tindakan yang merupakan agensi di mana kita telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet di peringkat Kabinet. Kemudian kita tubuh pula Majlis Tindakan Membasmi Dadah Peringkat Kebangsaan (MTMD) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kemudian di peringkat negeri ini pula ditubuhkan pula MTMD di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Menteri-menteri Besar, di peringkat daerah ditubuhkan pula MTMD di peringkat daerah yang dipengerusikan oleh pegawai-pegawai daerah dan juga pemimpin-pemimpin di dalam daerah tersebut.

Dan kita juga sedia maklum bahawa negara kita merupakan salah satu negara yang banyak undang-undang mengenai dadah. Kita ada lima undang-undang, kita ada Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Dadah Berbahaya (LLPK) 1985, Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) dan juga kita ada Penggubalan Wang Haram, dan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan).

Mengenai cadangan Yang Berhormat yang mengatakan supaya diadakan pengasingan penagih-penagih dadah, para penagih dadah perlu dirawat dan dipulihkan di dalam masyarakat untuk kita memudahkan mereka berintegrasi semula di dalam masyarakat dan perkara ini hanya boleh berjaya kalau mendapat sokongan daripada masyarakat setempat.

Di peringkat pusat serenti, pihak pusat serenti juga telah mula membuat pengasingan pusat-pusat serenti ini. Kita bahagikan kepada beberapa kategori seperti pusat serenti untuk penagih yang bermotivasi tinggi, pusat serenti untuk penagih tegar, pusat serenti untuk penagih wanita, pusat serenti untuk penagih sukarela, pusat serenti untuk penagih remaja, pusat serenti vokasional. Jadi dengan adanya pandangan-pandangan Yang Berhormat dan juga tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak kementerian, kita rasa masalah dadah ini sedikit sebanyak kita akan dapat atasi.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa masalah dadah ini memang belum selesai, tetapi kita hanya dapat mengurangkan sahaja. Di mana pada tahun 2004, ada 34,286 penagih yang dapat kita kesan. Tahun ini kita dapat kurangkan kepada 25,243, hanya turun 26.3%. Ini bermakna kalau kita tengok daripada segi hari, bermakna 39 orang penagih baru dan 46 orang penagih berulang setiap hari berlaku di dalam negara kita ini.

Yang Berhormat daripada Maran minta kembalikan semangat kerjasama antara jabatan juga agensi kerajaan dalam menganjurkan program dadah. AADK sentiasa bekerjasama dengan lain-lain jabatan, agensi kerajaan yang sama-sama terlibat dalam usaha memerangi dadah dan juga dengan jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat kebangsaan, maka tugas untuk memerangi dadah ini ialah tugas bersama oleh jabatan-jabatan yang lain seperti kesihatan, pelajaran, Jabatan Belia dan Sukan, rukun tetangga, PBT, pejabat daerah dan lain-lain juga jabatan agensi yang lain.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Beluran juga terima kasih daripada penghargaan yang telah diberikan kepada polis. Usaha-usaha kerajaan untuk memerangi ancaman dadah sememangnya melibatkan pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan di peringkat daerah. Saya minta semua Ahli Yang Berhormat untuk memastikan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat mestilah dilantik menduduki Majlis Tindakan Membasmi Dadah (MTMD) di peringkat daerah supaya sama-sama dapat memainkan peranan untuk kita memerangi dadah.

Tuan Pengerusi, Kalabakan membangkitkan mengenai kenyataan polis marin, saya ucapkan terima kasih di atas peringatan yang telah pun diberi dan mudah-mudahan dengan teguran dan juga tindakan daripada pihak polis masalah penagihan dadah ini dan juga pengedar dadah ini kita dapat kurangkan.

Yang akhir sekali Tuan Pengerusi, yang dibangkitkan oleh Puchong iaitu kuasa antara polis dan juga Majlis Kerajaan Tempatan. Daripada segi undang-undang siapa yang ada kuasa untuk memberikan lesen untuk membeli barang-barang terpakai ini? Sememangnya ada peruntukan kepada PDRM untuk mengeluarkan lesen berniaga barang-barang terpakai di bawah *Second Hand Dealer Act*, Ketua Polis Negeri mempunyai kuasa untuk mengeluarkan lesen yang telah mempunyai syarat-syarat tertentu seperti mempunyai premis yang tetap dan memperolehi kebenaran daripada Majlis Tempatan, premisnya sahaja yang meminta kebenaran daripada Majlis Tempatan, mesti mendapat sokongan daripada agensi-agensi sokongan daripada agensi-agensi yang lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, dan juga Jabatan Kesihatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bandar Kuching.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sabar dulu. ...serta daripada Pejabat Tanah Daerah. Peniaga barang-barang *second hand* dikehendaki menyimpan rekod jual beli, besi buruk atau barang-barang lusuh di dalam buku akaun jual beli mereka. Pihak polis akan sentiasa dan bila-bila masa boleh menyemak buku itu untuk memastikan urusan niaga dijalankan dengan betul dan mengikut undang-undang yang sedia ada. Waktu perniagaan yang kita benarkan ialah di antara 7 pagi hingga 7 malam dan saya bersetuju dengan pelawaan Yang Berhormat untuk turun, untuk melihat beberapa kedai yang beli besi buruk, dan saya sendiri pernah turun di Kajang bersama dengan Ahli Parlimen Hulu Langat, tapi biasalah bila kita buat *spot check*, kita tanya dia akan tunjuk buku yang betul, dia memang ada buku jadi dia tunjuk dengan kita buku yang dia beli barang-barang yang betul. Barang yang dibeli secara tak betul ataupun ada barang-barang yang dia tak boleh beli, mungkin dia tak masukkan di dalam buku dan oleh kerana barang-barang lusuh dan *scrap*, mana barang-barang yang dia beli ini, dia begitu cepat dimasukkan dalam barang-barang dicampur, dia terus proses jadi agak sukar kita nak membincangkan...

Walau bagaimanapun kita sedar masalah kecurian barang-barang besi, pagar dan juga Yang Berhormat nyatakan tadi memang berleluasa dan pihak polis setakat ini telah pun mengurangkan untuk memberikan lesen kepada pembeli-pembeli barang-barang *second hand* ini dan kita sedang menyusun untuk memastikan bahawa pembeli-pembeli barang-barang lusuh ini mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada. Ha, Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Timbalan Menteri. Mengenai penguatkuasaan undang-undang di peringkat negeri, saya ingin tahu akan kah kerajaan menguatkuasakan undang-undang terhadap sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang tak kira sama ada dia ada exco member, atau menteri negeri, atau sesiapa pun kerana di dalam surat khabar ini, satu surat khabar tempatan di *United Daily News* yang dipamerkan di sini satu gambar yang menunjukkan seorang *Second Finance Minister*

Sarawak yang menunggang motosikal tanpa *helmet*, tak ada *helmet*, gambar ini telah disiarkan di seluruh ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Timbalan Menteri jawab.

Tuan Chong Chieng Jen: Kerajaan atau jabatan Yang Berhormat menguatkuasakan undang-undang trafik itu ke atas *Second Finance Minister*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi ya. Ini menunjukkan satu...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, saya dah katakan tadi, semua setuju, Bentong juga saya dah cakap, *nobody above the law* sebab itu Yang Berhormat kena tunjuklah mesti ada sebab-sebab tertentu, saya tak boleh komen tapi prinsipnya betul, tidak ada siapa yang boleh dikecuali daripada undang-undang tetapi kadang-kadang ada juga orang apabila ada sebab-sebab tertentu, misal kata kalau menteri ataupun kita tengok Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila ada *rider*, ada polis, kadang-kadang *traffic light* pun dia langgar juga, ada sebab-sebab tertentu, bukannya langgar, bila ada *rider*, *traffic light* merah pun dia terus juga. Jadi saya mintalah benda-benda kecil ini berhentilah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tak, bukan...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini, *you are saying the wrong message*. Itu dia ditunjukkan di surat khabar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat, jawapan pun telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, cukuplah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tak apa, Yang Berhormat, Tuan Pengerusi bagi saya ruang, bagi saya dapat maklum balas daripada laporan itu, beri pada saya, saya nak tengok, majlis ini majlis apa. Semalam saya mengakui, waktu saya melepaskan satu konvoi *superbike* yang akan berangkat dari Petaling Jaya pergi ke Pesta Pulau Pinang, Kempen Anti Dadah ada 150 motor, saya bawa motor, saya tak pakai topi keledar, sebab apa? Sebab waktu melancarkan itu, saya di dalam kompaun, di dalam kompaun pejabat daerah yang bukannya *public road*. Jadi semua ini saya kena tengok, saya percaya, saya boleh siasat sebab apa yang dia tak pakai, itu mesti ada satu-satu majlis, saya percaya, mesti ada satu-satu majlis yang menyebabkan Timbalan Menteri itu tidak pakai topi keledar.

Tapi saya nak beritahu Yang Berhormat inilah *standard* yang ada pada pembangkang daripada ketuanya sampailah anak buah cari benda yang remeh-temeh, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, saya mahu tanya sama ada beliau untuk jawab mengenai IPCMC atau terus degil tak mahu jawab, terus *blackmail*, terus ambil tindakan semacam itu. Adakah dia rela jawab mengenai IPCMC sekarang?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis jawapan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Terus degillah ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,193,844,600 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM4,193,844,600 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM825,700,000 untuk Maksud P. 62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM825,700,000 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Maksud B.31 [Jadual]

Maksud P.31 [Anggaran Pembangunan 2006]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala B.31 dan Kepala P.31 di bawah Kementerian Pelancongan terbuka untuk dibahas. Saya perlu hadkan lima minit bagi setiap ahli berucap. Yang Berhormat Bera.

3.45 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya merujuk kepada Butiran 040700 LPPN. Sasaran kementerian bagi kedatangan pelancongan pada tahun 2005 adalah 16.6 juta, tetapi sehingga hari ini, setakat hari ini kedatangan cuma 12.2 juta. Persoalannya mengapa?

Pun begitu di dalam 12.2 juta juga kita juga tidak boleh berbangga sebab 70% daripada yang datang di dalam jumlah 12.2 juta itu 7 juta daripada Singapura iaitu 60% daripada jumlah kedatangan, yang selebihnya ialah Thailand 1.4 juta iaitu 11%, Indonesia 5% dan lain-lainnya negara-negara ASEAN lain. Ini bermakna negara asian menyumbang 80% kepada kedatangan pelancong di negara kita. Di negara Asia Barat, Asia lain ialah 10% dan jarak jauh 10%. Saya lihat trend penurunan begitu jelas berlaku pada tahun ini. Asia Barat misalnya, sasaran kementerian adalah 250,000 tetapi yang datang pada tahun ini sehingga ini adalah 130,000 sahaja. Daripada negeri China tahun lepas 421,563 pelancong datang, tetapi di antara Januari hingga September tahun ini cuma 229,384 iaitu kurang 45% daripada tahun lepas.

Ini belum termasuk di dalam kes yang terbaru yang melibatkan kes polis yang kita bincangkan dan kita tidak tahu apakah kesannya selepas ini. Persoalan yang saya hendak timbulkan ialah, apakah, mengapa keadaan ini berlaku? Kenapa pelancong jarak jauh seolah-olah menjauhi negara kita? Kita cuma bergantung kepada pelancong-pelancong *regional*, pelancong-pelancong di kawasan ASEAN sahaja sedangkan sepatutnya tumpuan Kementerian Pelancongan ialah untuk menarik lebih ramai pelancong-pelancong daripada jarak jauh supaya mereka datang ke Malaysia. Soalnya apakah strategi kementerian, strategi jangka panjang kementerian untuk memastikan bahawa pelancong-pelancong jarak jauh akan datang ke negara kita.

Saya takut jika kita terlalu bergantung kepada pasaran Singapura misalnya, yang 70% datang ke sini saya takut jika berlaku apa-apa masalah dengan negara Singapura kita akan menghadapi masalah dari segi ketibaan pelancongan. Perkara ini pernah berlaku - di dalam sejarah pernah berlaku - apabila timbul masalah antara Malaysia dengan Singapura dan pelancong-pelancong Singapura kurang datang ke negara kita dan akhirnya kita menghadapi masalah dari segi kedatangan pelancong-pelancong.

Saya juga ingin bertanya tentang konvensyen, bahagian konvensyen. Saya hendak tanya mengapa kita menghadapi 2 kegagalan yang besar untuk menarik 2 konvensyen dan *conference* yang besar untuk tahun 2007.

Pertama ialah, ITCA 2007. Kenapa kita kalah kepada Thailand? Sedangkan saya difahamkan ITCA mempunyai pejabat di negara kita, pejabat bersama dengan LPPM dan saya difahamkan mereka diberi percuma bersama dengan LPPM. Mengapa kita gagal? Mengapa Thailand berjaya sedangkan kita gagal? Begitu juga dengan WTO 2007.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: WTO [Ketawa] Gulungkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sedikit sahaja sudah mahu gulung?. Mengapa kita gagal untuk memperoleh *conference* ataupun *annual meeting* WTO 2007 sedangkan kita berusaha kerana pada tahun 2007 adalah "Visit Malaysia Year".

Akhir sekali - kerana saya kena gulung - akhir sekali saya ingin bertanya, jikalau kita menghadapi masalah dengan pelancong-pelancong *international*, antarabangsa, apakah perancangan kita di dalam pelancongan domestik? Ada seperti saya kata bahawa pergantungan kepada pelancongan luar negara mungkin akan timbul masalah jika terjadi perkara-perkara seperti SARS, jerebu, JE dan sebagainya. Kita telah mengalami perkara ini, ini merupakan pengalaman kita. Pelancong-pelancong tidak datang ke negara kita kerana adanya jerebu, SARS dan sebagainya dan kita pernah berlaku. Adakah kita mengambil ataupun mengambil langkah untuk mengadakan promosi yang lebih dan juga menambahkan produk-produk bagi pelancong domestik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bagi Yang Berhormat Tuaran, *rest*. Sebelum ini saya ada Usul.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.50 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.15 petang ini".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan sampai tengah malam ha?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tidak, tidak.

Menteri Pelancongan [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.15 petang ini”.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuaran, 5 minit diingatkan, kalau boleh kurang lagi baik.

3.52 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi di atas kesempatan untuk berserta dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Saya ingin bahaskan bagi maksud Pembangunan 31 Kementerian Pelancongan, Butiran 01900 Pembangunan *Eco-tourism*, Butiran 00800 Kajian-kajian Pelancongan, Butiran 01100 Program Penyediaan Peningkatan Kemudahan Pelancongan dan Butiran 040500 Bahagian Pendaftaran Pelesenan dan Penguatkuasaan.

Tuan Pengerusi, setelah memajukan sektor pembangunan *eco-tourism* ini saya ingin memfokuskan dalam soal mempertingkatkan lagi pelancongan *home stay*. Sejak dimulakan program *home stay* di seluruh negara orang-orang kampung di luar bandar telah banyak mendapat manfaat daripada program ini dan ini adalah satu-satunya strategi di mana rakyat dapat menikmati secara langsung nikmat daripada sektor pelancongan. Tetapi dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya lihat di negeri Sabah, kampung-kampung yang telah menyertai dalam program *home stay* ini, kerajaan tidak memberi peruntukan untuk pertingkatkan prasarana dan kemudahan di kampung-kampung di mana telah menganjurkan atau telah menyertai program *home stay* ataupun apa yang dipanggil sebagai *community tourism*.

Saya bagi satu contoh, papan-papan tanda di kampung-kampung ini pun tidak dibuat dan jalan-jalan raya dan tempat-tempat riadah juga tidak disediakan. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian memberi peruntukan untuk maksud-maksud seperti yang saya maksudkan tadi dan saya selaku Ahli Parlimen telah beberapa kali menghantar surat kepada pihak kementerian untuk meminta peruntukan untuk membina prasarana yang dimaksudkan seperti jambatan, jalan raya dan sebagainya di kampung-kampung di mana wujudnya adanya program *home stay* ini dan kita tidak - setakat ini - belum lagi mendapat apa-apa ulasanlah.

Satu lagi Tuan Pengerusi dalam soal program *home stay* ini, pemimpin-pemimpin di kampung-kampung ini iaitu *community tourism* ini mereka memerlukan latihan kepimpinan. Peserta-peserta harus faham bahawa mereka harus bekerjasama dalam pasukan dan mereka juga harus bekerjasama dengan JKK dan pemimpin masyarakat di kampung tersebut untuk pastikan supaya kampung ini sentiasa dalam keadaan yang bersih, selamat dan sebagainya. Dalam hal ini pihak kementerian harus menganjurkan lebih banyak kursus-kursus kepada peserta-peserta serta pemimpin-pemimpin program *home stay* di kampung-kampung tersebut.

Satu lagi Tuan Pengerusi dalam hal ini ialah pihak kementerian juga perlu mempercepatkan proses pendaftaran di kampung-kampung ataupun rumah-rumah yang menyertai dalam *home stay* ini. Saya difahamkan bahawa proses pendaftaran bagi satu-satu rumah atau satu-satu bilik untuk menyertai dalam program *home stay* ini memakan masa lebih kurang 5, 6 bulan. Ini adalah terlalu panjang prosesnya dan pada masa yang sama pihak-pihak para peserta tidak memahami peraturan-peraturan yang dikehendaki oleh pihak kementerian sebab kursus-kursus tidak dibuat secara langsung oleh pihak kementerian. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian mengeluarkan

risalah-risalah tertentu yang boleh diedarkan kepada pemimpin-pemimpin masyarakat supaya mereka juga dapat sama-sama memberi penjelasan tentang tanggungjawab-tanggungjawab yang diperlukan.

Saya ambil satu contoh, ada pengusaha *home stay* ini di kampung-kampung tertentu, mereka sendiri cuba mempromosikan kampung mereka, mempromosikan secara langsung kepada pihak pelancong sedangkan dalam peraturan mereka tidak boleh mempromosikan secara langsung kampung mereka sebagai *home stay*. Mereka harus bekerjasama dengan agensi-agensi pelancongan sebab pihak kerajaan harus memantau dan memastikan supaya standard ataupun produk *home stay* itu sentiasa terpelihara. Jika sekiranya pihak kampung ataupun pengusaha *home stay* ini mempromosi dengan sendiri maka banyak perkara-perkara yang tidak diingini ini boleh berlaku sebagai contoh, mereka tidak berkemampuan untuk memastikan supaya pelancong itu mendapatkan insurans dilindungi insurans perjalanan dan sebagainya dan jika sekiranya ada suatu perkara yang tidak diingini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:ini boleh mencemarkan, menjejaskan imej mereka, jadi saya mahu mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai, dua minit.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Ketawa] Dua minit Yang Berhormat? Kepong, jangan kacau, eh?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

3.57 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, dua minit pun jadilah, Tuan Pengerusi daripada tidak ada langsung.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pertamanya, saya hendak perkenalkan benda baru kepada menteri kita, benda yang di dunia tidak buat lagi kita kena buat. Mungkin tidak buat lagilah tetapi kita kena buat. La ini kita ada MyKad, MyKad ini terbaik kalau hendak dibanding di dunia cara MyKad yang kerajaan kita buat. Saya hendakkan pihak kementerian isukan, *visitor card*, jadi bermaknanya bila pelancong masuk di pintu masuk kita selain daripada cap di pasport itu kita isukan dia *visitor card*, jadi...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Haiya! Sakit telinga Tuan Pengerusi!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tutup, tutup!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tutup ya? Jadi kita *introduce*...

Seorang Ahli: [Ketawa]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita *introduce visitor cards*, supaya mudah bagi kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Mertajam cakap apa?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tutup telinga, dia tutup satu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sana tidak bising, sini bising.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Ketawa]* Baru tahu hah?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bercakap dalam bahasa Cina]* *Visitor cards* ini, Tuan Pengerusi, dia akan memudahkan dan kita akan dapat *data* yang tepat dan kita akan masukkan di dalam *main data bank* kita untuk kita mengenal pasti dan *visitor* ini pun *feel proud*, jadi tidak payahlah dia usung pasport ke hulu ke hilir dan bila pasukan keselamatan hendak buat siasatan dia tunjuk *visitor card* dia kepada mereka ini. Bermakna dia ada dalam negara kita dari satu masa ke satu masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, peluang kasi orang lain. Cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sedikit lagi Tuan Pengerusi tentang ini pasal Tuan Pengerusi saya hendak kena habaq.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Habaq apa? Hendak cakap teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Batuk]* Saya batuk, semalam tidur lewat Tuan Pengerusi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sudah sakittlah jangan ucap lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Semalam tidur lewatlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak payahlah! Pergi makan ubat nanti...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Semalam kita kerja kuat. Tuan Pengerusi, satu lagi, *marketing*, kita barang-barang tempat *tourist* dalam negara kita ini sebenarnya kita tidak pasang dengan elok, kebersihan tidak ada. Macam mana *tourists* kalau hendak pergi pancur, pergi *toilet* tengok tempat yang sedemikian rupa? Kita tidak usah kata apa kita tengok kadang-kadang R&R kita pun bilik air dia tidak bersih dan sebagainya. Jadi...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...bukan buruk, kita minta menteri supaya perbetulkan benda ini supaya *tourist* datang ke negara kita. Begitu juga adakah kementerian *promote* Gunung Jerai? Gunung yang kedua sejuk di Malaysia *[Ketawa]*, tidak ada *promotion* Gunung Jerai, Gunung Jerai selain daripada Genting Highlands, Cameron Highlands.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat sendiri buat *promotion*lah, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...dan Jerai Highlands.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup, cukup, Yang Berhormat bagi Larut ikut maca Yang Berhormat bagi Jerai, tiga minit juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

4.01 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi terima kasihlah, *kam sia* lah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: B.31 Kementerian Pelancongan di bawah Butiran 03000. Saya hendak sentuh tentang sukan pelancongan. Seperti Yang Berhormat tahu bahawa industri sukan telah menjana ekonomi pelancongan sesebuah negara dan kita juga tidak terlepas peluang dalam mengaut peluang ini. Sebagai contoh terbaru saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah mengilhamkan *Monsoon Cup*. Kalau tidak kerana *Monsoon Cup* ini orang takut hendak datang ke Pantai Timur sebab apa musim tengkujuh. Hari ini pelancong sudah mula tertarik dengan *Monsoon Cup* dan mereka hendak melihat bahawa tidak ada apa yang menjadi ketakutan di Pantai Timur.

Jadi saya berharap kepada Lembaga Penggalak Pelancongan Malaysia (LPPM) dapat merangkaikan lagi, merancang lagi apakah lagi galakan-galakan industri sukan pelancongan ini untuk membawa lebih ramai pelancong yang datang ke negara kita ini. Kita tengok Formula 1 beberapa hari ini, saya hendak minta pada Kementerian berikan *database* pelancong-pelancong ini kita hendak tahu juga daripada negara mana kebanyakannya datang untuk menonton Formula 1 ini. Kita hanya menerima pelancongan tetapi kita hendak tahu juga supaya apa-apa yang berlaku sesuatu budaya itu kita tahu daripada negara mana mereka datang. Jadi di sinilah kita lihat bagaimana...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan Yang Berhormat..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Adakah sukan ini termasuk dia orang tengok bola sepak, sepak takraw dan sebagainya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Bila Yang Berhormat bagi Jerai mengingatkan saya, saya hendak tanya balik pada Kementerian Pelancongan kerana dahulu Kementerian Pelancongan pernah mewar-warkan untuk membawa kelab-kelab ternama, kelab-kelab elit bola sepak di seluruh dunia untuk beraksi di Malaysia. Apakah rancangan ini masih lagi menjadi rancangan untuk program industri sukan pelancongan ini di masa akan datang. Kerana kita lihat bagaimana rakyat Jepun dan Korea tertarik untuk datang ke Malaysia ini apabila ada kemudahan bermain golf. Bukan sahaja murah, mereka terhibur, tidak ada rasa takut walaupun digembar-gemburkan dengan keadaan-keadaan yang tidak timbul dalam negara kita ini.

Jadi di sini saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pelancongan kerana begitu giat berusaha bersungguh-sungguh. Di samping itu kita ingin lihat bagaimana industri sukan ini bukan sahaja menarik pelancongan tetapi juga boleh kita mendemonstrasikan produk-produk tempatan kita. Dengan itu saya berharap, saya menyeru dalam masa yang pendek ini, Tuan Pengerusi, agar Kementerian Pelancongan dan Kementerian Belia dan Sukan supaya duduk bersama-sama memikirkan kaedah-kaedah lebih baik untuk terus menjana ekonomi kita melalui industri sukan pelancongan ini terutama sekali apabila Nicol David mengharumkan nama negara menjadi *world number one ranking*. Mungkin hari ini nama Malaysia sudah diketahui, popular di seluruh dunia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi saya berharap kepada Kementerian Pelancongan akan terus mempergiatkan sukan pelancongan ini untuk terus menggalakkan pelancong datang ke negara kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Saya nampak Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Kepong tidak mahu tengok sini. Yang Berhormat bagi Kepong.

4.04 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, halaman 433, 02000, 03000 dan halaman 435, 01900. Tuan Pengerusi, dengan ringkasnya sebenarnya kita perlukan sekurang-kurangnya 20 minit. Sekurang-kurangnya kita hendak bincangkan secara bernas...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tiga minit tidak cukup, boleh pilih duduk Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oh, tidak boleh buat macam itu, kita mesyuarat sampai 6.15 petang. Tuan Pengerusi, saya berikhtiar untuk membantu kementerian ini untuk memaju menggalakkan pelancong sama ada domestik ataupun antarabangsa. Yang Berhormat, saya hendak mengetahui apakah penyelarasan koordinasi di antara kementerian dengan kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, juga dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan sebagainya. Sebab dengan berlakunya hal-hal yang tidak diingini, maka ini menjejaskan pelancongan kita terutamanya di peringkat antarabangsa dengan teruk, bukan sahaja dengan negara China bahkan juga negara-negara di mana ada orang-orang China di Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, New Zealand dan sebagainya. Memang ada dan juga orang-orang India ini kerana ada sebutkan keturunan India juga sebanyak di dalam insiden-insidennya.

Ini bermakna pihak Kementerian Pelancongan mestilah mempertingkatkan penyelarasan dengan kementerian-kementerian yang berkenaan supaya tidak berlakulah hal-hal yang tidak diingini. Saya hendak mengetahui apakah peruntukan yang ada ataupun wang akan dibelanjakan untuk menyelamatkan *rescue package, damage control* sekarang ini. Ini memang menjejaskan bilangan pelancong dan juga Tuan Pengerusi, yang penting sekali saya nampak di Thailand saya percaya di Thailand insidennya lebih banyak daripada Malaysia tetapi tidak ada berita ataupun di UK pun ada berlaku rompakan, *snatch theft* dan sebagainya. Begitu juga dengan USA. Macam mana mereka dapat menyembunyikan berita-berita yang tidak diingini di negara-negara ini tetapi di Malaysia...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...macam mana kita. Ini bermakna kita mestilah cari strategi yang lebih berkesan untuk mengelakkan daripada menjejaskan pelancongan di negara ini.

Seterusnya mengenai *ecotourism* kita. Memanglah kita mesti memperluaskan peluang-peluang bagi domestik dan juga antarabangsa mengenai *ecotourism* tetapi saya nampak penjagaan terhadap ekologi terhadap alam sekitar belum mencukupi. Kalau kita nampak di Pulau Redang ataupun pulau-pulau yang lain di mana ada pelancong-pelancong yang banyak sama ada domestik atau antarabangsa, ini memang terjejas termasuklah di Sarawak ataupun di Sabah. Memang terjejas kita nampak Pulau Sipadan. Ini satu ekologi, satu alam sekitar yang unik, kita mestilah berusaha mungkin satu strategi baru hendaklah dipelopori oleh pihak kementerian untuk menjaga alam sekitar. Ini termasuklah Taman Negara.

Saya sering kali sebutkan Taman Negara di Semenanjung juga dan juga banyak di Sarawak tetapi di Sarawak *dicontrol* oleh pihak kerajaan negeri, cuma di Semenanjung kita, Taman Negara. Taman Negara tahun ini bilangan pelancong sudah bertambah tetapi penjagaan atas kawasan ini oleh pihak PERHILITAN masih tidak begitu berkesan. Tuan Pengerusi, yang penting sekali kalau Tuan Pengerusi pergi kita hendak tengok mergastua dan binatang-binatang di situ. Apabila kita ada di situ dia sudah hilang dan dengan begitu di kawasan-kawasan sekitar termasuk kawasan sungai, saya nampak ada tercemar. Pencemaran ini memanglah mesti dikurangkan supaya kita hendak menggalakkan. Di sini kita membelanjakan tahun hadapan lebih RM12 juta untuk menggalakkan *ecotourism* dan

dengan wang ini kita berharaplah semua langkah-langkah yang diambil dapat bukan sahaja menggalakkan *ecotourism* bahkan juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat masa cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...menjagakan alam sekitar. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong, dua minit.

4.10 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua minit pun jadilah. Saya terus kepada 020000 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Bera tadi iaitu sekarang yang penting sekali ialah bagaimana kita boleh menggalakkan lagi ketibaan pelancong-pelancong yang berkualiti. Berkualiti maksud saya ialah pelancong-pelancong yang boleh membelanjakan lebih banyak wang di negara kita. Ini ialah berkaitan dengan *mega sale*, promosi mengenai *mega sale* yang ada dalam negara kita. Adakah kementerian ingin mengkaji semula tarikh dan waktu *mega sale* itu adalah sesuai untuk pelancong-pelancong yang saya maksudkan tadi.

Yang kedua mengenai isu-isu dan permasalahan-permasalahan yang berlaku ini, bagaimana tindakan yang segera untuk memulihkan kedatangan ataupun ketibaan pelancong-pelancong khasnya dari negara China. Kerana bagi saya kita tidak boleh terlepas peluang ini kerana kalau kita lihat daripada satu angka daripada *World Tourism Organization* yang telah dikeluarkan baru-baru ini bahawa, sebagai contoh pelancong dari negara China ini yang keluar daripada *outbound*, dia keluar dari negara itu berjumlah lebih kurang 28.85 *million* pada tahun 2004. Dan *projector growth* lebih kurang 30% setiap tahun. Ini menunjukkan *market* dia ada potensi dan adalah besar. Saya hendak tahu apakah rancangan ataupun tindakan yang segera untuk memulihkan kedatangan pelancong dari negara China ini.

Perkara yang kedua dengan butiran yang sama iaitu mengenai promosi. Apa yang telah dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat bagi Bera dan juga Yang Berhormat bagi Jerai memang betul. Saya khasnya pergi ke isu yang lebih mikro mengenai *brochure* dan juga *leaflet* yang ada di kawasan-kawasan ataupun tempat-tempat awam seperti di lapangan terbang ada kawasan promosi. Saya dapati bahawa kita selalu melihat *brochure* ataupun ini semua adalah *empty* ataupun kosong sahaja. Ini adalah perlu diambil satu tindakan yang serius dan cepat kalau kita ingin mempromosikan negara kita dengan tempat-tempat yang tertentu dan sesuai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya juga hendak tanya apakah program dan rancangan promosi *advertisement* mengenai *Malaysia Truly Asia* ini, adakah kita teruskan ini? Bagi saya ini satu program yang sangat-sangat berjaya.

Akhir sekali saya hendak tahu sekali mengenai program Formula 1. Adakah selepas dari kalau tidak silap saya, 2007 ini, mungkin F1 di luar negara mungkin Malaysia tidak akan dapat *the right*. Apakah *latest* status mengenai perkara ini?

Dan akhir sekali, Tuan Pengerusi, ialah mengenai kemudahan asas sektor pelancongan. Saya dapati bahawa kalau di negara kita ini selain daripada *toilet* yang tidak bersih dan sebagainya apakah rancangan dan tindakan daripada kementerian mengenai papan tanda kawasan-kawasan pelancongan yang terdapat di negara kita, terutamanya sepanjang lebuh raya dan juga jalan-jalan besar. Saya dapati bahawa kita mesti membuat satu tindakan yang serius dan cepat untuk memperkukuhkan lagi sektor ini kerana pada masa kini saya dapati tidak banyaklah papan tanda yang diletak di kawasan tertentu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat, cukup.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Itu sahaja, terima kasih .

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Melaka.

4.14 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Bekalan 31, Butiran 020200 iaitu di bawah tajuk Pusat Pelancongan Malaysia yang mempunyai tujuan untuk membantu dan memberi kemudahan penerangan pelancongan dan juga kebudayaan kepada pelancong. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bera, Kepong dan juga Puchong tadi memang benar. Sebenarnya saya difahamkan oleh operator-operator pelancongan dalam negara kita bahawa wujudnya satu penurunan dari segi jumlah pelancong dari negara China.

Tuan Pengerusi, biasanya jika wujudnya kecenderungan penurunan mungkin ia menunjukkan satu kebiasaan tetapi jika penurunan itu hampir mencecah 50%, tidak cukup dalam satu tahun ini merupakan satu keadaan yang cukup membimbangkan. Saya telah pun difahamkan oleh agensi-agensi pelancongan di dalam negara kita bahawa memang wujudnya satu slogan di negara China oleh agensi-agensi pelancongan China, '*Visit Malaysia Last*'. Saya rasa kita haruslah mendapat tahu mengapa wujudnya keadaan sebegitu dan saya difahamkan oleh agensi-agensi di negara kita bahawa baru-baru ini wujudnya 31 *chartered flight* dari negara China tetapi terus pergi ke Thailand, tidak satu pun yang datang ke negara kita.

Saya rasa perlulah kita wujudkan satu, bukan kajian tapi strategi, strategi dengan serta-merta supaya kita dapat memulihkan keadaan ini, dan saya juga ingin tahu apakah strategi yang kita boleh gunakan supaya kita boleh menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong dari Timur Tengah juga, kerana saya difahamkan pelancong-pelancong Timur Tengah dia mempunyai *purchasing power*, dengan izin yang begitu tinggi sekali. Saya rasa dengan wujudnya ramai lagi pelancong-pelancong asing tak kira dari negara mana, yang penting sekali dengan wujudnya kita dapat meningkatkan jumlah pelancong-pelancong asing dan saya rasa ini akan membawa manfaat kepada semua lapisan masyarakat kita.

Butiran yang selanjutnya, 040200 di bawah tajuk Bahagian Pelancongan. Baru-baru ini Tuan Pengerusi, saya telah pun pergi ke Shanghai, yang mana dalam bulan lapan tahun 2005, tahun ini, yang baru-baru ini kita meraikan hari kemerdekaan yang ke-48. Saya telah pun menghadiri satu jamuan makan malam yang dianjurkan oleh Persatuan Warganegara Malaysia, yang mana ahli-ahli terdiri daripada peniaga-peniaga dan juga pekerja-pekerja *expatriate* Malaysia yang bekerja di negeri China. Dan dia berasa begitu bangga sekali kerana saya pergi ke tempat itu di Shanghai, kita disaji dengan makanan, minuman yang bercirikan kehidupan Malaysia dan juga ada persembahan pertunjukan pentas dan juga nyanyian lagu-lagu yang bercirikan kebudayaan Malaysia. Semua pihak ada bahkan Duta Malaysia ke negeri China pun hadir ke *function* itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Termasuk sayalah Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ya, Tuan Pengerusi, betul. Tuan Pengerusi, saya rasa itu merupakan satu program, satu *occasion* dengan izin, di mana semua pihak sudah hadir, tapi sayangnya di manakah usaha daripada kita, usaha daripada pihak Kementerian Pelancongan untuk membudayakan promosi budaya negara kita dalam program macam itu, kerana saya rasa kadangkala apabila kita mempromosikan negara kita melalui unit atau Pusat Pelancongan Malaysia, itu pada tahap rasmi, tapi jika kita dapat menyerap masuk ke dalam kehidupan masyarakat negara itu, maka saya rasa mungkin lebih baik kesannya.

Saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya kita melalui NGO-NGO dalam negara itu supaya kita dapat mempromosikan negara kita. Mungkin kita kena berikan sedikit peruntukan kepada persatuan, NGO-NGO yang *friendly* kepada negara kita kerana mereka menyediakan makanan, minuman, persembahan, semuanya kita tak perlu memberikan *description* lagi, semuanya *live*. Jadi, kita hanya memberikan sedikit

peruntukan dan dia boleh memberikan promosi kerana ramai warga asing yang menghadiri jamuan makan malam itu. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Kudat.

4.18 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya untuk membahas Butiran 03000 - Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia.

Perkara pertama yang saya ingin tanya kepada Kementerian Pelancongan Malaysia iaitu berkaitan *International Standard Tourism Signage*, saya lihat yang berwarna coklat yang saya percaya kementerian faham apa yang saya maksudkan, kerana apa yang saya lihat di negara kita pelaksanaan *International Standard Tourism Signage* ini belum dilaksanakan. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, bilakah ia akan dilaksanakan kerana kebanyakan negara telah melaksanakan. Ini adalah merupakan satu usaha untuk membolehkan pelancong-pelancong asing dapat mengetahui, di manakah pusat-pusat pelancongan yang mereka tujui khususnya mereka yang menggunakan jalan raya sebagai untuk mengunjungi pusat-pusat pelancongan, khususnya daripada Singapura dan juga daripada Thailand dan negara-negara yang lain.

Yang kedua ialah, saya ingin bertanya mengenai *Mega Familiarization Visit* iaitu Program *Mega Fam* yang dilaksanakan oleh Tourism Malaysia. Saya hendak mengetahui apakah kesan, seperti mana yang kita tahu bahawa Mega Fam ini adalah merupakan satu program yang dianjurkan oleh Tourism Malaysia untuk memanggil media-media daripada negara-negara tertentu untuk datang ke Malaysia dan melihat, apakah produk-produk pelancongan yang baru tetapi adakah pihak Tourism Malaysia ataupun kementerian memantau dari segi prestasi mereka? Adakah mereka balik ke negara mereka dan melaporkan perkara-perkara yang positif dan baik mengenai negara kita? Kerana apa yang saya lihat berdasarkan kepada pengalaman saya kebanyakan Mega Fam ini membelanjakan wang yang begitu banyak untuk membawa mereka yang melibatkan berpuluh-puluh ataupun sebulan mungkin, dalam lingkungan setahun ratusan daripada media-media ini yang datang ke Malaysia, tetapi adakah mereka ini dipantau dari segi laporan mereka, keberkesanan laporan mereka di negara di mana mereka datang.

Yang ketiga ialah berkaitan dengan iklan *Malaysia Truly Asia*. Saya hendak bertanya, sebab iklan *Malaysia Truly Asia* ini adalah satu iklan yang telah pun dilaksanakan saya ingat begitu lama dan digunakan di banyak media di luar negara khususnya CNN, BCC dan banyak lagi media-media asing. Saya nak bertanya kepada kementerian, berapakah kos yang telah dibelanjakan bagi pengiklanan ini? Apakah ada rancangan daripada kerajaan untuk membuat satu tema baru di dalam mempromosikan negara kita untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa.

Yang keempat ialah mengenai pelantikan *PR agency*. Saya difahamkan Tourism Malaysia melantik banyak *PR agency* atau *public relation agency* di setiap *station* di luar negara dan melibatkan *retaining fees* yang begitu besar juga, kos yang begitu besar. Apakah kewajarannya untuk Tourism Malaysia melantik *PR agency* sedangkan Tourism Malaysia sendiri boleh melaksanakan tugas-tugas tersebut khususnya untuk membuat misalnya *press monitoring*, *press conference* ataupun *press rebuttal*. Jadi, saya fikir harus ada kajian dibuat tentang keberkesanannya dan juga dari segi *return* yang kita perolehi daripadanya, kerana wang yang dibelanjakan ini saya percaya adalah terlalu besar sedangkan kita telah pun membelanjakan wang yang banyak untuk menyediakan pejabat-pejabat luar negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kudat boleh gulung.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Ya, seterusnya ialah yang keempat iaitu di kawasan saya, *Northern Tip of Borneo* sudah menjadi satu sebutan, satu destinasi pelancongan yang begitu menarik dan telah pun banyak infrastruktur yang disediakan di tempat itu, dan apakah tindakan yang telah dibuat oleh Tourism Malaysia untuk mempopularkan tempat ini supaya ianya benar-benar mendapat tarikan khususnya daripada pelancong-pelancong luar negara? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat saya perlu memberi masa yang cukup untuk Menteri menjawab dan untuk makluman, saya akan tutup perbincangan pada jam 5, pukul 5 akan saya tutup. Jadi, saya haraplah semua boleh bantu antara satu sama lain, supaya membolehkan saya membenarkan semua dapat beri peluang. Muar sila.

4. 23 ptg.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan cuba secepat mungkin. Yang pertama, promosi melalui internet, kita dapati cukup kurang berbanding dengan negara-negara lain kerana kalau kita lihat pelancong yang datang ke negara kita, walaupun kita rasa pulangannya cukup banyak. RM1.4 juta dalam tahun 2004, lapan ratus ribu datang dari Singapura, seratus ribu lebih datang dari Thailand dan kita gagal mendapat pelancong daripada tempat lain. Satu juta daripada negara ASEAN saya rasa belum cukup membanggakan, kita boleh buat lebih daripada itu dan saya mengharap pelancong-pelancong ini dapat kita dedahkan melalui *reservation* melalui internet, kerana saya difahamkan kita ada lebih kurang 2,224 hotel sahaja dalam tahun 2004, dan ini menunjukkan bahawa dalam sebuah negara kecil kita mempunyai prasarana yang cukup, cumanya kita masih gagal untuk menarik minat pelancong luar daripada ASEAN.

Yang kedua, saya nak tanya dari segi diskaun tertentu, kalau boleh kementerian dapat bekalkan berapa banyak keuntungan yang kita perolehi daripada pelancongan luar negara berbanding dengan pelancong dalam negara, kerana kalau kita lihat kita terpaksa membayar lebih, pelancong-pelancong tempatan terpaksa membayar jumlah yang sama dengan pelancong-pelancong luar, sesungguhnya Johor Bahru sebagai contoh, saya rasa Johor Bahru mempunyai hotel yang paling banyak untuk penduduk Singapura datang menginap di Johor Bahru untuk membayar kadar yang sama dengan jumlah pertukaran mata wang yang berbeza, tidak ada masalah.

Saya suka mencadangkan supaya kerajaan memikirkan bagaimana kita dapat memberi sedikit insentif kepada penduduk tempatan melancong dengan kadar yang lebih rendah berbanding dengan pelancong-pelancong daripada luar. Bukan kita hendak membezakan, tetapi ini biasa dilakukan di mana-mana tempat.

Seterusnya, saya nak tanya juga tentang sokongan kakitangan. Apakah peranan kementerian ini dalam membantu melahirkan pelajar-pelajar yang terlibat dengan pelancongan yang dilatih di IPTS, IPTA ataupun pusat-pusat pengajian yang ada, supaya mereka ini dapat menepati kehendak keperluan pelancongan negara. Kursus-kursus Hot. Cat. dan sebagainya ini dipantau oleh Kementerian Pelancongan supaya yang mengajar itu tahu apakah keperluan dalam negara kita apabila kita bercerita tentang pelancongan dalam negara, kerana kalau kita lihat pemandu pelancong kita baik, tetapi lebih kepada perkara yang rutin, perkara yang kita rasa selesai kita sudah ada sejumlah pelancong yang sama saban tahun dan ini mendatangkan keuntungan, tetapi kita tidak meningkatkan mutu pemandu pelancong kita supaya lebih proaktif kepada perkara-perkara yang ada di persekitaran agar dapat membantu negara meningkatkan daya tarikan kepada.

Saya suka menyatakan begini, kerana kalau kita pergi ke negara luar, dengan senyuman, dengan pengetahuan, dengan layanan yang cukup istimewa kepada pelawat-pelawat menyebabkan kita rasa tertarik dan ingin datang semula, dan ini kurang sedikit di dalam negara kita yang boleh kita pertingkatkan supaya perkara ini dapat memberi manfaat.

Akhir sekali, akhir sekali, saya dapati, saya pernah sebut perkara ini dahulu, kita seharusnya menyelaraskan, kerana kalau kita lihat, setiap negeri dalam negara kita ini mempunyai zoo masing-masing. Dalam sebuah negara yang kecil, saya rasa pihak kementerian boleh memainkan peranan, memilih tempat yang sesuai untuk dijadikan atau meningkatkan zoonya, tempat lain mungkin hutannya. Sebab negeri kita ini tak perlu kita biarkan bersaing tambahan pula kita mempunyai kerajaan yang sama, kecuali Kelantan.

Saya baru balik Kelantan Tuan Pengerusi, saya nak sebut satu saja. Saya tengok di sana perlu kita bantu, masyarakatnya berkumpul pada hari Ahad di lapangan terbang

Pengkalan Chepa, ramai orang di situ untuk lihat kapal terbang turun. Saya nak tanya, saya pun hairan juga, kenapa di Kelantan tak ada tempat lain ke nak tengok, bersusun orang penuh, di lapangan terbang, ha ini pun kita kena tengok, tetapi itulah di Kelantan. Tetapi di negeri lain, saya harap kerajaan, kementerian dapat menyelaraskan bagaimana negeri-negeri kita tidak perlu bersaing dalam menarik pelancong-pelancong untuk datang melawat supaya kita tidak membazir dan mengelakkan pertindihan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Serdang, Serdang.

4.30 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan lebih lanjut berkaitan dengan Butiran LPPM. Saya mendapati tiga butiran 030000 di bawah LPPM, Butiran 040700 LPPM, dan Butiran 050400 LPPM dengan peruntukan yang begitu besar. Apa sebabnya tiga butiran di bawah LPPM? Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi, industri pelancongan di negara kita ini sedang menghadapi masalah sedikit kerana kemerosotan pelancong asing datang ke Malaysia pada tahun ini. Walau bagaimanapun, saya minta penjelasan adakah ini berpunca daripada kelemahan strategi pemasaran antarabangsa yang mana telah gagal menarik pelancong asing datang ke Malaysia? Adakah ini juga kerana liputan media yang negatif terhadap negara kita, telah membimbangkan pelancong asing datang ke Malaysia? Sama ada ini benar atau tidak, supaya dapat mencari ikhtiar untuk menangani masalah yang begitu penting untuk ekonomi negara kita.

Pada tahun lalu, saya difahamkan pendapatan pelancongan untuk negara kita ialah sebanyak RM29.7 bilion. Ertinya, pendapatan hasil melalui pelancongan negara kita adalah begitu banyak untuk menyumbangkan kegiatan ekonomi kita. Maka, dengan kekurangan pelancongan asing datang ke Malaysia, ertinya hasil pendapatan negara kita akan juga merosot. Ini adalah satu perkara penting untuk pihak kementerian mengambil tindakan selanjutnya.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan butiran 01100 - Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan di negara kita. Saya mendapati bahawa kemudahan pelancongan di negara kita masih kurang seperti Bukit Fraser. Minggu lalu saya menghadiri satu seminar dan mendapati begitu ramai pelancong datang tetapi masih kekurangan kemudahan di situ. Terutama sekali jalan masuk ke Fraser's Hill ini begitu susah dan perlu tunggu sehingga satu jam baru saya boleh naik. Adakah peruntukan atau satu cadangan untuk meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan asas bagi meningkatkan lagi pelancong untuk melawat ke kawasan-kawasan peranginan di negara kita ini. Ini bukan sahaja untuk menarik pelancong dalam tetapi juga untuk pelancong asing...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: ...untuk memberi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Serdang, cukup.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: ...kemudahan dalam menggalakkan industri pelancongan negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh, sila.

4.35 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 - Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Pertama sekali saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kementerian pernah menjalankan ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menteriilah!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Eh, Menteri ya. Minta maaf.

[Dewan gamat seketika]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Menteri sudah tunggu sejak semalam.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sudah minta maaf. Apa mahu lagi?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Oh, okey.

[Dewan gamat seketika]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Haiya! Minta maaf saya tarik balik, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, tidak nampaklah. Tidak apa.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, tidak nampak kerana semalam kita semua tidur terlalu lewat. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu pun kerana Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya teruskan. Tuan Pengerusi, saya ingin tanya sama ada kementerian ada membuat apa-apa kajian terhadap cita rasa pelancong kita dari pelbagai negara. Misalnya, apakah cita rasa dari Eropah, apakah cita rasa pelancong dari negara-negara Timur Tengah, apakah cita rasa pelancong dari China. Ini termasuk apakah tempat yang mereka suka pergi dan apakah yang paling boleh menarik perhatian dan minat mereka.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Seputeh, bagi laluan sedikit.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya belum mula lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan, *you* tanya cita rasa. Cita rasa orang China, orang Perancis, orang Jerman. Apa bikin tanya dia punya cita rasa. Yang penting dia rasa kita punya cita rasa. Ha, macam mana belacan!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh belum beri laluan untuk Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta maaf, Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, kacaulah. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Sri Gading, *you* dengar ucapan saya dahululah.

Tuan Pengerusi, saya hanya pergi ke Shanghai satu kali sahaja tetapi kalau ada peluang saya mahu pergi ke sana lagi kerana saya mahu pergi *shopping*. Ada satu jalan iaitu Nanjing Street itu, yang paling menarik minat saya dan juga ramai pelancong dari luar negara kerana gerai-gerai yang ada di situ menjual pakaian yang sangat *fashionable* dan juga dengan harga yang murah. Begitu juga bila kita pergi ke Bangkok. Kita tidak pergi ke *shopping complex* yang besar dan mewah kerana harga di situ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, di Kuala Lumpur, Petaling Street tidak ada, ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...mewah. Ya, memang.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Cetak rompak.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, saya hendak cakap tentang itu. Di Kuala Lumpur misalnya, mengikut satu kajian, ramai pelancong dari luar negara datang ke Kuala Lumpur *one stop* sahaja. Duduk di hotel lepas itu pergi ke Melaka, pergi ke PD dan tempat lain. Jadi, ini adalah satu masalah. Kalau kita tengok Bangkok, Kerajaan Thailand ada bina beberapa macam *shopping complex* tetapi ia terdiri daripada gerai-gerai yang kecil, yang jual kraf tangan, pakaian atau benda-benda yang menarik minat para pelancong.

Di Kuala Lumpur, Jalan Masjid India kalau hendak pergi pun tidak tahu di mana hendak letak kereta. Pergi ke Petaling Street yang kebanyakan yang dijual itu mereka boleh dapat beli di China atau di Thailand dan tempat-tempat lain. Saya rasa kita mungkin

harus tumpukan, mungkin kita boleh membina lebih seperti Central Market, yang jual kraf tangan untuk menarik minta dan juga pembeli daripada pelancong kita.

Selain daripada itu, kalau kita pergi ke Canberra, setiap pelancong yang pergi ke sana mereka pergi melawat Parlimen tetapi kita tidak nampak ada *tourist* atau pelancong yang melawat Parlimen kita. Di Canberra, Parlimen itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...adalah pusat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung, boleh gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ... penarikan perhatian pelancong. Tuan Pengerusi, saya sebenarnya ingin - yang tadi Yang Berhormat bagi Kota Melaka bangkitkan tentang isu penurunan pelawat China. Sebenarnya dalam radio program, *core in program*, kita pernah dengar beberapa kali di mana orang yang memanggil kepada DJ dan *complaint* di mana selalunya terdapat pelancong dari negara China, mereka diperiksa oleh polis dan ditahan, ditarik ke balai dan sehingga *tour guide* itu perlu pergi ke sana, cakap dan berbincang dengan polis dan bawa mereka keluar.

Sebenarnya, semua tindakan ini meninggalkan *impressive* yang buruk kepada pelancong luar negara kita. Begitu juga dengan sekarang, banyak serbuan yang dibuat oleh imigresen dan juga polis terhadap kelab malam, pub dan restoran sehingga tempat-tempat hiburan ini letak *signage* '*Orang negara China tidak boleh masuk*'. Saya rasa macam mana kita hendak tarik pelawat China untuk melawat ke negara kita.

Sekiranya kita ada *signage* dalam bahasa China, '*Orang negara China tidak boleh masuk*'. Saya rasa ini adalah satu perkara yang serius di mana harus diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Saya juga hendak minta pihak imigresen supaya lebih sensitif terhadap pelancong-pelancong, khususnya dari China. Saya sudah terima, faks kepada saya oleh orang Malaysia dan beberapa hari lepas itu, ada satu kes lagi yang mereka pernah pergi ke Hadyaai atau Padang Besar, bila mereka hendak keluar di imigresen tentu menghadapi masalah. Disiasat dan tidak dibenarkan keluar. Saya rasa ini adalah satu perkara...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang akhir sekali ialah saya cadangkan sekarang KLIA telah mengupah 20 orang jurubahasa untuk membantu pelancong dari negara China. Mungkin satu lagi biro aduan bagi pelancong harus ditubuhkan di KLIA. Jadi, bila mereka menghadapi masalah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...mereka boleh minta bantuan daripada mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Harap ringkaskan, ya, Yang Berhormat bagi Santubong, sebab saya cuba hendak beri peluang kepada semua tetapi sebelum pukul 5. Yang Berhormat bagi Santubong, sila.

4.38 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dua minit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya macam kawan-kawan tadi jugalah. Dua perkara dengan Menteri. Satu, *damage control* yang berlaku dengan pelancong-pelancong dari China oleh kerana *bad press* yang diterima dari China sekarang. Yang kedua, *damage control* kepada pihak daripada Timur Tengah, yang saya dimaklumkan oleh kerana mereka ini ada sekali-sekala

kena *snatch theft*. Jadi, khabarnya ini meluas di Timur Tengah. Jadi apakah *damage control* yang telah ataupun akan di *organize* oleh pihak kementerian.

Yang kedua, soal *licensing* kereta pelancongan ini. Dahulunya sebelum 1997 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi tetapi dipindah kepada Kementerian Pelancongan. Jadi, saya hendak bertanya adakah kementerian akan ataupun memikirkan atau membincangkan untuk perkara ini dipindahkan semula kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, itu yang kedua.

Yang ketiga, saya hendak tanya, apakah usaha supaya pelancong yang datang ke Singapura datang ke Semenanjung, boleh datang ke Sarawak. Oleh kerana pada masa sekarang yang masalahnya ialah *accessibility* ke Sarawak. Pengangkutan Sabah dan Sarawak ini bermasalah. Kadang-kadang sekarang, Tuan Pengerusi, saya cukup yakin Tuan Pengerusi tahu sekarang. Orang hendak datang - hari ini saya terima lima call telefon, orang kata tidak dapat datang ke Sarawak melainkan *you* dapat notis sekurang-kurangnya empat hari sebelum itu ataupun seminggu sebelum itu.

Jadi, dengan sendirinya *accessibility* penerbangan dan sebagainya itu adalah satu masalah yang besar dari Kuala Lumpur ke Kuching, Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu. Jadi itu sahaja pertanyaan saya, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Yang Berhormat bagi Gerik.

4.39 ptg.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh Butiran 011000 - Program Penyediaan/Peningkatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau boleh ikut cara Yang Berhormat bagi Santubong, ya.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Ya, okey! Terima kasih. ...Kemudahan Pelancongan, di mana peruntukannya agak besar tetapi adakah kita membuat persiapan untuk membina pondok-pondok penerangan mengenainya kepada pelancong-pelancong terutamanya yang pergi ke kawasan daerah-daerah yang kecil. Di negara Barat, di negara yang sudah maju memang banyak hal-hal ini, selain daripada *billboard* yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong, rasanya perlu ada pondok-pondok penerangan kepada pelancong.

Perkara keduanya, Butiran 02400 – Projek Pengindahan Sungai Melaka yang begitu menarik, dan saya kira ini membawa nostalgia sejarah Melaka yang begitu hebat dan di situ adanya replika Flor de La Mar sebuah kapal Portugis yang menjajah Melaka. Apakah ada rancangan kementerian bersama kerajaan negeri misalnya membina sebuah kapal Melayu sebagai replika, di mana kita tahu pada zaman Kesultanan Sultan Melaka Yang Kedua – Dinasti Meng menjemput Sultan dan rakyat Melaka pergi ke sana sebanyak 1250 orang rakyat Melaka yang belayar ke sana pada waktu itu, kehebatannya.

Kita tahu bahawa Zheng He ataupun Cheng Ho mempunyai kapal 200 kaki berbandingkan dengan Vasco da Gama atau Magellan cuma 80 kaki. Jadi, kita mahu tonjolkan ini sebagai satu tarikan pelancongan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Selangor.

4.41 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020000 – Pelancongan. Kuala Selangor indah dan bersejarah. Daerah Kuala Selangor merupakan daerah yang mampu untuk menarik minat pelancong dari dalam dan luar negeri dengan memperkenalkan *eco-tourism*, *agro-tourism*, *culture tourism*, *sport tourism* dan sebagainya dan nampaknya khazanah pelancongan yang

ada di Kuala Selangor ini tidak dapat diolah sebaik mungkin. Ini disebabkan tidak ada mana-mana pihak khususnya di peringkat daerah yang bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan memastikan promosi menarik pelancong daripada dalam dan luar negeri. Jawatankuasa Pelancongan yang ditubuhkan di peringkat majlis daerah ataupun di peringkat daerah tidak berfungsi. Oleh kerana saya lihat hari ini Kuala Selangor meninggalkan banyak kesan sejarah bukan sahaja Bukit Malawati, Bukit Belanda tetapi juga dari segi *eco-tourism*nya, kelip-kelip dengan Sungai Selangornya yang terkenal dengan udang galah, Pantai Remis yang boleh dijadikan sukan perahu layar dan juga kita ada padang golf

Saya nampak hari ini jika sektor pelancongan mahu maju dan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, kita harus lebih *serious* dalam membangunkan sektor pelancongan. Oleh itu saya menyarankan supaya Kementerian Pelancongan menubuhkan Jabatan Pelancongan di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah seperti apa yang dilakukan oleh Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan.

Ini disebabkan Majlis Tindakan Pelancongan Peringkat Negeri dan juga Selangor Tourism Sendirian Berhad tidak memadai dalam proses untuk kita membangunkan destinasi dan produk pelancongan bukan sahaja di Kuala Selangor, tetapi di seluruh negeri Selangor. Malah saya fikir idea ini praktikal dilaksanakan di seluruh negara seperti yang berlaku di Sabah, ada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan nampak strategi yang diatur oleh kementerian ini cukup baik dan berkesan.

Satu lagi perkara yang saya hendak timbulkan ialah soal *home stay* yang harus menggalakkan penduduk luar bandar menjadikan rumah-rumah mereka untuk dijadikan penginapan. Umpamanya bagan-bagan di tepi Sungai Selangor boleh menawarkan pelancong-pelancong daripada negeri China. Begitu juga bagi pelancong dari India umpamanya boleh duduk, tinggal bersama dengan penggiat tembikar ataupun pembuat pasu dan begitu juga untuk masyarakat Jawa, Banjar, Melayu dan Bugis yang ada di Kuala Selangor juga boleh memperindahkan rumah mereka sebagai suatu tarikan.

Saya kira inilah salah satu pendekatan yang saya fikir baik sebab sektor pelancongan banyak memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, cukup. Langkawi, dua minit Yang Berhormat.

4.44 ptg.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terutama sekali saya hendak sebut pelancongan. Saya mengucapkan terima kasih kepada MAS yang telah mengadakan *direct flight* London – Langkawi – Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun saya percaya kalaulah ditambahkan lagi, kalau boleh dalam bulan Jun, Julai dan Ogos ditambah lagi Dubai – Langkawi – KL kerana orang Arab yang melancong ke Langkawi begitu tertarik hati dengan Langkawi dan sudah tentulah pada masa sekarang ini mereka terpaksa pergi ke Kuala Lumpur dan ke Langkawi tetapi saya harapkan *direct flight* ini akan diusahakan oleh pihak pelancongan untuk membawa pelancong *direct* daripada Dubai dan Kuwait ke Langkawi.

Keduanya, berkenaan dengan *landing fees* MAB. AirAsia telah menyatakan hasrat untuk membawa pelancong daripada Bangkok ke Langkawi – *direct flight* termurah. Saya percaya dengan adanya *direct flight* ini Asia Asia yang telah menyuarakan hasratnya dan lagi satu ialah *landing fees*. *Landing fees* adalah termahal, mereka mengharapkan pihak MAB atau Malaysia Airport Berhad mengurangkan *landing fees*.

Ketiganya berkenaan dengan keluarga Ku Halim Ku Hassan yang telah memberi kemudahan yang tertentu kepada kawasan Beras Terbakar di belakang rumah saya. Keluarganya telah memberi tanah itu sebagai satu usaha untuk menarik pelancong. Mereka itu tidak dapat apa-apa bayaran. Kalau boleh saya meminta pelancong dahulu lagi, saya ingat semasa saya masih kecil lagi, Beras Terbakarlah satu tempat yang orang selalu pergi mengunjungi dan kalau boleh ambil tanah itu, beli dan buat yang terbaik untuk pelancong dan olahkan juga...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Tidak, tidak. Kampung Beras Terbakar diolahkan. Memang dalam tahun 1986 ada kumpulan tertentu yang telah menyatakan hasrat mereka untuk mengolah tempat itu untuk projek pelancongan.

Keempatnya ialah saya juga mengucapkan terima kasih kepada M.K. Land yang telah pergi ke Kunming dan membawa pemberita ataupun TV krew untuk membawa pelancong-pelancong dari Kunming atau China melawat ke Langkawi dan juga Bukit Merah. Saya percaya benda-benda inilah yang kita harapkan kerana dengan adanya perkongsian yang begini, maka tentulah ramai lagi pelancong yang akan datang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Ledang.

4.47 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 20000, walaupun pendapatan negara pada sektor pelancongan meningkat daripada RM24.2 bilion kepada RM29.6 bilion daripada tahun 2001 hingga 2004, tetapi kita masih lagi mempunyai baki bilik-bilik yang tidak tersewa.

Tuan Pengerusi, izinkan saya sebut secara ringkas iaitu kadar bilik yang tersewa setakat ini di Kuala Lumpur cuma 67%, Shah Alam 62%, Melaka 52%. Saya lompat sedikit, Johor Bahru 52% dan Kota Bharu 29%. Pada masa yang sama juga Tuan Pengerusi, sehingga bulan September 2005, kedatangan pelancong daripada China menurun sebanyak negatif 45%. Daripada Taiwan, negatif 16.3%, perangkaan ini datangnya daripada Kementerian Pelancongan. Daripada Hong Kong, negatif 10% walaupun berlaku kenaikan daripada Korea Selatan, 93%.

Maknanya Tuan Pengerusi, ada sesuatu yang ... ada satu persoalan yang menjadi tuntutan untuk dijawab dan pada masa yang juga, saya menyarankan supaya lebih banyak promosi dibuat di luar negara supaya orang datang ke mari. Sebab, saya ada menerima aduan daripada rakan-rakan di luar negara bahawa masih ada lagi bukannya serius, tetapi masih ada lagi gambaran daripada luar yang menggambarkan datang ke Malaysia melihat keindahan hutan dengan hidupan monyet-monyet dan sebagainya. Saya rasa ini sangat serius dan saya minta perkara ini diambil kira. Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah.

4.49 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak akan berucap panjang. Dengan ringkas saya rujuk kepada Butiran 020000 – kita semua hidup gembira dengan *movie* yang dilakukan oleh Tiara yang telah memenangi Aktres Terbaik di Festival Filem Asia Pasifik ke-50 kerana *movie* yang dilakonkannya ialah Puteri Gunung Ledang. Oleh itu saya pun pergi melawat Gunung Ledang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bila pergi Yang Berhormat?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebab menerusi, sebab ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bila pergi?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebab menerusi...tidak berapa lamalah selepas tayangan program itu...

Seorang Ahli: Pergi dengan siapa itu? *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Ketawa]* *Movie* itu telah siap, saya pun...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu di kawasan mana? *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Ketawa] [Dewan semakin riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kawasan mana? Kawasan Parlimen mana?

Seorang Ahli: Jangan malu.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Entahlah.

Seorang Ahli: Jangan malu, tidak apa.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya harap jangan kacaualah. *Movie* Puteri Gunung Ledang telah mengharumkan Gunung Ledang. Saya telah melawat dan saya agak terkejut, mengapakah begitu mahal bayaran dikenakan dan sebuah kereta dikenakan RM2. Lepas itu kalau dalam kereta tiga orang penumpang RM3, setiap seorang penumpang RM1.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat patut tanya, beritahu Ahli Yang Berhormat kawasan sana. Saya pun terkejutlah mengapa kawasan dia, dia pun tidak bangkitkan, dia pun tidak tahu. [*Dewan riuh*]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang saya prihatin ialah Tuan Pengerusi, *charge* yang begitu mahal yang dikenakan, bagaimanakah mampu kepada orang tempatan yang tinggal di persekitaran untuk mengadakan riadah, untuk ke kawasan ini dan tidak ada apa-apa yang dibekalkan kecuali bilik mandi yang keadaannya juga dalam keadaan yang teruk. Daun-daun, sampah-sarap di merata-rata tempat mengapa *charge* begitu mahal. Bukan itu sahaja, saya ada lawat Ulu Chepoh, di Chemor juga keadaan yang sama tetapi yang ini dia mengenakan sebuah kereta *charge* berapa, tidak ada kemudahan lain yang diberi. Saya haraplah aspek ini diberi perhatian.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan ialah berkenaan Menara Kuala Lumpur. Saya telah dimaklumkan minggu lepas, adik saya dia membawa rakannya dari Korea untuk melawat, dia begitu gembira sekali, boleh tunjukkan Menara Kuala Lumpur tetapi terkejutnya apabila pergi Menara Kuala Lumpur *charge* yang dikenakan berbeza kepada warga tempatan dan juga pelawat asing, bagi tempatan RM8 dan pelawat asing RM20. Kononnya RM20 kerana akan diberi satu audio. Kalau saya kata, kalau adik sudah tahu bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris, boleh terjemah berkenaan Menara Kuala Lumpur mengapa mesti memaksa membeli dengan RM20 dengan audio tersebut yang kononnya untuk memberi *translation*.

Saya haraplah kita jangan ada diskriminasi kalau kita menarik pelancong, biarlah harga yang sama dan tidak ada perbezaan dalam aspek ini tidak ada paksaan, biar mereka pilih sama ada hendak audio atau tidak.

Perkara ketiga saya risau juga adalah berkenaan kononnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada satu baiknya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada satu perkara manis.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Ketawa*] Tuan Pengerusi, ini bergantung kepada individu. Kalau saya bangkitkan ini, hanya puji, puji, puji. Bagaimana hendak perbaiki diri? Kalau semua puji, tidak payah bahaslah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kadang-kadang ada baik juga. Kalau baik, saya pujilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Batu Gajah...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau ada baik saya puji. Macam tadi saya baru puji...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Biasalah, warganegara dengan warga asing berbeza.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ... pelakon *actress* terbaik, kita pun yang menang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pergi Singapura, balik Singapura *free*, orang Johor Bahru pergi Singapore RM30 kena apa?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bagi Sri Gading saya harap jangan kacaulah, saya tidak ada suara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, dia tidak ada suara, jangan kacau, duduk.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Satu perkara yang saya ambil berat ialah berkenaan buku. Buku di mana yang mempromosikan Malaysia di dalam Bahasa Korea, saya bagi contoh. Sebab yang saya tahu, di mana dia ada bagi satu amaran...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ... amaran kepada pelancong dalam Bahasa Korea sebab buku itu untuk pelancong Korea, agar berhati-hati berkenaan dengan peragut beg tangan di China Town dan sebagai pelancong perlu berhati-hati, tetapi kalau tempatan tidak perlu berhati-hati. Inilah yang saya risau. Haraplah perkara ini diberi perhatian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan dan lepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

4.55 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, 010000 020000 saya merujuk kepada Citrawarna dan Pesta Air. Bilangan aktiviti yang dianjurkan bagi citrawarna adalah 96 acara dalam tahun hadapan dan pesta air 32 acara. Saya merayu kepada pihak berkuasa supaya pesta-pesta ini dianjurkan di negeri-negeri mengikut giliran-giliran supaya semua negeri dapat peluang mengadakan pesta-pesta citrawarna dan pesta air tetapi saya nampak di dalam senarai ini tidak ada pesta buah-buahan. Kalau tidak salah saya, pesta buah-buahan perlu dianjurkan oleh kementerian ini di mana pada musim buah-buahan ramai pengunjung-pengunjung atau pelancong-pelancong suka mengunjungi pesta-pesta seperti ini. Saya berharap kerajaan boleh memikirkan pesta buah-buahan ini.

Saya mendapat pengaduan dari kawan dari Taiwan dan negara China bahawa mereka telah dianjurkan untuk melawat ke Malaysia dan mereka di *offer* atau ditawarkan 'zero fee' pelancongan tetapi apabila mereka sampai di sini, mereka di bawa ke kedai-kedai bawa destinasi pelancongan tertentu supaya mereka boleh berhenti untuk membeli belah di kedai-kedai.

Apabila membeli barang-barang dari kedai-kedai tertentu, mereka mendapati harganya adalah berbeza dari kedai-kedai yang di sebelah atau di tepi jalan atau di tempat-tempat yang lain. Ini menunjukkan bahawa kedai-kedai mereka yang dibawa itu harganya adalah tertinggi dari biasa dan mungkin *tourist guide-tourist guide* ini dapat komisen dari kedai-kedai tertentu.

Pengaduan dari kawan-kawan dari Medan, mereka mengadu sebab pelancong Medan ini mereka bukan menyertai kumpulan pelancongan, mereka datang sendiri dan mereka memerlukan perkhidmatan teksi dan mereka mendapati kebanyakan teksi apabila nampak mereka adalah pelancong asing, maka mereka tidak mahu memakai meter dan tetapi tawar menawar seperti dari Bukit Bintang hendak datang ke Petaling Street dikenakan RM10 kalau ikut meter hanya RM2. Mereka juga khuatir berlakunya jenayah-jenayah kerana banyak telah berlaku dan mereka takut keluar pada waktu malam, kalau waktu siang mereka berani keluar tetapi waktu malam mereka tidak berani keluar untuk bersiar-siar, sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

4.58 ptg.

Menteri Pelancongan [Datuk Dr. Leo Micheal Toyad]: Terima kasih Tuan Pengerusi, sebelum saya menjawab saya ingin menyatakan ucapan terima kasih atas

penglibatan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan pandangan kepada Kementerian Pelancongan di peringkat Jawatankuasa ini. Saya cuba menjawab apa yang telah dibangkitkan dan seterusnya supaya apa yang tidak dapat jawab, saya akan jawab secara bertulis.

Yang Berhormat bagi Bera tadi telah membangkitkan mengenai perkara strategi kementerian untuk memastikan pelancongan-pelancongan jarak jauh datang ke negara kita dan juga mengenai aktiviti konvensyen di negara kita. Strategi kita sekarang untuk menarik pelancong jarak jauh datang ke Malaysia ialah memberi tumpuan kepada publisiti imej Malaysia melalui *branding* yang konsisten iaitu Malaysia *Truly Asia* dengan penekanan kepada *sub team* yang mengikutkan kehendak pasaran tertentu, adakah pasaran di bahagian Eropah atau di Asia Barat atau di Jepun, di China, Australia, South Afrika atau Amerika itu mengikutkan selera dan juga permintaan atau minat mereka untuk melancong secara *leisure* ataupun *business*.

Kita menggalakkan program *Mega Fam* dan juga *Make It to Malaysia* memberi publisiti secara temasya atau pesta yang dianjurkan oleh negara ini dan menggiatkan lagi publisiti untuk menerusi agensi-agensi perhubungan awam dilantik pasaran terpilih menjalankan usaha-usaha promosi. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya pada tahun ini dan tahun yang lalu, kita telah meningkat datangnya pelancong di negara-negara yang pemulihan dari negara jarak jauh.

Dan pada tahun ini saya boleh katakan *double digit increase*, kerana satunya sebab *connectivity* telah bertambah seperti Perancis, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memohon supaya ditambahnya *flight* dari Paris, kita telah dapat meningkat dan begitu juga dari South Afrika. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita melawat ke sana, yang pentingnya ialah satu, bukan semata-mata promosi, tetapi dari segi promosi kita telah dapat menapak di tempat-tempat yang tertentu. Dengan menunjukkan kesan ini bahawa kita sekarang menumpukan kepada *market-market* yang tertentu khususnya seperti di Eropah, kita menggalakkan pelancong kebudayaan atau pelancongan dari segi *eco-tourism* dan bukan kita menggalakkan *shopping*.

Kalau *shopping* ini adalah satu yang digalakkan di satu pasaran yang tertentu seperti India, Asian market dan juga *some of the East Asia market* dan *West Asia market*. Ini bukannya semua *market* yang kita dapat membawakan pelancong-pelancong untuk *shopping* di Malaysia. Jadi yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa kita melihatkan kebanyakan 60 peratus dari ASEAN, ini memang *regional base for us*, kerana jarak jauh ini kita perlu meningkatkan lagi usaha-usaha kita, *packaging attraction* yang dapat menarik mereka terbang 13 jam dan yang duduk di sini lebih dari 8 hari untuk menarik minat mereka untuk datang ke Malaysia.

Begitu juga kita lihat tidak lama lagi kita akan cuba menarik pelabur-pelabur dari luar yang berminat untuk melaburkan dalam bidang *tourism* kita. Kalau kita lihat dengan teliti bahawa kegiatan-kegiatan di negara jiran kita banyaknya melibatkan *interest* dari luar negara yang wujud di tempat-tempat itu dan selain dari usaha negara itu memasarkan produk mereka, mereka sendiri dari negara seperti Germany, Perancis, Sweden, Australia dengan Bali banyaknya yang minat kerana ada pelaburan mereka di sana juga. Jadi inilah cara kita akan terus membangunkan industri pelancongan di negara kita ini.

Mengenai perkara kedua yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kita tidak dapat menarik untuk AIKA dan juga WTO punya *assembly* kerana kita di sini telah kalah dari segi *networking* kita. Dari segi *networking* dan usaha-usaha kita untuk mendapatkan lagi sokongan lebih dari negara seperti Perancis, Sepanyol, Portugal iaitu *European countries* yang masih belum dapat memberikan begitu kuat sokongan apabila kita mengendalikan usaha seperti ini.

Walau bagaimanapun kita telah mendapat pengalaman dan peluang untuk menceburi dan menarikkan bidang ini. Bagaimanapun kementerian telah menubuhkan badan untuk menarik biro yang khususnya bagi meningkatkan lagi MICE atau *Meeting Incentive Convention*. Kegiatan *tourism* kita dan juga menarik mesyuarat-mesyuarat yang besar untuk selain daripada *tourism* ke negara kita kerana konvensyen *facilities* kita telah dipertingkatkan dan *state-of-the-art*, dan kita dapat menarik lebih banyak lagi konvensyen

ke negara kita. Pada tahun yang akan datang kita dapat tiga atau empat dan lima buah konvensyen yang tidak kurang dari 1,000 orang peserta.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Bera bangun.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, terima kasih. Saya hendak balik ke belakang tadi, mengenai kedatangan pelancong-pelancong jarak jauh. Seperti yang kita tahu bahawa kedatangan pelancong jarak jauh di sekitar 10 peratus sahaja. Ini mungkin ada perkara yang tidak kena dengan promosi yang kita buat. Cuma saya hendak tanya, dari segi sasaran pihak Kementerian berapa peratuskah pihak Kementerian buat sasaran untuk pelancong-pelancong dari jarak jauh ini?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Yang saya katakan tadi bahawa kita telah membuatkan *market segmentation* sekarang mulai tahun yang lalu dan *approach* ini telah memberi kesan yang saya katakan tadi, tetapi terhad kepada *connectivity* antara negara kita dengan negara *origin of tourist*. Walau bagaimanapun ini kita telah membaik pulih dari keadaan dalam 2003 di mana jatuhnya lebih besar dan peningkatan itu adalah menunjukkan dan boleh dikatakan kita dapat menunjukkan kesannya bahawa kita tumpu dengan sepenuhnya *the marketing strategy, the promotion, the production for sure is specifically to that market of origin*.

Biar kita tidak menggunakan *global market*, di mana kita kadang-kadang tidak begitu teliti setelah kita menjualkan pakej itu dan pakej itu tidak menjadi minat, bila pertama kali kita tanya dengan mereka mengapa tidak pergi Malaysia? *Oh! I know Malaysia is a beautiful country but what is it that I do there? So there is no proper packaging* untuk destinasi itu. Jadi inilah yang kita pada masa kini mula membuatkan supaya tiap-tiap segmen itu kita menggunakan *all the strategies that it is available today*, menerusi *improvement in terms of packaging, brochures production and the wording and the tag line that we use* digunakan untuk *market* tertentu dan begitu juga dari segi kita menggunakan, baru bulan ini saya rasa saya dapat melancarkan satu *direct internet activity* untuk kawasan Europe yang baru kita mulai iaitu www.tourismmalaysia.com.my.uk dalam bahasa Spanish, Perancis dan juga German.

Jadi ini akan memberi lebih maklumat yang tepat kepada mereka dan cepat dan begitu juga kita akan menggunakan saluran ini untuk terus menangkiskan apa-apa laporan-laporan yang negatif terhadap *tourism* kita di negara yang tertentu itu, di segmen itu. Kita terus akan menggunakan *real time information* untuk mereka dan kita dapatlah mengatasi masalah-masalah yang dihadapi selama ini, di mana maklumat dan informasi itu masih lambat sampai kepada saya, seperti kalau kita lihat selepas tsunami kita dapat pulih cepat walaupun dari *market* Cina dan Taiwan dan juga Hong Kong tadi, kita nampak dari tsunami, masa tsunami belum meningkat lagi kerana ada banyak sebab bukan satu sahaja sebab tetapi saya akan jawab nanti, tetapi yang pentingnya ialah kita nampak market dari Jepun dan juga Korea telah meningkat, dari Australia pun telah meningkat selepas pertengahan tahun ini.

Yang Berhormat dari...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Menyampuk]

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: [Ketawa] Tunggulah. Yang Berhormat dari Tuaran tadi telah membangkitkan mengenai *Home Stay Program* ini. Kita hanya memberi peruntukan dari segi promosi dan input untuk mengadakan kursus dan latihan. Dari segi kemudahan dan pembangunan infrastruktur ini adalah kita beri di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Ini adalah satu kerjasama yang dapat memberikan pembangunan *Home Stay Program* dan kalau kawasan Yang Berhormat mahu memohon kita boleh melihat dan membuat *study* dan terus menguruskan. Yang pentingnya ialah tempat itu adalah dapat bekerjasama di antara penduduk-penduduk kampung dan juga pemimpin-pemimpin di kampung itu.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Santubong bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Ya, tunggu sebentar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tunggu Yang Berhormat.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Pendaftaran *home stay* ini adalah hanya mengambil masa satu atau dua bulan sahaja dan kita memberi kursus dan kesedaran produk dan juga dari segi promosi kita juga membawa wakil-wakil dari *Home Stay Program* ini khususnya ke negara-negara yang tertentu di mana *Home Stay Program* ini dapat minat iaitu seperti Jepun, Korea, Germany, Francis dan Itali dan termasuk juga United...

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Santubong, sila.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mula-mula saya hendak ucap terima kasih kepada Menteri dan kementerian kerana dengan bantuan dan usaha pihak Menteri dan kementerian saya sudah mengadakan *home stay* di kawasan saya dan 120 orang sudah diberi kursus dan mereka ini telah mula mengusahakan *home stay* mereka, tetapi persoalan kita di sini kita mempunyai perancangan kita sendiri di peringkat bawah bahawa *home stay* ini kita *produce*kan produk persekitaran dan sebagainya tetapi masalahnya satu sahaja yang berbangkit iaitu pengangkutan orang daripada satu tempat ke satu tempat yang lain.

Masalah orang *home stay* ini dia tak boleh minta lesen untuk *operating* kereta di bawah kementerian oleh sebab dia tak ada *travel agency* yang hanya dibenarkan meminta lesen di bawah kementerian ini. Jadi saya bertanya dengan pihak menteri adakah kita bercadang supaya pihak *home stay* ini juga ataupun jawatankuasa *home stay* ini juga dibolehkan minta lesen kepada kementerian ataupun ahlinya dibolehkan mendapat lesen supaya boleh orang kecil-kecilan ini, orang kampung ini yang kebanyakannya daripada bumiputera ini, yang tidak mampu mewujudkan ataupun menubuhkan *travel agency* mendapat kereta, mungkin van, mengangkut orang yang diambil di kampung-kampung ini suruh pergi ke tempat-tempat pelancongan yang menarik di persekitarannya. Macam mana menteri? Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih, Yang Berhormat Santubong. Ini adalah satu perkara yang baru yang mungkin ini akan dipertimbangkan kalau cukup untuk kita menggiatkan supaya kegiatan di kampung itu dapat ditambah nilai menggunakan van sendiri ataupun kita boleh pertimbangkan cara mana kita dapat mengendalikan kerana *home stay* program ini adalah baru kita majukan dan menarik minat lebih dari banyak kampung sekarang minat untuk diadakan dan kita mengharapkan dalam tahun Rancangan Malaysia Kesembilan kita dapat menambah lagi kerana kalau keseluruhan negara kita kebanyakannya *home stay* program sekarang adalah lebih dari 1,000 peserta. Ini peserta sahaja yang ada dan kalau di Sabah mencecah sehingga lebih dari 500 buah kampung. Jadi ini kita akan kajikan dari semasa ke semasa dan mengikut keperluan kalau dapat menambahkan nilai kepada produk ini.

Yang Berhormat dari Puchong telah membangkitkan mengenai mengambil tindakan mengenai .. [Merujuk kepada dokumen-dokumen] Sorry. Dari Jerai tadi yang telah membangkitkan mengenai isu *visitor's card* ini, ini satu cadangan yang baik, dan yalah,...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: ...saya boleh katakan kita telah kadang-kadang idea baik ini kita sama-sama dapat jalankan dan pada masa kini kita sedang berunding dengan *master card*, *business card* dan juga *Jutaria card* untuk menggalakkan *shopping*, menggalakkan perbelanjaan di negara kita dan menyenangkan lebih lagi ini satu sistem yang dapat menikis *snatch thieves* lah. Kalau kita bawa *cash* banyak kita menggalakkan dirompak, kalau kita bawa kad sahaja kalau dia hilang kita terus dalam setengah satu jam itu dapat dimatikan menggunakan telefon. Jadi ini satu idea yang bagus dan kita akan cuba

lancarkan secepat yang mungkin dan khususnya untuk penggunaan pelancong dalam dan luar negeri.

Yang Berhormat dari Larut telah membangkitkan mengenai ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan, Yang Berhormat. Hak yang saya kata Gunung Jerai itu? Yang Berhormat tak jawab.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Oh, Gunung Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Gunung yang ketiga tersejuk di Malaysia. Saya sebut sedikit, satu yang Genting.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai. Gunung Rumako di Sipitang lebih tinggi lagi daripada Gunung Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu saya kata yang turun nombor tiga itu fasal satu Gunung Kinabalu, kedua Cameron Highlands, ketiga Jerai. Kepong tak ada apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat dari Jerai, saya yang terlupa untuk menyebut, tetapi kerajaan tidak lupalah untuk mempromosikan Gunung Jerai. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan untuk menyediakan bekalan air sehingga ke puncak Gunung Jerai dan selain daripada itu sebuah muzium perhutanan yang bernilai RM2 juta telah pun siap dibina dan juga sebanyak RM3.0 juta telah dibelanjakan untuk menyediakan kemudahan asas di kaki bukit Gunung Jerai seperti 13 unit gerai, pusat informasi, landskap dan papan tanda.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Boleh tak saya minta jasa baik Yang Berhormat seorang yang baik, seorang yang lama dalam politik, bolehkah Yang Berhormat buat hotel elok-elok sikit, Yang Berhormat, di atas itu? La ni *chalet* teruk, Yang Berhormat, kadang-kadang kita duduk *chalet* itu pun dia nampak di bawah, jadi orang tak mahu, takut nak duduk, nampak lantai dia renggang semua. Jadi kalau Yang Berhormat boleh buat...

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Enam tahun dulu saya pergi sana belum, masih baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sekarang kayu dah reput, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Okay, saya tengok lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Buat *chalet* yang elok sikit supaya saya boleh bawa Kepong tunjuk fasal Kepong dulu hina saya. Dia kata Gunung Jerai tak elok. Jadi saya nak bawa Kepong nak tunjuk yang Kerajaan Barisan Nasional boleh tolong bangunkan Gunung Jerai. Gunung yang ketiga terbaik di Malaysia dan keadaannya lebih kurang macam Switzerland.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: [Ketawa] Di masa matahari turun, Kedah memang cantik masa *sunset*. Kalau naik ke Alor Setar, Menara Alor Setar pun yang kita promosikan sekarang sebagai satu destinasi untuk *honeymooners*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kepong. Apa lagi Yang Berhormat Kepong? Tak ada kena-mengena dengan Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia cemburu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini bukan sahaja di Jerai, banyak tempat di Jerai terutamanya kadangkala itu tak begitu bersih, sampah sarap dan dewan serba guna itu untuk baja dan sebagainya dan juga kita kadangkala ada itu orang yang kencing belana di situ, itulah masalah di Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of order*, Tuan Pengerusi. *Point of order*, Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Adakah Yang Berhormat...?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of order*. Dia menghina Parlimen Jerai. Gunung Jerai itu adalah tonggak Parlimen Jerai. Yang Berhormat yang pergi kencing berdiri, macam mana salah saya? Ada bilik air, Yang Berhormat tak cari.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad : Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw Giaw [Kepong]: Itulah masalah, kita mesti ada disiplin sedikit.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Yes. Terima kasih Yang Berhormat. Memang ini satu masalah yang kita masih hadapi ialah untuk *sustaining* atau *maintenance* punya *culture*. Ini masih kurang dan banyak projek-projek kita jalankan kita telah usaha supaya ia dapat menghidupkan sendiri atau berdikari, dan usaha-usaha untuk melaksanakan supaya program ataupun pengurusan produk-produk yang kita sedia ada dapat dipertahankan termasuk mana *maintenance and cleanliness* dan juga *maintenance in terms of sustaining the quality of the product*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong, Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri. Mengenai kemudahan-kemudahan asas di bawah kementerian, saya difahamkan bahawa sesuatu kemudahan asas itu, mula-mula kita dapat peruntukan daripada kementerian untuk membinanya tetapi selepas itu dia akan diserahkan kepada PBT atau Pihak Berkuasa Tempatan, dan ini masalah *maintenance*. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat melalui kementerian untuk menubuhkan satu unit atau satu jabatan - Jabatan Prasarana - ataupun lain nama-nama yang sesuai untuk mengendalikan semua kemudahan asas ini di bawah terus kementerian Yang Berhormat Menteri supaya *maintenance* dan segala ubah suai dan juga penambahbaikan semua kemudahan-kemudahan asasnya seperti tandas dan sebagainya dapat disegerakan ataupun konsep *privatization*? Apakah pendapat Yang Berhormat?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih. Memang usaha kita untuk mencari jalan bagaimana kita terus dapat meningkatkan *maintenance* produk-produk yang kita telah bangukan dan Kementerian Pelancongan sendiri telah mendapatkan peruntukan ini dan untuk membaik pulih banyak produk-produk yang pada masa kini perlu perhatian yang secepat mungkin dan kita telah cuba untuk, belum membuat satu bahagian tetapi mendapat satu peruntukan yang dapat mengendalikan atau menjalankan *maintenance* selepas kita membuatnya. Tetapi kita menggalakkan supaya produk itu dapat diuruskan secara persendirian supaya ia dapat, kerana *if the product is popular, it should be earning an income*.

So, kita akan mengkaji produk-produk yang tertentu dan seterusnya kalau boleh *diprivatize*, kita *privatize*kan secara pengurusan. Yang Berhormat bagi Larut tadi telah memaklumkan seperti *sport tourism*. Memang *sport tourism* sekarang menjadi satu tumpuan yang besar, *events* untuk menarik pelancong-pelancong dari luar ke negara kita.

Ini kerana selain dari *cultural tourism* atau *natural eco-tourism*, kita juga mengadakan *event tourism* seperti Formula One, *Monsoon Cup*, *Royal Regatta Yacht*, *Sail Asia* dan juga kegiatan seperti *Motocross Tour De Langkawi* yang semua ini kita mengharapkan, dan kita juga merancang *Malaysian Golf Open* dan juga ada dua, tiga rancangan masih kita berbincang supaya *event-event* tertentu yang kita nampak pada masa kini banyak seperti disebut oleh Yang Berhormat, tarikan seperti *competition* yang kita nampak dalam bahagian tenis. Ada juga *sporting-sporting* yang popular dan seperti *beach volleyball* dan sebagainya dan dapat menarik *tourism* dari tempat-tempat tertentu.

Kalau kita lihat, banyak yang menarik kegiatan seperti ini dan kita telah berjaya juga mengadakan seperti *Amazing Race* atau *Fear Factor* dan juga di Kuala Lumpur itu juga dapat menarik *tourists*, tetapi juga mempamerkan produk-produk kita yang sedia ada semasa ditonjolkan di kaca TV. *Sail Asia* atau *Regatta* dan *Monsoon Cup* ini adalah satu

kegiatan yang dapat menarik *special niche market* dan ia telah menunjukkan bahawa tarikan ini juga dapat menarik *business investors* juga.

Kalau kita lihat dari kegiatan seperti ini di mana penglibatan-penglibatan pihak yang tertentu dapat juga menarik perhatian dunia kepada produk-produk pelancongan. Seperti yang kita sebut tadi, kalau tidak ada *Monsoon Cup*, mungkin di hujung tahun tidak ada orang hendak pergi ke Terengganu. Begitu juga kalau kita lihat, sekarang kita juga dapat menarik minat pemain bola sepak. Kalau kita menarik pemain bola sepak dapat datang ke negara ini atau pelbagai sukan, dan ini adalah satu kegiatan yang pada hari ini nampaknya *very popular* untuk menarik dan menjadi sebab pelancong-pelancong melancong ke luar negara dan ke tempat negara-negara tertentu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, saya sebutkan ini kerana...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini Larut, ini Larut.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya sebutkan ini kerana TV *right*. Kita masih lagi tertinggal Yang Berhormat, terkebelakang. TV *right* yang kita dapat. Jadi peluang ini kalau ada, kita akan dapat siaran-siaran langsung. Ini akan mendatangkan tambahan pendapatan kepada negara kita. Jadi sebab itulah... Umpamanya macam tadi, itu sebahagian hanya secara *general*. Kita tengok bagaimana kesan hasil lombong, lombong-lombong yang tertinggal. Umpamanya di Lembah Kinta yang masih banyak tertinggal, yang tidak digunakan. Dahulu suatu ketika musim jet ski dan ini mungkin boleh memberi peluang kepada pelancong-pelancong yang berpendapatan sederhana untuk mengambil kesempatan ketika berada di sini untuk mencuba sukan ini. Itu pandangan saya. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Ya. Kita memang menggalakkan pihak-pihak badan swasta yang tertentu yang dapat menarik *event* yang mendapat hasil yang baik, kita kaji dan kita dapat sokong dari segi promosi dan juga cara-cara yang lain, kita dapat sokongan dan *endorsement* daripada program itu. Tidak kira *event*nya tetapi yang pentingnya, ia dapat tarikan dan juga dapat status seperti *international event* dia punya *coverage*. Begitu juga kita, Kementerian Belia dan Sukan bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dalam bidang untuk mendapatkan kegiatan-kegiatan di bawah ESPN. Kita sekarang sama-sama ada kontrak di tempat itu dan juga mempamerkan sukan sebagai satu tarikan untuk pelancongan. Yang Berhormat bagi Kepong...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, sikit Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, sebenarnya kita di Malaysia ini *souvenirs*. Malaysia punya *souvenirs*. Saya lihat macam Vietnam, sungguhpun negara yang hancur kerana peperangan, tetapi hari ini kalau kita melawat Vietnam, di mana-mana sahaja dia ada kedai *souvenirs*. Kedai kerja tangan dia orang, kedai promosi. Kedai barang-barang untuk pelancong bawa balik. Jadi saya lihat di Malaysia ini tidak sebegitu. Kalau kita jalan ke kawasan-kawasan *shopping center* pun kadang-kadang kita tidak dapat kedai-kedai *souvenirs* ini. Jadi apakah Yang Berhormat ingin menyarankan supaya kedai-kedai *souvenirs* ini diadakan di *spot-spot* pelancongan dan juga di pintu masuk negara kita, pintu keluar negara kita supaya *tourists* ataupun pelancong-pelancong yang datang ini boleh membeli *souvenirs* ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Yang Berhormat, memang kita menggalakkan kalau kita pergi *sales mission* ke luar negara, kita membawa bahan-bahan untuk promosi dan juga untuk menarik minat. Dari segi *marketing* dan juga *production*, ini adalah di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan juga Kementerian Perusahaan tetapi menerusi

jawatankuasa kami, kita akan mengkoordinasikan supaya produk ini. Memang kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menyatakan bahawa kita perlu meningkatkan lagi pameran dan juga kualiti produk tempatan kita untuk menjadi satu tarikan kepada pelancong-pelancong yang datang dari luar negara.

Pada masa sekarang, saya nampak ada usaha-usaha meningkat dan dari segi kualiti, nampaknya telah meningkat banyaknya dari segi ukiran dan juga anyaman dan juga dari manik-manik yang dibuat oleh *cottage industry* kita dan usahawan kecil kita dan cuma seperti mana Yang Berhormat katakan, meningkatkan lagi *marketing* dan pameran produk ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Satu lagi Yang Berhormat. Kalau kita pergi ke negara-negara Barat, kalau musim buah-buahan, dia bawa kita ke *farm* dia. Kita petik buah *apple*, kita petik *strawberry* dan sebagainya tetapi kalau musim buah-buahan negara kita, contohnya musim rambutan, buah durian dan sebagainya, saya tidak nampak lagi *tourists* ini dibawa dengan bas-bas ke dusun-dusun.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pasal semasa saya menjadi Pengerusi FAMA, saya *promote* buah rambutan di England, orang putih terkejut. Dia terkejut. Dia kata tidak ada dalam dunia buah ada bulu. [Ketawa] Tidak ada. Bulu dok di luar, tidak ada. Jadi bila kita potong buah, bagi dia makan, "*delicious*", dia kata, "*delicious*". Tetapi kita bagi dia makan sendiri, dia tersilap makan, dia tokak dengan biji-biji, dia terkejut. Dia kata, "*Suddenly become bitter*". I kata, "*No. You just take the flesh, not the seed*". [Ketawa] Jadi, kita kena bawa dia orang. Beritahu dalam kita punya *itinerary* bahawa dalam musim rambutan bawa, musim durian makan durian. Kita tengok Mat Salleh kalau dia makan durian, dia kata, "*Class, the smell better than cheese*". Ya. Jadi ini pandangan saya Yang Berhormat, ya.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Memang yang tadi kita promosi buah-buahan ini, kita bekerjasama dengan Kementerian Pertanian menerusi kegiatan buah-buahan dan musim. Memang ada rancangan dan ini pakej-pakej tertentu untuk negara-negara tertentu dan juga seperti buah-buahan tempatan, kebanyakan kita mengikut musim dan semasa itu kita mengadakan Pesta Buah-buahan tetapi sekarang Pesta Buah-buahan juga dikendalikan bersama dengan Kementerian Pertanian.

Yang Berhormat bagi Kepong telah menyentuh mengenai koordinasi. Ini kita telah selesai masalah ini di mana kita telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Pelancongan dipengerusikan oleh Yang Amat Timbalan Perdana Menteri dan telah ditubuhkan pada bulan Ogos tahun ini dan telah mengadakan mesyuarat di mana banyaknya masalah, antara kementerian terlibat seperti Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Keselamatan dan pelbagai kementerian yang lain yang perlu seperti pengangkutan, sukan dan juga *Finance Ministry*, imigresen dan sebagainya pun telah dicantumkan dalam *committee* ini.

Dan saya berharap isu-isu yang saya dengar tadi yang disebut memang banyak salah tafsiran dengan apa yang terjadi di Malaysia pada bulan yang lalu atau minggu yang lalu tetapi kita berusaha meningkatkan lagi *public relation* dan juga imej Malaysia dan sebenarnya memberikan kenyataan yang memperbetulkan gambaran-gambaran yang telah terdapat di luar negara khususnya oleh pelancong-pelancong asing.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya nampak Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri sudah pergi ke China. Adakah dia diundang oleh pihak China dan siapa yang menemui Yang Berhormat Menteri? Sama ada pegawai peringkat menteri ataupun timbalan menteri di negara China yang menemui pihak Yang Berhormat Menteri. dan apakah hasil yang sebenarnya daripada penemuan menteri dengan pihak negara China?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Hasilnya kita tungguhlah laporan dari Yang Berhormat Menteri sendiri tetapi dalam senarai pegawai tertentu ialah peringkat Menteri Hal Ehwal Negeri dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan juga peringkat Menteri Pelancongan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Ya, di peringkat itu kita bertemu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa usaha ada dibuat untuk memperbetulkan apa yang berlaku baru-baru ini. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju sebenarnya apa yang berlaku nada dalam Dewan hari ini tidak akan membantu usaha-usaha untuk membetulkan masalah-masalah yang timbul oleh kerana nampaknya menafikan ada masalah, sebaliknya ada menyalahkan mereka yang mahu masalah ini diselesaikan.

Adakah Yang Berhormat Menteri sedar mengenai laporan yang terkini, ini daripada Xinhua Net yang berbunyi mengenai lawatan Yang Berhormat Menteri kita ke negara China yang berbunyi dengan izin, *"China urge the Malaysian side to continue making thorough investigations on the assault and humiliation of Chinese citizen in Malaysia. Shen Guofang, assistant to Chinese Foreign Minister said here, Monday: The Chinese Government values the protection of dignity and safety of Chinese citizen and deeply concerns about the incident, Shen said when visiting Malaysian Minister of Interior, Azmi Khalid. Shen reiterate Chinese Principal and position of the cases saying that the Chinese government deeply concerns about the matter, the Chinese citizen said been successfully humiliated and assaulted in Malaysia. China hopes that the Malaysian side will fully realize the urgency and greatness of the matter, Shen said urging Malaysian side to conduct a thorough investigation on the cases then an earnest and responsible manner, sternly punished the offenders involved the cases in accordance with law at early day and take effective measures to prevent the reoccurrence of such incident."*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukankah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah baca, Yang Berhormat, panjang-panjang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Pardon?*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah baca panjang-panjang berita-berita itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu berita terkini, oleh kerana supaya Parlimen tahu dan sikap ini kita bantu bahawa kita mahu perbetulkan perkara ini.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sikap ini kalau dilaporkan tunjuk Dewan yang tertinggi tidak ada ikhlas, tidak ada jujur, janganlah untuk kebaikan negara, kita cinta negara. Saya datang untuk minta penjelasan Yang Berhormat Menteri adakah sedar, ada bersetuju bahawa apa yang berlaku sangat serius. Sebenarnya kejatuhan pelancong-pelancong dari negeri China daripada 580,000 kepada lebih daripada separuh yang mengakibatkan kerugian mungkin RM2 bilion.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Berbilion ringgit, satu masalah besar dan mungkin kerosakan yang diakibatkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kelakuan beliau mungkin akan menyebabkan kerugian beberapa bilion ringgit kepada Malaysia. Apakah tindakan yang lebih konkrit yang akan diambil oleh kerana Timbalan Menteri kata ada beberapa cadangan hadiah-hadiah yang akan diberi untuk menarik pelancong-pelancong negeri China. Adakah dia sedar bahawa ini tidak akan ada apa-apa efek kalau masalah pokok ialah bahawa mereka datang selamat, tidak akan menjadi mangsa, semacam semua manusia di Malaysia, perkara tidak boleh diselesaikan, itu yang pokok.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Ya, terima kasih Yang Berhormat atas laporan yang terkini. Memang dalam kita berbincang, kita memang pergi ke negara China atas usaha kita sendiri, *it's our effort to mend whatever perception they have*. Jadi ini usaha yang penting dan saya percaya langkah yang mereka menerima kita untuk berbincang dan meneliti apa usaha yang dapat dibaiki haruslah menjadi satu petanda bahawa usaha-usaha ini adalah cerah dan juga akan memperbaiki atau memulihkan keadaan yang sedia ada.

Dalam diplomasi, kalau mereka tidak ingin berjumpa ertinya kita tiada jalan dan tiada masa depan yang baik atau cerah untuk kita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat telah ada dua, tiga orang Yang Berhormat telah membangkitkan termasuk Yang Berhormat bagi Bera dan Puchong banyak menyentuh keadaan analisis atau *Chinese market* ke Malaysia. Ingin saya menjelaskan di sini bahawa pada tahun 2005, kita sampai September menerima 229,384 pelancong dan kalau dibandingkan dengan September 2004. Dalam bulan September 2004, kita telah berjumpa dengan pihak tertentu kerana tahun 2003 adalah lebih kurang 200,000 yang datang ke Malaysia. Kita memulihkan semula *the image and the public relation with China* dan saya berjumpa dengan *Chairman* sendiri dan kita malariskan, kita telah meningkatkan lebih dari 500,000 iaitu meningkatkan 50%.

Kali ini mulai dari masa *tsunami*, kita nampak telah menurun kedatangan sampai akhir tahun ini dan saya ingin menyatakan kita memang sedar dari bulan Februari dan bulan Mac sudah nampak trend ini di negeri China dan kita telah terus mengundang pihak-pihak tertentu, *consultant* untuk melihat apa sebabnya kita telah menurun. Dan mengikut perunding yang tertentu iaitu Alter Delittle, hasil kajian tersebut iaitu satu *post tsunami* di mana banyaknya *cancellation* dan mereka telah pergi ke tempat lain kerana yang disebut mungkin *are not being that* tapi ada sebab juga disebut masa saya datang ke negeri China itu hari, ialah mereka tidak mahu pergi ke tempat itu sebelum, selepas dari 100 hari atau lebih dari setahun dan ini adalah satu ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey, tsunami itu. Penjelasan, penjelasan.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tunggu, saya belum habis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oh belum habis, okey, penjelasan ya.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Yang keduanya, *the first reason for tsunami. Second reason, Malaysia is reaching a maturity market as tourist destination. So* sekarang kita nampak *tourist* dari China datang sini ialah *free independent travelers, there's no more of those group travelers. Group travelers* itu yang jadi masalah tadi, yang disebut oleh Yang Berhormat tadi ialah *zero tourist*, yang ini saya akan bawa kemudian.

Ketiganya, *accelerated promotion of domestic tourism in China*, antara *city* di mana mereka yang di *province* yang lain telah meningkatkan pendapatan atas usaha, ada program-program *economic improvement within the region*. Mereka datang ke tempat dari misalnya dari Yuhan pergi ke Shanghai atau dari Shanghai pergi Kungming kerana tarikan dalam negara itu sendiri pun lebih besar, kalau boleh katakan *big enough even for almost the whole region*. Kalau kita lihat walaupun seperti kita lihat *the new world* di Shanghai atau *the small world in Shanghai and the Disneyland in Hong Kong, it's enough to attract their own domestic tourism*. Jadi, inilah satu sebabnya juga.

Keempat, *the travel advisory* yang telah di *issued oleh China listing Malaysia as a "cautionary country"*. Ini adalah salah tafsiran dan lihat kita telah atasi.

Kelima, *recent approval of another 27 approved destination status*. Iaitu pergi ke negara Eropah dan di mana *direct flights from Shanghai to Paris, to Rome, to Milan and then some to America and now also Chinese tourists to Korea that has increased. So, these are the some of the reasons;*

Keenam, *greater opportunity and cheaper flights to other destinations beside Malaysia;*

Ketujuh, *of course one of the reasons is*, apa yang kita lihat, inilah *negative publicity. That is only one out of the ten reasons actually;*

Kelapan, Visa *validity* kita juga menjadi satu isu di mana pengeluaran visa lambat dan juga visa yang tidak cukup panjang untuk mereka datang ke Malaysia;

Kesembilan, *Companies searching for new destinations for intensive travel, that's the group travel; and then*

Kesepuluh, *more and more foreign education institutions are opening in China, where the attraction for education tourism is decreasing to Malaysia.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Leo Micheal Toyad: Ya?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa yang Yang Berhormat Menteri kata itu benar bahawa lawatan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ialah atas inisiatif kita sendiri, kita harus puji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana keputusan beliau yang berani dan *forward looking* untuk *repair* masalah-masalah dan kerosakan dalam perkara ini tetapi kalau begitu kenapa kita tidak Kementerian Pelancongan, khasnya yang bertanggungjawab mengenai usaha menggalakkan pelancongan tidak sama-sama *forward looking* untuk memberi taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen supaya dalam Dewan yang mulia ini mengeluarkan pandangan-pandangan yang nampaknya bertentangan dengan usaha kita. Bahawa kita akui ada masalah, kita rela untuk menghadapi, perbetulkan dan kita tidak menganggap semua ini dalam *negative light*, semacam apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kata dalam surat khabar hari ini, "*Government Departments and Agencies should not regard negative reports against them as public bashing*". "*As public bashing*", semacam apa yang berlaku mengenai masalah polis bukan polis *bashing* tetapi apa yang kita dengar.

Ini bertentangan dengan usaha-usaha ini. Kenapa tidak ada satu taklimat diberi supaya Ahli-ahli Parlimen boleh memberi pandangan yang tidak bertentangan dengan usaha yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kedua, memandangkan bahawa pengumuman dibuat oleh Timbalan Menteri semalam bahawa *target* kita ialah untuk menarik satu juta pelancong-pelancong dari negara China. Bukankah ini *target* dibuat sebelum peristiwa baru-baru ini.

Kalau peristiwa baru-baru ini, masalah akan akhirnya memastikan bahawa jumlah pelawat-pelawat, pelancong-pelancong negara China, apabila tahun depan sama dengan tahun ini, lebih kurang 300 ribu, bukan bererti kita akan rugi RM3.5 bilion. Seorang usaha Timbalan Menteri boleh merosakkan dua, tiga bilion ringgit. Apa tindakan diambil supaya Ahli-ahli Parlimen tidak bercakap sangat luar supaya mereka pun tidak menambah kerosakan kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...pelancongan dan ekonomi negara kita.

Datuk Dr. Leo Micheal Toyad: Yang saya kata ini, Yang Berhormat, terima kasihlah kerana yang saya telah katakan tadi memang usaha kita sendiri *forward* proaktif untuk - kerana kita memang menganggapkan *the China market as a very important market for us in tourism*.

The minimum achieved target yang kita buat RM1 million adalah sebelum *tsunami* tahun lalu, bulan November, bila kita merancang bajet kita untuk tahun depan. Tetapi atas banyak sebab yang saya katakan tadi, 10 sebab ini tadi adalah mulai merosot dari segi kedatangan. Kita telah meningkatkan lagi usaha-usaha meneruskan program-program tertentu dan masalah ini diatasi lagi di mana *administrative changes within the structure of the tourism activities in China also were not so supportive*. So, kita cuba memulihkan semula *public relation* ini dengan *perception tourists* yang telah menyatakan, banyak menyatakan, "*We seem not to be welcome*".

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Leo Micheal Toyad: *We had the same problem with Australia before* tetapi lepas itu kita usahakan dengan mengenal pasti perkara-perkara tertentu dan nampaknya kita telah meningkat lebih dari 30% *increase from Australia*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Leo Micheal Toyad: Ini adalah yang saya katakan. Apa-apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat memang benar dari segi kita menyokong supaya, *these are the positive things that has arisen...*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Leo Micheal Toyad: ...dan apa usaha yang kita buat adalah diberi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua yang bangun, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Leo Micheal Toyad: ...*support* dari segi, kalau kita buat yang betul atau yang salah kita tahu dan kesannya sebelum terlambat. Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih. Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Tadi, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa ada 10 sebab mengapa ketibaan pelancong-pelancong China telah berkurangan.

Memang saya tidak menafikan sebab-sebab tertentu tetapi satu kenyataan yang kita harus perhati iaitu bahawa penambahan, kadar penambahan *outbound* iaitu dia punya *tourist* China ini telah bertambah. Tadi saya ada nyatakan bahawa daripada satu *report*, *World Tourism Organization report*, dia orang berkata, kadar pertumbuhannya ialah lebih kurang 37% setiap tahun. Ini satu *market* yang besar. Itu satu persoalan saya hendak tanya, adakah ini usaha-usaha yang selain daripada promosi dan sebagainya, apakah usaha lagi untuk *tap the market* ini, satu.

Kedua, mengenai kadar pertumbuhan pendapatan rakyat negara China pun telah bertambah dan pendapatan yang apa orang kata *purchasing power* itu telah bertambah dengan pertumbuhan ekonominya. Kita nampak ada banyak pelancong-pelancong mereka telah melawati negara-negara maju yang mereka boleh membeli belah dengan kadar yang cepat dan juga kadar yang besar.

Apakah rancangan kementerian khususnya untuk *niche market* ini? Adakah perancangan untuk *tap market* ini iaitu golongan yang berpendapatan tinggi yang boleh *spend money*?

Datuk Dr. Leo Micheal Toyad: Dari *general* memang benar peningkatan kalau kita lihat *outbound tourists* di China *alone is about a hundred over million to all the different parts of the world* dan kalau kita bandingkan *tourists going to China is about 22 million and to Malaysia is about 16-17 million*. Kalau kita lihatkan kegiatan aktiviti *tourism* memang meningkat di serantau ini.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha kita menarik pelancong dari negara China adalah kita meningkatkan lagi perhubungan dengan *Chinese* dan *Show Tourism Administration* yang mengendalikan kegiatan ini dan juga mengambil bahagian dalam *Travel Mart*, *Beijing International Tourism Culture Festival*, *Guangzhou International* dan juga pelbagai aktiviti menerusi badan-badan tertentu.

Menyentuh juga yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka tadi bahawa dalam ini kita ada juga mengadakan badan-badan tertentu di mana *the local people are the ones who are dancing our local dances and Malaysian cultures, for your information*. I think kalau ada kesempatan masa lain mungkin saudara akan nampak banyak kegiatan-kegiatan di mana ada *tourism office* kita, kita terlibat dalam kegiatan. Ada juga kemungkinan program yang dihadiri oleh Yang Berhormat, mungkin mereka tidak dijemput.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Leo Micheal Toyad: Biasanya kita ada satu *brigade*, di mana orang-orang tempatan ingin mengambil bahagian dan kita hantarkan guru-guru dari badan budaya untuk menunjukkan tarian kepada mereka di Jepun, di Korea, di China di Germany di Europe, di Perancis...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Leo Micheal Toyad: ...di United Kingdom. Ini kegiatan yang kita buat untuk menyemarakkan supaya *identification of our cultures are all over the world*. Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya rasa kementerian Yang Berhormat telah membuat beberapa usaha untuk menarik pelancong dari negara China.

Saya rasa ini adalah satu langkah yang tepat, tetapi di dalam Dewan ini kita ada dengar satu *line of argument*, di mana mengatakan "Apa pedulinya?" Seolah-olah mengatakan, "Apa pedulinya kalau orang tidak mahu datang?" Kerana kita tengok Amerika. Amerika pun berlaku juga penyalahgunaan, *human rights* ataupun berlakunya *the human rights issues*, polis juga menyalahkan kuasa tetapi orang hendak pergi ke Amerika juga kerana Amerika dia sebagai *honey* dan *milk* dan Malaysia begitu jugalah. Saya tidak tahu adakah sama ada Kementerian Pelancongan dan Menteri Pelancongan bersetuju dengan pandangan seperti ini, adakah dia akan memberi faedah kepada industri pelancongan?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya tidak dengar *argument* seperti itu. Memang kita sebutkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya..

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: ...memang...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *I thought the* Yang Berhormat ada di sini semalam, Kemaman ucap macam itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lain kementerian, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Itu lain kementerian Yang Berhormat teruskan jawapanlah.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tafsiran saya sebenarnya begini. Memang kita di mana-mana tempat banyaknya kegiatan seperti ini tetapi kita harus berusaha untuk meningkatkan lagi cara kita memasarkan atau menarik pelancong ke negara kita. Amerika ini lain dan negara-negara seperti itu dia punya tarikan yang lain kerana banyak tarikan yang telah *very historical* dan *their level promotion has been establish more than longer period than ours* jadi *market* nya pun lebih besar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi ke Yang Berhormat?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lajukan sedikit.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Ya. Yang Berhormat dari Muar tadi telah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terakhir, terakhir, terakhir 6.15 lagi. Terakhir penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang sangat serius dalam tanggungjawab beliau dan saya puji dia sangat profesional pun sungguhpun latar belakang *medical* tetapi sangat *hard working* ambil perhatian mengenai aliran perbahasan dalam Parlimen ini dua tiga hari dan sangat tidak mengguna untuk membantu memulihkan kepercayaan dan keyakinan bukan sahaja negeri China dan nation China tetapi pun rakyat Malaysia. Bahawa kita adalah *political will* untuk membetulkan apabila berlaku kesalahan-kesalahan atau skandal-skandal yang terbesar yang timbul video klip dan lain-lain, bolehkah Yang Berhormat baca itu hansard dan tahu masalah ini sangat serius oleh kerana tidak menteri

kita dihantar ke negeri China apabila dalam Dewan yang mulia ini Ahli-Ahli Parlimen kata apa guna pergi apa guna layan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...pendirian negara China dan lain-lain supaya boleh ada satu *briefing* atau taklimat kepada Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional supaya mereka lebih tahu apa yang baik untuk negara dan apa yang tidak baik untuk negara.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingat bahawa yang pentingnya kita telah bahaskan dalam Dewan ini dan pandangan-pandangan yang telah diberi. Yang pentingnya kita telah mengambil ketetapan bahawa kita menghantar menteri kita ke negara China untuk proaktif *amendment of perception public relations* dan saya juga masih menunggukan masa saya untuk berjumpa dengan pihak Kementerian Pelancongan di negara itu juga. Ini adalah satu usaha yang perjalanan bukan semata-mata dalam industri pelancongan sahaja tetapi kita memang menganggapkan negara China sebagai sebuah negara yang penting di wilayah ini dan juga seperti sebagai rakan perdagangan dan juga rakan perantau.

Yang Berhormat dari Muar telah menyebutkan bahawa mengenai internet *promotion*, ini kita telah lancarkan saya katakan tadi dan dalam peringkat pelaksanaan portal Malaysia dan dijangka dalam dua tiga bulan lagi akan siap. Juga pembayaran hotel untuk *domestic packaging*, *international packaging* adalah kita sediakan dan untuk *domestic tourism* untuk *international tourist* kita ada pakej-pakej tertentu dan *rate-rate* yang tertentu.

Mengenai pelajar lepasan atau *training* dari bidang ini kementerian telah mengadakan program akan mengadakan Program Malaysia *Welcome to World* untuk meningkatkan lagi cara kita mengendalikan *our formalize services* dan juga pengendalian pengurusan dalam bidang *tourism*.

Yang Berhormat bagi Serdang telah menarik perhatian kepada Frasers Hill dan juga LPPM ini ialah satu LPPM ini adalah peruntukan untuk melancarkan kegiatan dan memberikan promosi dan juga *advertising promotion* dan juga memberikan sumbangan seperti memperkembangkan pembangunan produk-produk baru dalam bidang pelancongan.

Mengenai media dan kreativiti ialah kreativiti ini ertinya di mana *flight* yang cukup dan juga tempat masuk ke luar negeri dan juga tempat *country origin*. Frasers Hill kita telah mengambil perhatian untuk membangun memulih semula keadaan dan menjadikan ini satu tarikan untuk *domesticisme* dan juga untuk *tourism* luar negara.

Yang Berhormat dari Seputeh telah membangkitkan mengenai kajian selera pelancong pelbagai negara dan ini saya telah sebutkan dalam *market segmentation* kita di mana kita mengenal pasti membuat *consultant body* atau syarikat-syarikat *consultancy* untuk memberikan apa yang perlu, apa yang produk di minati oleh satu-satu *country origin* dan kita menyuruhkan agensi-agensi tertentu atau *travel agency* dan *tours of operators* untuk membuat pakej-pakej tertentu untuk kawasan tertentu.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sabar Bernam, Sabak Bernam Yang Berhormat.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Dan shopping, ya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Hari ini lebih 100 orang daripada luar negara berada di Sabak Bernam iaitu daripada Rusia, daripada Germany dan daripada Yugoslavia. Ini satu perkara yang sangat dialu-alukan. Hanya Yang Berhormat Menteri saya ingin bertanya ini biasanya rumah *home stay* ini adalah rumah orang sederhana dan miskin. Ada tidak satu bentuk peruntukan untuk membantu orang-orang ini memperbaiki rumah dan kawasan prasarana supaya kawasan itu lebih menarik lagi kepada pelancong-pelancong itu. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Sebenarnya tarikan untuk *home stay* ini ialah suasana kampung dan juga kalau boleh *as traditional as possible* tetapi yang adalah tempat

bersih dan kemudahan mencukupi dan sederhana, tidak perlu lima bintang. Ini yang mereka mahu dan untuk merasakan suasana duduk di kampung dan memang ada peruntukan di mana untuk *one off* program sebelum kita melancarkan program *home stay* ini dan ini di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Yang Berhormat bagi Seputeh menyebutkan fasal *shopping* dan ... Yang pentingnya ialah memang *for your information, Shanghai is one of the most expensive cities in world, and any way. Shopping* di Malaysia ini telah kita menekankan kepada *our services and of course in terms of the over head cost, infrastructure cost which still is competitive to the other shopping centres the world*. Usaha kita untuk menyediakan seperti *mega sales in the middle of the year and the other smaller sale within other season* dan juga *year end sales* yang diadakan pada Disember dan Januari ini merangkumi Krismas, *schools holidays*.

Yang sebenarnya *market for shopping this region is still regional market* dan bukannya *long hold market*. Kita telah juga melihatkan bagaimana kita meningkatkan kraf tangan ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh bangun, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: ...kita telah menyokong supaya kraf tangan dan *central market* dapat membangunkan lagi pusat-pusat untuk membeli cenderamata dan sebagainya hasil kraf di negara kita. Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya lihat di Kuala Lumpur misalnya selain daripada *Central Market* tidak ada tempat yang menyerupai apa yang kita lihat yang ada di Bangkok. Di Bangkok misalnya, kebanyakan pelancong macam kita ini dari Malaysia, kita tidak pergi *shopping complex* tetapi di negara kita di Kuala Lumpur kita membina semakin banyak *shopping complex* yang mana harga yang terutamanya semua *branded clothing* yang dijual itu bagi orang Eropah mereka sudah dapat lihat di negaranya sendiri.

Bagi mereka dari China mereka lihat *ai yo* ini di negara mereka itu lebih murah tetapi saya rasa kita masih boleh cari satu *niche* bagi produk Malaysia. Misalnya batik dengan pembuatan yang bermacam-macam mungkin *handbag* atau apa yang mana saya rasa kita tidak belum tumpukan kuasa untuk membangunkan industri seperti yang menunjukkan keunikan. Itu yang saya harap kerajaan dapat mencontohi Bangkok, kita ada lebih *small* gerai seperti di *Petaling Street*, boleh dibangunkan.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Kita memang menggalakkan gerai-gerai untuk menjualkan kraf tangan seperti itu dan kita masih berusaha untuk membangunkan dengan lebih teratur. Mengenai *shopping* ini, saya telah sebutkan tadi, bahawa *shopping is just not a matter of price, is a matter of service. People still shop at the rodeo street in LA where it is the most expensive place in the world. People still shop in Millan, people still shop in Paris, why? It is just the different of shopping experience.*

Jadi di Malaysia ini, kita telah membuat satu kajian di mana *market* yang perlu, mungkin Yang Berhormat bagi Seputeh terkejut kalau mendengarkan pelancong dari China pun masih membeli di Kuala Lumpur kerana *the thrill of buying it in some where else is not the same as buying in Shanghai, even it is there, okey?*

So, these are the things that you have to look at the human behavior shopping ini dan kita telitikan mana yang kita dapat bangun, *well, there are 300 honeymoon couples a year, minimum from Shanghai and from China to Malaysia and these are the one they are go shopping after the wedding trill before they go home, so these are the things that you look at*. Yang Berhormat, jadi kita berusahalah, kita akan mengambil perhatian cadangan-cadangan Yang Berhormat tapi yang pentingnya ialah akhirnya kita mengenal pastikan yang mana pasaran-pasaran yang dapat menarik.

Mengenai Yang Berhormat bagi Ledang, mohon maaf. Mungkin saudara salah tafsiran yang nampak monyet dengan hutan itu, mungkin *is a promotion of ecotourism, but Malaysia is not all that. It's different market. If you in Paris probably, they will promoting to*

you the beautiful Borneo of Malaysia, Malaysian Borneo. Yang ini nampak orang utan, nampak hutan, nampak monyet. *But if you go to Japan, you will see something else, you see golf courses, you see shopping complex. This is where I think, but the material* adalah mengikut di mana kita memasarkan produk kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam lagi, Yang Berhormat .

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, sebut fasal monyet ini, Sabak Bernam telah pun mencadangkan satu *sanctuary for the monkeys* kerana di situ monyet berkumpul - ribuan monyet, malah sekarang ini monyet-monyet itu sedang berperang dengan orang-orang kampung. Jadi kita mencadangkan supaya kementerian ini dapat mewujudkan satu 'Desa Monyet' di situ.

Selain daripada itu, di Sabak Bernam juga, di kawasan hutan di tepi laut dan sungai itu, terdapat umpamanya siput sedut, ketam dan seumpamanya, ini semua boleh dijadikan satu kawasan agro-tourism yang akan menarik pelancong lebih ramai datang ke Sabak Bernam. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Saya ingin merujukkan Yang Berhormat untuk memohon kepada Jabatan Perhilitan atau Jabatan Pertanian yang mengendalikan program ini. Kementerian Pelancongan cuma memasarkan dan mempromosikannya, bukannya menyediakan kemudahan ini, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang Yang Berhormat.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Ledang, ya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Yang saya sebut tadi adalah aduan daripada rakan-rakan di luar negara. Mereka tidak nafikan itu memang penting, sekadarkan penonjolan monyet dan hutan ini, lebih daripada *golf course*, lebih daripada *twin tower*, seolah-olah itulah yang ada dalam Malaysia. Ha, ini yang saya terima aduan daripada luar negara, Dia tak nafikan benda itu penting, tapi dia lebih menjurus ke situ, ke hutan, ke monyet berbanding dengan banyak yang sudah banyak kita ada. Ha, ini aduanlah sehingga ada yang *misinterpretation* dengan izin. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: *It is a matter with interpretation and market, okey.* Kalau kita nak bincangkan, boleh dikatakan panjang. *It depend in where your marketing* dan kalau kita pergi ke Paris, kita tak dapat menonjolkan terlalu banyak *twin tower* kita, memang sekejap saja sudah cukup. Dia tahu, *this is the modern city, there is something modern there* tetapi yang mereka ingin tahu, adakah yang lain dari yang lain. Seperti yang kita tahu bukan monyet biasa tapi seperti orang utan yang ada, *the only sanctuary in the world is in Malaysia.* Jadi, ini satu tarikan kepada orang *European* dari segi *eco-tourism, rain forest - one of the biggest rain forest left in the world and the flora and fauna.* Jadi ini yang mereka mahu tahu dan ingin melihat dengan mata sendiri dan juga *the island tourism, island hopping, island experience, marine tourism dan scuba diving* yang kita adakan. Jadi ini yang kita '*markef*' ke negeri-negeri tertentu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat habiskan 10 minit.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: 10 minit? Okey.

Yang Berhormat bagi Bagan tadi telah menyebutkan, eh *sorry*, Yang Berhormat bagi Batu Gajah menyebutkan mengenai kita akan mengkaji atau menyiasat apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan kita akan membaiki apa kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan tadi, khususnya di Gunung Ledang dan di Chemor. Mengenai amaran-amaran yang tertentu kita telah buat amaran dan nasihat dalam nota-nota kecil untuk pelawat-pelawat dan pelancong-pelancong kita dari luar negara, apa yang patut dibuat, apa patut tidak dibuat, di mana tempat kita boleh pergi dan jangan pergi yang tidak selamat.

Yang Berhormat bagi Bagan telah menyebutkan pesta-pesta air dan pesta Citrawarna. Kita akan ambil perhatian bahawa ini memang kita memberi giliran kepada

negeri-negeri tertentu untuk mengadakannya. Untuk pesta pada tahun yang akan datang *launching* akan diadakan di Pahang dan penutup akan diadakan di Labuan. Acara-acara yang lain akan di adakan di mana negeri-negeri di seluruh negara kita dalam bulan atau dalam masa pesta itu diadakan.

Mengenai aduan fasal 'zero-fee' ini memang kita akan mengambil tindakan tertentu dan ini juga adalah satu perkara yang memberikan gambaran yang tidak sihat khususnya untuk pasaran China kepada Malaysia. Banyaknya pelawat-pelawat yang 'group tours' itu telah disalah gunakan oleh pihak-pihak tertentu dan banyaknya dikendalikan oleh *tourist agency* yang tidak berlesen dan kita telah cuba menangkap dan membawakan mereka. Kita sedar, di mana saya telah diberi tahu juga bahawa ada juga seperti tempat-tempat yang tertentu di mana mereka membawakan pelancong ini membeli barang lebih mahal dari yang sebenar. Inilah cara mereka mendapat balik wang yang dikatakan seperti 'zero tour' itu. Ini kita akan bekerjasama dengan Thailand dan *Singapore* untuk memberhentikan kegiatan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang saya tidak dapat sebutkan di sini tadi, saya berharap saya akan dapat mengkaji semula jawapan dan memberikan jawapan secara bertulis. Walau bagaimana pun, saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberi perhatian dan juga cadangan-cadangan kepada usaha-usaha kita untuk meningkatkan kegiatan industri pelancongan di negara kita. Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ada masa lagi, ma. Ada 7 minit lagi. Boleh saya tanya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah itu, Seputeh, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tanya sahajalah. Ada 7 minit lagi. Tujuh, tujuh, tujuh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Seputeh cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bagilah, bagi sikit-sikit. Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup-cukup, Sila duduk, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri tidak jawab saya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa. Dia kata dia bagi jawapan bertulis, cukuplah

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...berkaitan serbuan polis dan imigresen ke restoran Cina, pub dan tempat-tempat hiburan itu yang mana sudah menakutkan pelancong dan orang asing...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh, sila duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak minta pandangannya, itu sahaja...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, dia akan bagi jawapan, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apakah pandangan pihak Kementerian terhadap perbuatan kementerian yang lain yang telah menjejaskan pelancongan kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Yang Berhormat Seputeh, sila duduk, sila duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh saya minta jawapan bertulis ke? Jawapan bertulis, boleh ya? Esok ya? Esok ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM532,853,900 untuk Maksud B.31 di bawah Kementerian Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM532,853,900 untuk Maksud B.31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM56,300,000 untuk Maksud P.31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM56,300,000 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Usul Anggaran Pembangunan 2006 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2006 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangkan Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada tiga puluh lima bilion lima ratus dua juta empat puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM35,502,044,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2006, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2006, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 2005, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud

yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada tiga puluh lima bilion lima ratus dua juta empat puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM35,502,044,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2006, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2006, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 2005, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.”

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat kita telah lengkap membahas peringkat Jawatankuasa dan saya ucap terima kasih kerjasama Yang Berhormat. Saya mohon maaf, ada yang tidak sempat membahas tetapi Parlimen kita masih panjang, ada peluang lagi dan kita akan sambung esok jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.16 petang.